

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1) <ul style="list-style-type: none">· Lambakan 300,000 Tan Metrik Padi Di Seluruh Negara- Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)	(Halaman 21)
USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3) <ul style="list-style-type: none">· Lambakan 300,000 Tan Metrik Padi Di Seluruh Negara- Y.B. Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)	(Halaman 99)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2002 <u>Jawatankuasa-</u> <u>Jadual:-</u> Maksud B.42 Maksud B.43 Maksud B.44	(Halaman 26) (Halaman 58) (Halaman 81)
USUL-USUL: Anggaran Pembangunan 2002 <u>Jawatankuasa-</u> Maksud P.42 Maksud P.43 Maksud P.44	(Halaman 26) (Halaman 58) (Halaman 81)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 57)

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K. J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)

“ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Dr. Ling Liong Sik, S.P.M.P., D.G.S.M., D.P.M.P. D.P.M.S. (Labis)

“ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)

“ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N, D.P.C.M. (Beras)

“ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)

“ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)

“ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P, S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)

“ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)

“ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)

“ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)

“ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P, S.M.J, P.I.S (Bakri)

“ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P. (Paya Besar)

“ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)

“ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)

“ Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. (Selandar)

“ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)

“ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)

“ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)

“ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

- Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jejebu)
- “ Menteri Pertanian, Datuk Effendi Norwawi (Kuala Rajang)
- “ Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.I.M.P. (Lembah Pantai)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
- “ Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
- “ Timbalan Menteri Penerangan Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
- “ Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
- “ Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A(Titiwangsa)
- “ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Kerk Choo Ting, D.P.M.P. (Taiping)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S. (Selayang)
- “ Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
- “ Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K. (Semporna)
- “ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B.K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
- “ Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
- “ Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
- “ Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
- “ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
- “ Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasar Salak)
- “ Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)
- “ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
- “ Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
- “ Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
- “ Timbalan Menteri Kerja Raya, Tuan Mohamed Khaled bin Haji Nordin P.I.S. (Johor Bahru)
- “ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
- “ Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dr. Tiki anak Lafe (Mas Gading)
- ” Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Dato’ Dr. Ng Yen Yen (Raub)
- “ Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dr. Abdul Latiff bin Ahmad (Mersing)
- ” Timbalan Menteri Pendidikan, Dato’ Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato’ Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Puan Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
- “ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato’ Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan, Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato’ Kosai (Muar)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato’ S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tengah)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Usahawan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Puan Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)
- “ Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato’ Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
- ” Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
- ” Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
- “ Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
- ” Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
- “ Dato’ Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
- “ Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman (Sungai Benut)

- Yang Berhormat Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Kangar)
- “ Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
- “ Tuan Abd. Rahman bin Yusof (Kemaman)
- “ Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C, D.P. (Kota Samarahan)
- “ Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
- “ Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
- “ Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
- “ Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
- “ Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P. (Larut)
- “ Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
- “ Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
- “ Tuan Haji Amihamzah bin Ahmad (Lipis)
- “ Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
- “ Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
- “ Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
- “ Datuk Bung Mokhtar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
- “ Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
- “ Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
- “ Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
- “ Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
- “ Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
- “ Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
- “ Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor, D.S.D.K. (Pendang)
- “ Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
- “ Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
- “ Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
- “ Dato Goh Siow Huat (Rasah)
- “ Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)
- “ Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
- “ Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
- “ Dato' Hew See Tong, D.P.M.P., J.P. (Kampar)
- “ Dato' Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
- “ Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
- “ Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)

Yang Berhormat Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)

- “ Tuan Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
- “ Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., (Rompin)
- “ Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
- “ Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
- “ Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
- “ Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
- “ Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
- “ Tuan Joseph Salang anak Gandum (Julau)
- “ Tuan Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
- “ Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M, D.S.N.S. (Tumpat)
- “ Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
- “ Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
- “ Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
- “ Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
- “ Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
- “ Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
- “ Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
- “ Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
- “ Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
- “ Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
- “ Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
- “ Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
- “ Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
- “ Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
- “ Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
- “ Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
- “ Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
- “ Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
- “ Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)
- “ Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
- “ Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
- “ Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak, P.G.D.K. (Kota Belud)
- “ Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
- “ Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
- “ Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K, P.J.M., (Balik Pulau)
- “ Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)

Yang Berhormat Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)

- “ Tuan Muhammad bin Mustafa (Peringat)
- “ Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
- “ Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
- “ Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
- “ Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
- “ Tuan Ng Lip Yong (Batu)
- “ Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
- “ Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
- “ Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
- “ Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
- “ Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
- “ Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
- “ Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
- “ Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
- “ Tuan Robert Lau Hoi Chew, J.B.S., (Sibu)
- “ Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
- “ Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
- “ Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
- “ Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
- “ Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
- “ Tuan Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
- “ Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
- “ Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
- “ Datuk Song Swee Guan, P.G.B.S. (Bandar Kuching)
- “ Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
- “ Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
- “ Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
- “ Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)
- “ Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
- “ Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
- “ Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
- “ Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
- “ Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
- “ Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
- “ Dato' Dr. Ting Chew Peh, D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
- “ Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
- “ Dato' Tiong Thai King, (Lanang)
- “ Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)

- Yang Berhormat Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, J.B.S., P.B.S. (Batang Lepar)
- " Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
- " Tuan Wilfred Madius Tangau, J.P., A.D.K. (Tuaran)
- " Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
- " Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
- " Datuk Yong Teck Lee, P.G.D.K., P.J.N. (Gaya)
- " Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
- " Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail, D.P.M.S., S.M.S, K.M.N (Gombak)
- " Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
- " Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)

- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
- " Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
- " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
- " Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
- " Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
- " Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N.
- " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, P.J.N.
- " Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

DEWAN RAKYAT**PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

Ketua Penolong Setiausaha

Roosme binti Hamzah
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha

Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Zaiton binti Yaacob
Abd. Talip bin Hasim
Noorhazmah binti Hamzah
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Syed Azuddin bin Syed Othman
Habibunisah Mohd. Azir
Abu Bakar bin Hasan

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
MESIN CETAK**

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Hajah Paizah binti Haji Salehuddin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah
Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN
PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein
Azmi bin Othman
Zafniza binti Zakaria
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani
Ruhana binti Mohd. Sani
Mazlina binti Ali
Norlaila binti Abdullah Sidi
Alias bin Mohd. Nor

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 4 Disember 2001

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Tuan Mah Siew Keong [Teluk Intan]** minta Menteri Pendidikan menyatakan, adakah Kementerian bercadang untuk mengadakan pendidikan seks di sekolah supaya jangkitan penyakit HIV, kes-kes kehamilan di kalangan remaja dan masalah-masalah sosial yang lain dapat dikurangkan.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua pertanyaan mengenai cadangan mengadakan pendidikan seks di sekolah ditimbulkan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertanyaan-pertanyaan tersebut adalah daripada Ahli Yang Berhormat bagi Teluk Intan pada 4 Disember 2001, Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara pada 11 Disember 2001. Pohon izin, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, baik

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Pada masa ini Kementerian Pendidikan belum bercadang untuk mengadakan mata pelajaran pendidikan seks secara khusus di sekolah-sekolah. Namun demikian, pelbagai langkah telah diambil untuk menangani masalah gejala sosial di kalangan remaja termasuk yang melibatkan pelajar sekolah. Selain dari mengeluarkan surat Pekeliling Ikhtisas Bil.9/2001 khusus berkaitan penglibatan pelajar dengan kegiatan-kegiatan negatif termasuk kegiatan-kegiatan berunsur seksual, Kementerian Pendidikan telah menerapkan pengetahuan dan kesan salah laku seks seperti jangkitan HIV, kehamilan dan masalah sosial lain ke dalam beberapa kurikulum mata pelajaran seperti Pendidikan Kesihatan, Sains, Biologi, Sains Tambahan, Pendidikan Islam dan Pendidikan Moral.

Sehubungan itu juga, Kementerian Pendidikan melalui Pusat Perkembangan Kurikulum telah menyediakan modul-modul dan menjalankan pelbagai kursus dan bengkel latihan sebagai persediaan kepada guru-guru sekolah dan rendah untuk menjalankan proses pengajaran dan pembelajaran tajuk-tajuk yang berkaitan ataupun berunsur seksual. Di samping itu, tajuk-tajuk berkaitan dengan *sexuality* dimasukkan ke dalam kandungan buku-buku teks berkenaan sejajar dengan kandungan kurikulum sekolah rendah dan menengah.

Program intervensi berkaitan dengan *sexuality* juga sedang dijalankan secara rintis di sekolah. Pihak pentadbir sekolah telah melaksanakan penerangan melalui perhimpunan mingguan sekolah serta sesi-sesi khas dengan agensi-agensinya yang berkaitan dari masa ke semasa. Langkah ini dapat menambah pengetahuan dan kemahiran pelajar agar menjauhkan diri daripada perkara yang boleh memudaratkan terutamanya daripada segi gejala negatif seperti salah laku seks.

Tuan Mah Siew Keong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada keyakinan kementerian akan mengambil tindakan yang wajar kerana kita tidak boleh, dengan izin, *sweep the problem under the carpet*. Bagi pendapat saya, *Malaysian AIDS Council* di bawah pimpinan Marina Mahathir telah menjalankan publisiti yang begitu baik. Adakah kementerian bercadang meminta NGO seperti *Malaysia AIDS Council* memberi taklimat berkenaan dengan bahaya HIV kepada murid-murid sekolah kerana guru-guru tidaklah begitu *equip* dalam aspek ini dan murid-murid sekolah menengah patut diberi pengetahuan sebelum mereka meninggalkan bangku sekolah.

Soalan saya, adakah kempen dan taklimat di sekolah ini akan digalakkan oleh pihak-pihak NGO sebelum *epidemic AIDS* ini menjadi satu *time bomb* seperti di negara jiran. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Yang Berhormat, sebenarnya ada dua perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertama sekali mengenai dengan persatuan ataupun NGO yang dipimpin oleh Datuk Marina mengenai dengan AIDS. Memang kita telah banyak kali mendapat bantuan daripada NGO-NGO tertentu dalam kempen ini. Jadi, kita amat mengalu-alukan kempen-kempen yang dilakukan oleh persatuan-persatuan tertentu. Malah kita dapat juga bantuan daripada pihak hospital untuk membantu pihak guru-guru kita.

Selainnya itu, kita juga cuba mendapatkan segala macam bantuan daripada - macam saya katakan persatuan-persatuan yang lain selain daripada persatuan tadi untuk memberi kempen di sekolah. Terima kasih.

Drs. Haji Abu Bakar bin Othman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya jangkitan penyakit HIV, kehamilan di luar jangka di kalangan remaja ataupun dewasa dan tua adalah menjatuhkan martabat manusia. Sebab itulah Islam melarang keras perlakuan hubungan jenis di luar nikah ini sejak dahulu kala lagi. Filem-filem lucah, bahan-bahan bacaan berunsur seks juga menjadi penyebab utama berlakunya hubungan jenis di luar nikah bagi pergaulan bebas ini. Maka saya ingin tahu, apakah langkah-langkah jangka panjang Kementerian Pendidikan bagi menangani masalah masyarakat dan negara yang cukup parah ini agar ianya tidak bertambah, mew abak di negara yang kononnya sudah Islam tetapi penyakit yang dilarang oleh Islam terus merebak. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Jerlun. Sebenarnya Yang Berhormat, tadi ada banyak perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Memang dalam Islam kita telah mengutuk persetubuhan di luar nikah, itu dalam Islam. Tetapi apa yang hendak dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi, adakah Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat terkeliru dalam soal ini. Kita bercakap mengenai dengan kempen HIV ini di sekolah-sekolah dan kita akan teruskan. Tetapi Yang Berhormat terus menerus mengatakan bahawa filem lucah yang menjadi penyebab HIV. Sebenarnya ini salah satu sebab, bukan penyebab utama.

Malah di zaman dahulu sebelum filem lucah ada pun, juga terdapat banyak perkara kes jenayah seks berlaku. Saya berharap pihak pembangkang juga dalam soal ini mesti bersama-sama dengan pihak kerajaan untuk buat kempen dan membasmi HIV kalau boleh. Jadi, jangan kita menggunakan ceramah-ceramah kita hanya hendak mengutuk kerajaan, mengatakan bahawa HIV ini adalah disebabkan dan berpunca daripada pihak kerajaan. Jadi, saya berharap ini harus diambil ingat oleh pihak pembangkang khususnya Parti PAS.

Juga apakah langkah-langkah jangka panjang. Langkah-langkah jangka panjang ialah memberi pendidikan kepada anak-anak muda kita. Jadi, dengan adanya pendidikan yang baik maka mereka akan menjadi manusia yang baik. Terima kasih.

2 Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin [Sepang] minta Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menyatakan, sama ada kementerian mempunyai cadangan untuk mengadakan Jawatankuasa Tindakan Bersama dengan negara-negara ASEAN yang lain selain negara Filipina bagi menggalakkan industri pelancongan. Apakah rasionalnya kementerian memilih Filipina sebagai negara untuk menjalinkan rancangan Jawatankuasa Tindakan Bersama tersebut.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan [Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir]: Tuan Yang di-Pertua, sememangnya Malaysia telah mempunyai jalinan kerjasama dengan negara serantau di ASEAN dalam usaha menggalakkan pembangunan industri pelancongan negara melalui Jawatankuasa Tindakan Bersama yang ada di pihak kerajaan, swasta dan NGOs dan melalui memorandum persefahaman serta perjanjian dua hala. Kerjasama dengan negara-negara ASEAN bukan sahaja dengan negara Filipina, malah juga dengan negara-negara jiran yang lain iaitu Indonesia, Singapura, Thailand. Kita juga mempunyai perjanjian dan memorandum persefahaman dalam bidang pelancongan dengan Vietnam, Laos dan juga Myanmar selain daripada kerjasama serantau melalui berbagai-bagai persetujuan dalam persidangan-persidangan Menteri Pelancongan ASEAN.

Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan menjalin kerjasama dua hala dengan Filipina melalui Jawatankuasa Tindakan Bersama adalah untuk tujuan pembangunan promosi dan mengatasi beberapa isu pelancongan yang dihadapi oleh kedua-dua buah negara.

Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dengan perkembangan terbaru pergolakan politik terutama di Selatan Filipina sekarang, apakah kesan yang dihadapi dan adakah kementerian bercadang untuk mengkaji semula dan mengatur langkah untuk menjayakan kerjasama antara Malaysia dan Filipina. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, masalah di Filipina adalah di Selatan Filipina, tetapi di tempat-tempat lain khususnya di tempat ramai penduduk iaitu di Pulau Luzon dan sebagainya, keadaan adalah seperti biasa. Kita telah mendapat lebih daripada 70,000 pelancong daripada Filipina tahun sudah. Jadi, kita mengharapkan untuk meningkatkan angka ini pada tahun ini iaitu di kalangan orang-orang Filipina yang berkemampuan dan sebagainya untuk datang ke Malaysia.

Puan Chew Mei Fun: Terima kasih. Saya ingin minta penjelasan dari Yang Berhormat Menteri. Selepas 11 September, pelancong yang melawat ke negara kita telah berkurang dari 50,000 orang sebulan ke 23,000 sebulan dan industri pelancongan di negara kita telah menghadapi kemerosotan. Oleh itu, apakah langkah kementerian untuk mencapai *target* yang telah ditentukan. Terima kasih.

Dato' Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, memang selepas September 11, jumlah pelancong yang tiba ke Malaysia telah pun merosot. Ini bukan sahaja ke Malaysia tetapi ini satu kesan di seluruh dunia. Namun demikian, tanda-tanda menunjukkan bahawa keadaan sedang pulih seperti sedia kala sekarang-kurangnya bagi bulan Disember. Oleh sebab ini kita telah pun meningkatkan, usaha-usaha promosi kita seperti biasa di beberapa negara di mana kita rasa kita akan dapat pulangan yang cepat dengan perbelanjaan yang tidak begitu banyak. Di tempat-tempat lain pula yang biasanya kita mengadakan promosi seperti di Amerika Syarikat dan juga di *Europe*, di sana kita kurangkan sedikit kerana mereka ada sebab-sebab tertentu kenapa mereka tidak mahu naik kapal terbang dan sebagainya. Jadi, kita *re-deploy*, dengan izin, peruntukan yang kita ada yang terhad itu kepada negara-negara yang mungkin kita boleh dapat tingkatkan pelancongan dalam masa yang singkat.

[Soalan No. 3 – Y.B. Tuan Haji Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah] tidak hadir.]

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Tiong Thai King [Lanang] tidak hadir.]

[Soalan No. 5 – Y.B. Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] tidak hadir.]

[Soalan No. 6 – Y.B. Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said Keruak [Kota Belud] tidak hadir.]

[Soalan No. 7 – Y.B. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] tidak hadir.]

8. Dato' Ir. Ho Cheong Sing [Ipoh Barat] minta Menteri Pertanian menyatakan:-

- (a) sama ada kementerian sedar bahawa penguatkuasaan Manual Saliran Mesra Alam yang baru akan meningkatkan kos unit rumah dengan skim perumahan direka mengikut konsep tiada pengaliran air keluar (*zero discharge concept*) yang memerlukan tanah yang lebih besar untuk kolam tadahan; dan
- (b) adakah kementerian akan mencadangkan cara-cara untuk mengatasi penambahan kos-kos pembinaan perumahan akibat daripada pelaksanaan manual tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian [Dato' Abu Bakar bin Taib]:
Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat:-

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, pemakaian Manual Saliran Mesra Alam (MASMA) yang telah dikuatkuasakan pada 1 Januari 2001 adalah berasaskan pengurangan air larian hujan (*zero peak discharge*) dan bukannya tiada air larian hujan (*zero discharge*).

Penggunaan konsep pengurangan ini tidak menambahkan kos pembangunan pada keseluruhannya memandangkan tapak tanah yang perlu disediakan untuk kolam tadahan adalah tidak luas.

- (b) Bagi menerangkan pelaksanaan MASMA, satu dialog kebangsaan antara kerajaan dan Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan (REHDA) telah diadakan pada 13 Ogos 2001 yang lalu.

Dalam hubungan ini, kerajaan akan memberi khidmat nasihat teknikal kepada pemaju dalam perancangan dan reka bentuk sistem saliran bagi satu projek pembangunan di setiap negeri untuk dijadikan sebagai contoh pelaksanaan serta bagi mengatasi pertambahan kos.

Di samping itu, JPS bersama dengan pakar-pakar berkaitan sentiasa menganjurkan kursus-kursus latihan bagi jurutera-jurutera di sektor awam dan swasta yang terlibat dengan pelaksanaan MASMA agar mempunyai kemahiran untuk merancang dan mereka bentuk sistem saliran yang berkesan dan ekonomik.

Terima kasih.

Dato' Ir. Ho Cheong Sing: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, sama ada JPS ada mencadangkan *master plan* untuk lokasi kolam tadahan, sebab JPS sekarang mencadangkan kolam tadahan di setiap taman perumahan baru. Sekian.

Dato' Abu Bakar bin Taib: Tuan Yang di-Pertua, JPS telah merancang untuk mengadakan di tempat-tempat tertentu yang berkaitan dengan masalah ini iaitu di kawasan-kawasan baru yang mana kita mengadakan taman perumahan. Walau bagaimanapun dari segi Kuala Lumpur pula kita akan mengadakan projek mencegah banjir, mengadakan saliran terus ataupun meluruskan sungai-sungai terus ke laut dan satu cara lagi ialah dengan mengadakan kawasan tadahan yang tertentu iaitu misalnya di kawasan baru mengadakan empangan. Dan dalam perkara ini pihak kerajaan akan terus memantau dan menggunakan apa sahaja yang perlu untuk mengurangkan banjir. Sekian, terima kasih.

9. Tuan Lee Kah Choon [Jelutong] minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:-

- (a) apakah sebab Projek Kampung Tengah, Jelutong Timur, Pulau Pinang yang diselaraskan oleh Unit Penyelarasan Bumiputera tidak dapat dipulihkan walaupun sudah terbengkalai sejak tahun 1994.
- (b) apakah rancangan kementerian untuk memastikan masalah projek terbengkalai seperti Projek Kampung Tengah tidak diulangi pada masa depan.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan bahagian:

- (a) Adalah tidak benar projek tersebut terbengkalai sejak tahun 1994. Kementerian ini dimaklumkan bahawa pada asalnya projek ini akan dimajukan oleh pihak Urban Development Authority (UDA). Oleh kerana terdapatnya beberapa pindaan terhadap pelan pembangunan, masalah-masalah keperluan teknikal serta pihak UDA sendiri telah dikorporatkan Maka akhirnya projek ini dimajukan oleh Syarikat UDA Bina Sendirian Berhad. Menurut rekod kementerian, terdapat dua lesen pemaju perumahan telah dikeluarkan kepada Syarikat UDA Bina Sendirian Berhad bagi memajukan projek Taman Mutiara Idaman, Kampung Tengah, Jelutong, daerah timur laut Pulau Pinang.

Bagi fasa pertama, lesen pemaju perumahan telah diberi dan berkuat kuasa mulai 2 Mac 2000 hingga 1 Mac 2005. Dan bagi fasa dua pula, lesen pemaju perumahan telah diberi dan berkuat kuasa mulai 11 Julai 2001 hingga 10 Julai 2006.

Pada masa ini kemajuan projek Taman Mutiara Idaman yang merupakan bangunan apartment 21 tingkat,

telah mencapai kemajuan pembinaannya sehingga ke tingkat 17 bagi dua blok bangunan berkenaan.

- (b) Bagi memastikan projek perumahan tidak terbengkalai, kementerian ini telah mengambil tindakan-tindakan berikut:-
- (i) meminda Akta Pemaju Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) kepada Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) yang baru sahaja diluluskan oleh Dewan yang mulia ini. Dengan pindaan tersebut, adalah diharapkan pemaju perumahan akan lebih bertanggungjawab serta kepentingan pembeli akan lebih terjamin;
 - (ii) pengawasan dan penguatkuasaan yang lebih tegas terhadap pemaju perumahan selaras dengan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah akta yang baru dipinda tersebut;
 - (iii) mewujudkan sebuah jawatankuasa untuk memantau aduan-aduan mengenai perumahan di kementerian ini iaitu Jawatankuasa Pemantauan Aduan Perumahan yang bermesyuarat sekali sebulan dan dipengerusikan oleh Timbalan Menteri dan
 - (iv) mengadakan lawatan-lawatan ke tapak projek perumahan yang terbengkalai menurut aduan yang diterima oleh pembeli.

Sekian, terima kasih.

Tuan Lee Kah Choon: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sebelum projek ini dimulakan, tanah telah dikosongkan oleh penduduk-penduduk asal dan mereka dijanjikan sewa sementara unit-unit mereka dibina. Apabila projek ini dihentikan, pemaju telah berhenti untuk membayar sewa kepada penduduk-penduduk ini. Perkara begitu selalu berlaku kepada projek swasta tetapi ini adalah satu projek yang ada kaitan dengan kerajaan.

Soalan tambahan saya adalah, apakah tindakan yang akan diambil oleh kementerian yang khususnya untuk memastikan sewa dapat dibayar kepada penduduk-penduduk sementara projek ini dijalankan dan bilakah projek ini dapat diselesaikan.

Sekian, terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Mengenai bayaran sewa kepada bekas penghuni dalam tanah itu, saya memang tidak ada maklumat mengenai perkara ini. Saya akan meminta pegawai saya menyoal dan sama ada ini termasuk dalam surat perjanjian antara pembeli dengan pemaju. Jika ini termasuk dalam surat perjanjian tersebut, maka kita akan mengambil tindakan mengikut undang-undang yang sedia ada.

Dan mengenai bilakah projek ini boleh disiapkan, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setakat ini projek ini sudah sampai ke tingkat 17 dan lesennya akan tamat pada 2005, sebab perkara ini maka kita hanya dapat terus memantau sama ada projek ini diusahakan dengan licin atau dengan giatnya oleh pihak pemaju supaya ia tidak memberhentikan kerja-kerja di dalam tapak tersebut. Kalau ada tindakan memberhentikan projek tersebut, kita akan terus memanggil pemaju supaya pemaju akan memberi keterangan, apakah sebabnya projek itu tidak diusahakan dengan licin. Itu sebahagian tindakan yang kita boleh ambil tetapi kita tidak boleh paksanya untuk menyiapkan projek-projek tersebut kecuali ia sudah melebihi had masa yang dijanjikan di dalam surat perjanjian.

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya hendak minta penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebagai soalan tambahan, soalan yang pertama tadi berkaitan dengan projek perumahan terbengkalai, saya ingin tahu kedudukan rumah dan juga lesen atau pelan sesuatu projek perumahan yang telah diluluskan oleh kerajaan, tetapi pemaju tidak buat-buat, sudah sampai lima, enam tahun dia biar, saya tidak tahu apa tujuan.

Hendak kata pemaju itu [*Pembesar suara tertutup*] Ada. Jadi, apakah tindakan yang kementerian boleh ambil sekiranya pemaju itu melengahkan, memang diam sahaja, sama ada dia hendak menunggu kerajaan mengumumkan kenaikan harga rumah murah dan sebagainya ataupun ada tujuan yang lain. Jadi, dia tidak buat-buat, dia diam sahaja. Nama semua senarai kita sudah hantar kepada pemaju tersebut, ini tidak seperti rumah terbengkalai, ini rumah dilengah-lengahkan tidak buat-buat, bertahun-tahun dibiarkan begitu.

Jadi, adakah satu tindakan untuk menghukum pemaju tersebut, sama ada lesennya dibatalkan ataupun macam mana, saya ingat kementerian kena ambil satu-satu tindakan, kalau tidak pemaju berbuat sebegini rupa.

Seorang Ahli: Sila jawab!

Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan: Sila jelaskan. Terima kasih.

Datuk Peter Chin Fah Kui: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebagai maklumat tambahan bagi Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin memberitahu, jumlah projek rumah yang terbengkalai, yang pada masa kini, yang kita dapat kesan di seluruh negara hanya 56 projek, di antara beribu-ribu projek yang diusahakan di seluruh negara, iaitu angka ini tidak begitu besar tetapi memanglah ada terdapat aduan yang kita terima di mana pemaju itu seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat tadi, lambat hendak diusahakan atas sebab-sebab yang hanya pemaju itu boleh mengetahuinya, boleh adakan. Kita pun tidak mengetahui apa sebabnya projek itu dilambat-lambatkan.

Tetapi apabila kita kesan macam ini, ataupun kita menerima aduan seperti ini, pegawai kita akan terus turun ke tapak untuk mengesan sama ada projek itu sengaja diberhentikan ataupun atas ada sebab-sebab yang dihadapi oleh pihak pemaju.

Kalaulah projek itu sengaja tidak usahakan, pihak Menteri ada satu kuasa di dalam Akta iaitu Seksyen 11 di mana Menteri boleh mengarahkan pihak pemaju terus berusaha dan terus membina projek tersebut seperti yang dijanjikan dalam surat perjanjiannya. Kalau pemaju itu enggan *respons* daripada notis yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri, maka ia boleh disabitkan ke mahkamah kerana tidak mengikut arahan daripada Menteri dalam seksyen tersebut.

10. Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau] minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah kesan positif yang dapat dicapai melalui usaha-usaha kerajaan menubuhkan Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penstrukturan Semula Hutang Korporat. Berapa banyak syarikat yang dapat diselamatkan dan apakah badan ini akan dikekalkan untuk tujuan-tujuan lain seperti melaksanakan *corporate governance* dan memandu syarikat Malaysia agar dapat bersaing di peringkat antarabangsa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Penubuhan Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat atau CDRC merupakan satu pelan komprehensif teratur yang di rumus oleh Kerajaan bertujuan menangani masalah pinjaman tidak membayar dan isu permodalan institusi perbankan bagi memastikan perbankan terus dapat memainkan peranan mereka dalam aktiviti pemberian pinjaman supaya aktiviti ekonomi dapat terus berjalan dan pada masa yang sama memperkukuh sektor perbankan itu.

Semenjak bermulanya operasi ketiga-tiga agensi tersebut, perkembangan positif dapat dilihat terutamanya dari aspek peningkatan di dalam aktiviti pemberian pinjaman oleh institusi perbankan ekoran pengambilalihan pinjaman tidak membayar oleh Danaharta dan pengukuhan kedudukan modal sistem perbankan berikutan suntikan modal oleh Danamodal.

Di samping itu penyelesaian ke atas skim penyusunan semula pinjaman korporat turut mengurangkan bilangan syarikat-syarikat yang masih berdaya maju yang perlu dibubarkan ekoran masalah pinjaman tidak membayar. Tindakan ini sekali gus

mengurangkan bilangan kakitangan yang mungkin kehilangan pekerjaan. Penubuhan agensi berkenaan telah berjaya mengelakkan gangguan sistematik ke atas kestabilan sistem perbankan secara keseluruhannya, yang mana sekiranya berlaku akan mendatangkan kesan negatif ke atas segala usaha kerajaan dalam memulihkan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua sehingga 31 Ogos 2001, usaha pengurusan aset dan pinjaman tidak berbayar oleh Danaharta juga telah menunjukkan prestasi yang menggalakkan di mana kira-kira 83% atau RM42.02 bilion daripada pinjaman di dalam portfolionya telah dilunaskan atau di susun semula dengan anggaran nilai kutipan atau *expected recovery rate* dengan izin sebanyak RM27.7 bilion atau 66%.

Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat pula sehingga 30 September 2001 telah menerima 62 permohonan bagi penyusunan semula hutang pinjaman korporat dan sebanyak 36 kes telah selesai dirumuskan. Penubuhan Danaharta, Danamodal dan CDRC merupakan salah satu langkah proaktif dan *preemptive* yang diambil oleh kerajaan bagi menangani kelemahan yang timbul di dalam sektor perbankan sekali gus mengelakkan berlakunya gangguan secara sistematik ke atas kestabilan sektor perbankan yang bukan sahaja mampu membaratkan usaha memulihkan ekonomi negara malah mampu mendatangkan kesan negatif yang lebih buruk ke atas sistem ekonomi secara keseluruhannya.

Ketiga-tiga agensi berkenaan berfungsi secara sementara. Apabila matlamat penubuhannya telah tercapai agensi berkenaan akan dibubarkan. Ini adalah bagi mengelakkan isu *moral hazard* dengan izin yang boleh mendatangkan kesan negatif ke atas sektor perbankan dalam jangka panjang,

Terima kasih.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang memberi penjelasan tadi. Kita sebagai rakyat mengucapkan terima kasih dan syabas kepada kerajaan kerana bukan sahaja menyelamatkan syarikat-syarikat yang menghadapi masalah semasa kegawatan ekonomi tetapi juga menyelamatkan pelaburan rakyat, banyak rakyat yang melabur di dalam syarikat-syarikat yang diselamatkan oleh Danaharta dan Danamodal.

Dalam masa yang sama saya ingin juga bertanya dengan Yang Berhormat. Kita dengar ada pihak-pihak yang menyatakan bahawa *corporate governance* dalam syarikat-syarikat di Malaysia begitu lemah. Kita dapati syarikat-syarikat ini, syarikat induk Apabila ia telah pun berjaya mengembangkan perniagaan, mereka akan menubuhkan anak-anak syarikat yang di mana kita lihat anak-anak syarikat ini mengalami kerugian. Ada yang menyatakan bahawa ini adalah satu fenomena *siphoning of profit* ataupun modal kepada tangan yang lain dan ini amat mengecewakan banyak pihak. Baru-baru ini kita menyaksikan bahawa rombakan dalam teraju syarikat-syarikat besar negara seperti MRCB dan mungkin Tabung Haji tak lama lagi dibuat oleh pihak kerajaan di mana pegawai-pegawai daripada Danamodal dan Danaharta ditempatkan di syarikat-syarikat yang berkenaan.

Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat, apakah benar perkara ini berlaku dan apakah ini sebagai satu *exercise* untuk melahirkan syarikat yang berdaya maju dan yang telus dan mendapat kepercayaan yang tinggi daripada pelabur-pelabur dan selain daripada itu, apakah langkah-langkah lain selain daripada menukar teraju kepimpinan syarikat yang dilaksanakan oleh kerajaan untuk menentukan supaya syarikat-syarikat yang ada di Malaysia ini benar-benar dalam memberikan pulangan yang baik kepada pelabur, Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Arau dan untuk penjelasan persoalan Yang Berhormat, bahawa memang ada pihak-pihak yang masih meragui tentang tahap *corporate governance* negara kita tetapi kalau saya boleh berpandukan kepada kajian PERC iaitu *the Political and Economic Risk Consultancy* dengan izin yang bertapak di Hong Kong dan badan ini mengatakan bahawa *corporate governance* negara kita adalah di antara yang terbaik, di antara yang terbaik. Walau pun ada pihak yang [*Melihat kepada Y.B bagi Kemaman*] Yang Berhormat bagi Kemaman dah senyum dah itu [*Ketawa*] Di antara pihak yang sering meragui kewibawaan kitalah tetapi ini diakui oleh badan dunia bukan kita paksa dia memperakukan kemampuan kita Dia buat kajian dan ini *finding* dan ini kesimpulan, ini

rumusan PERC. Bukan kita paksa dia suruh mengatakan yang kita ini baik, tidak! Ia dibuat atas satu dasar yang telus.

Dan untuk itu Yang Berhormat kerana itulah maka kerajaan mengemukakan satu kaedah sampingan, di samping perakuan oleh badan dunia, kerajaan juga sedaya upaya cuba memulihkan syarikat-syarikat kita daripada pihak pengurusannya dan kepada semua aspek, kita susun semula supaya syarikat-syarikat ini khususnya syarikat-syarikat besar konglomerat misalnya, boleh bangun semula dan menjadi satu syarikat besar yang boleh menjana ekonomi negara.

Tadi Yang Berhormat sebut MRCB, UEM dan mungkin Putra, LTR. Ini adalah contoh-contoh di mana kerajaan menyusun semula syarikat-syarikat yang lemah pentadbirannya kita akui memang ada kelemahan pentadbiran, pengurusan dan *corporate governance*. Kerana itulah, kerana kesedaran itulah, keinsafan itulah maka kerajaan menyusun semula syarikat-syarikat ini supaya mereka boleh pulih semula dan terus memberi sumbangan kepada ekonomi negara kita dan ...

Seorang Ahli: [Bangun]

Tuan Hashim bin Ismail: Saya belum selesai lagi. Dengan cara ini, dengan sebab itulah maka UEM disusun semula dan beberapa syarikat yang lain disusun semula dan ditingkatkan tahap *corporate governance* nya maka pelaburan asing telah mula *confidence*, yakin kepada kita dan kerana itulah maka kita boleh dan mampu mengekalkan fundamental ekonomi yang kukuh walaupun keadaan di luaran sana tidak begitu positif. Walaupun faktor luaran agak negatif tetapi Malaysia masih punya ketahanan dengan izin *resilient* dan masih boleh dan mampu berdepan dengan segala cabaran daripada luar negara.

Ini di antara sebabnya keyakinan para pelabur terhadap negara kita di atas ketelusan pentadbiran kerajaan dan di atas usaha kerajaan untuk menyusun semula syarikat-syarikat yang bermasalah supaya dapat kembali memainkan peranannya untuk memantapkan lagi ekonomi negara kita.

Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Jadi, daripada penjelasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tadi, dengan penyusunan dengan penubuhan Danaharta, Danamodal dan juga CDRC ini, boleh memantapkan lagi keadaan ekonomi dan *alhamdulillah* suasana ekonomi negara kita berada dalam keadaan yang begitu memberangsangkan.

Jadi apabila kerajaan menstrukturkan semula dengan memberikan Danamodal untuk membantu bank-bank perdagangan yang bermasalah ini maka sekarang ini bank sudah hampir pulih dan apa yang kita difahamkan bahawa bank ini banyak modal-modal yang sepatutnya diberikan pinjaman kepada peminjam-peminjam yang baru tetapi saya mendapat maklumat yang menyatakan bahawa hari ini suasana pasaran ekonomi yang mana bank terlalu takut dan terlalu berhati-hati untuk memberikan pinjaman dan terlalu banyak dikenakan syarat-syarat.

Sepatutnya apabila mereka ini menjadi kuat maka seharusnya pinjaman itu diberikan dan saya juga mengetahui daripada Yang Berhormat Menteri bahawa banyak dana telah diwujudkan oleh kerajaan dan institusi kewangan ini merupakan penyalur kepada dana-dana tersebut, yang mana dana-dana ini juga tidak digunakan.

Jadi saya ingin tahu, sejauh manakah pemantauan dan juga tekanan kerajaan kepada institusi kewangan ini supaya mereka lebih telus dan lebih memberikan pinjaman untuk merangsang ekonomi negara kita.

Sekian. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Benut dan memang benar Yang Berhormat bahawa melalui Dana harta, Danamodal, inilah tujuan kerajaan supaya Dana harta, Danamodal ini untuk membolehkan bank-bank yang dahulunya menghadapi masalah kerana krisis ekonomi 1997 pulih semula dan terus menjalankan fungsi utamanya iaitu untuk memberikan pinjaman.

Inilah fungsi Danaharta, Danamodal iaitu untuk menyusun semula bank-bank kita supaya mampu dipulihkan dan memberikan pinjaman kepada para peminjam kita. Cuma Yang Berhormat, kalau ada bank-bank yang agak berhati-hati, ini kerana mereka

sekarang ini saya rasa lebih *prudent*, lebih berhemah kerana mereka tidak mahu terjebak dengan satu masalah seperti semasa berlakunya krisis 1997.

Apabila mereka terlalu murah hati, terlalu tidak berhemah dalam pinjamannya maka akhirnya mereka terperangkap dengan krisis tersebut dan mungkin belajar dari peristiwa itulah maka bank-bank kita menjadi lebih berhati-hati, lebih *prudent* dan lebih berhemah.

Namun demikian bagi projek-projek, bagi peminjam-peminjam yang *genuine*, yang tulen yang memang ikhlas, maka pihak bank kita memang tidak ada masalah untuk memberikan pinjaman itu dan *track record* nya baik, latar belakang bagus, *business* nya *viable* dengan izin, maka pihak-pihak bank itu tidak ada masalah dan kalau benar memang ada kenyataan Yang Berhormat ada bank-bank yang liat, walaupun *business* nya bagus, *track record* nya bagus, segala-segalanya ok, tetapi masih lagi yang liat untuk memberikan pinjaman pada peminjam-peminjam yang memerlukan pinjaman maka saya rasa kes-kes seperti ini boleh dilaporkan kepada Bank Negara Malaysia supaya sesuatu tindakan atau sesuatu kaedah dapat kita cari supaya keadaan akhirnya mengarah kepada *win-win situation* iaitu bank pun rela memberikan pinjaman dan peminjam pun dapat manfaat daripada pinjaman itu.

11. **Tuan Mohd Amar bin Haji Nik Abdullah [Pengkalan Chepa]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, kos pembinaan balai bomba di Jalan Padang Tembak, Pengkalan Chepa, berapakah kapasiti anggota balai tersebut dan bilakah ia akan mula beroperasi.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk M. Kayveas]: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kementerian ini melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah pun melaksanakan pembinaan balai bomba dan kuarters di Pengkalan Chepa bermula pada 19 Jun 2000 dengan kos projek bernilai RM4,110,000. Balai bomba ini dijangka akan siap dan beroperasi pada awal tahun 2002 dan jumlah keanggotaan yang dijangka bertugas adalah seramai 68 orang. Sekian, terima kasih.

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih. Saya ingin tahu sejak kebelakangan inilah kalau kita lihat bahawa banyak kejadian yang tidak diingini ataupun kebakaran. Yang terbaru umpamanya seratus buah rumah satu keluarga terbakar dalam bulan puasa ini. Sedangkan pihak bomba telah pun dibekalkan dengan peralatan-peralatan yang canggih. Kita telah luluskan di dalam Dewan ini dan termasuk juga pembelian dua buah helikopter yang terbaru. Jadi sering kali dikaitkan dengan masalah kelewatan sampai pihak bomba ke tempat kejadian dan juga masalah kekurangan bekalan air. Jadi apa perlunya peralatan canggih kalau sekiranya benda-benda ini tidak dapat diatasi. Jadi bagaimana cara yang paling cepatlah pihak bomba dapat mengatasi masalah kebakaran yang sering kali dihadapi oleh masyarakat kita pada hari ini.

Datuk M. Kayveas: Yang Berhormat, masalah biasanya apabila ada kebakaran, pihak bomba hanya boleh tahu perkara atau kebakaran ini apabila dapat maklumat berkenaan dengan kebakaran. Kebanyakan orang awam masih belum ada maklumat yang betul berkenaan dengan nombor-nombor kecemasan. Pada masa ini kita mempunyai nombor 994 untuk bomba, 991 untuk ambulans dan juga 999 untuk polis. Biasanya ada masalah berkenaan dengan nombor di mana orang-orang ini menelefon untuk memberitahu bomba. Kadang-kadang ada orang menelefon kepada Telekom iaitu 103 atau 105, biasanya dia orang tahu. Ada juga orang menelefon 101. Inilah masalah yang kita hadapi apabila biasanya pihak bomba kena tuduh bahawa kehadiran bomba ke tempat kejadian itu lewat. Kalau kita boleh beri pendidikan kepada orang awam bahawa pada masa ini pihak bomba menggunakan nombor 994, mungkin kita akan mengatasi masalah kelewatan bomba. Biasanya apabila terdapat panggilan bomba, dia punya aksi adalah dengan cepat dan tidak ada masalah. Hanya bomba itu lewat hanya kalau dia dapat panggilan telefon itu lewat.

Dato' Haji Fadzil bin Md. Noor: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan berkaitan dengan balai bomba. Saya ingin mendapat penjelasan berkaitan dengan pembinaan balai bomba di daerah Pendang, Kedah kerana sebelum ini saya telah membangkitkan perkara ini dan pihak kerajaan telah berjanji untuk melaksanakan pembinaan balai bomba di daerah Pendang ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Jadi saya ingin mendapat kepastian, apakah pembinaan balai bomba dengan segala kelengkapannya di daerah Pendang akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kelapan ini dan bila ia akan dilaksanakan kerana masalah kebakaran yang

berlaku di daerah Pendang sukar untuk mendapat khidmat daripada balai bomba kerajaan yang terletak jauh di bandar besar ataupun di daerah kecil Gurun. Jadi biasanya kebakaran yang berlaku dalam daerah Pendang mendapat khidmat daripada pasukan bomba sukarela dan leupayaan mereka sangat terbatas. Jadi saya ingin mendapat penjelasan dan kepastian daripada pihak kerajaan. Terima kasih.

Datuk M. Kayveas: Terima kasih Yang Berhormat. Dengan maklumat yang saya punya dalam Rancangan Malaysia Kelapan, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah diluluskan peruntukan untuk membina 5 buah projek baru di Kelantan seperti berikut:-

- (i) balai bomba dan kuarters Tok Bali;
- (ii) balai bomba dan kuarters Ciku;
- (iii) balai bomba dan kuarters Kuala Krai;
- (iv) kuarters bomba Gua Musang; dan
- (v) Ibu Pejabat Bomba dan kuarters Negeri Kelantan;

Nampaknya dalam maklumat yang diberikan kepada saya, Pendang ini tidak termasuk. Saya akan beri satu jaminan bahawa saya akan buat satu semakan dan *check* dengan pegawai-pegawai kita, adakah apa masalah berkenaan balai bomba di Pendang, Terima kasih.

12. **Tuan Haji Mohamed Sayuti bin Said [Kuala Selangor]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) adakah Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) benar-benar dilaksanakan oleh setiap universiti yang ada di dalam negara ini; dan
- (b) peratusan penuntut Institut Pengajian Tinggi (IPTA & IPTS) yang terlibat kepada gejala KMM sekarang ini?

Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya hendak menjawab soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan soalan;

- (a) Semua universiti di negara ini kecuali Universiti Islam Antarabangsa atau UIA dan Universiti Teknologi MARA atau UiTM memang melaksanakan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 atau Akta 30. Bagi UIA hanya menggunakan *Memorandum and Articles of Association* Universiti Islam Antarabangsa. Manakala UiTM pula menggunakan Akta Institut Teknologi MARA 1976 atau Akta 173.
- (c) Setakat ini hanya terdapat 4 orang pelajar di Universiti Utara Malaysia yang terlibat dalam dua seminar anjuran sebuah persatuan Islam bertujuan untuk mempengaruhi pelajar berjihad menentang kerajaan. Secara ringkas inign saya nyatakan kepada Yang Berhormat di sini bahawa pelaksanaan AUKU di IPTA adalah dilaksanakan.

Tuan Mohamed Sayuti b Said: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Universiti merupakan satu destinasi yang dituju dan diharap-harapkan oleh setiap pelajar dan harapan yang paling tinggi daripada ibubapa dan penjaga agar anaknya berjaya ke menara gading dengan harapan akan memperoleh segulung ijazah. Tetapi apa yang berlaku di antara mahasiswa dan mahasiswi selaku anak-anak kita ada terdapat tidak menyokong di atas Dasar Kerajaan dan negara, sedangkan pembiayaannya pada awal sehinggalah sampai ke peringkat tinggi itu dibiayai oleh pihak kerajaan.

Soalan tambahan, sejauh manakah kerajaan mengambil tindakan kepada anak-anak kita yang telah melanggar Akta Universiti Dan Kolej Universiti dan tindakan ini perlu disekat agar hal ini tidak berleluasa di masa akan datang. Terima kasih.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan itu, saya sememangnya kita di sini akui bahawa setiap anak muda yang berada di sekolah menengah adalah menjadi idaman mereka untuk dapat melanjutkan pelajaran ke IPTA. Jadi dalam hal ini, kita sebenarnya pihak kerajaan telah membelanjakan perbelanjaan yang begitu besar sekali. Oleh yang demikian, kita berharap benar daripada setengah-setengah pihak khususnya daripada parti-parti pembangkang supaya tidak menggunakan kampus-kampus sebagai tempat-tempat untuk mendapat sokongan ataupun menyampaikan segala macam dakwah anti-kerajaan.

Kita berharap apa yang dilakukan oleh pihak universiti kita adalah sebagai untuk memenuhi segala aspirasi rakyat semoga anak-anak muda kita mendapat didikan tinggi pada jangkamasa yang akan datang.

Oleh itu saya berharap benar bahawa setiap kampus saya rasa adalah menjadi satu kepastian bahawa setiap orang mestilah menyokong pihak kerajaan bahawa dasar yang kerajaan lakukan ialah untuk kebaikan bersama. Jadi soalnya, harus kita dapat membezakan antara parti politik dan kerajaan. Di sini saya tidak nampak mengapa tidak mahasiswa mahasiswi kita memberi sokongan penuh atas semua yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk kebaikan bersama.

Bagi perkara soal AUKU itu pula, saya berkali-kali telah menyatakan di dalam Dewan yang mulia ini kerana AUKUlah dapat kita wujudkan universiti di negara ini. Dan bahagian disiplin itu ada dimasukkan di dalam AUKU. Itu sebahagian kecil jadi bagi mereka yang melanggar apa-apa disiplin yang menurut AUKU ini akan diambil tindakan. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya melihat AUKU ini tidak mengongkong pelajar. Mereka masih boleh bergerak bebas mengikut aktiviti-aktiviti yang dibenarkan. Misalnya pada pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) baru-baru ini, mereka bebas untuk mengeluarkan pendapat. Tetapi apabila keputusan dibuat bahawa ada perwakilan pelajar ini mengikut universiti ini dilabel ataupun dicap sebagai MPP yang pro-kerajaan dan juga tidak pro-kerajaan. Dan mengikut temuduga pelajar tersebut, mereka kurang senang dengan label yang dikenakan terhadap mereka. Jadi apakah kesan kepada pelajar apabila dilabelkan dengan pro-kerajaan dan bukan pro-kerajaan. Dan kalau dilihat ada ruang untuk kerajaan berunding ataupun menerima pelajar-pelajar ini. Apakah pendekatan kerajaan supaya minda pelajar ini dapat kita pupuk semula, kita betulkan supaya mereka boleh menyokong Dasar Kerajaan. Kalau kita lihat mereka bukanlah sebenarnya anti-kerajaan kalau melihat respons daripada mereka. Minta ulasan Setiausaha Parlimen.

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Terima kasih Yang Berhormat bagi Sipitang kerana Yang Berhormat telah pun menyatakan bahawa AUKU sebenarnya tidak menyekat segala macam kegiatan pelajar asalkan ia adalah berasaskan peraturan. Itu tidak melanggar apa-apa syarat. Mengenai dengan soal baru-baru ini yang ditimbulkan dalam pemilihan Persatuan Pelajar, soal pro dan tidak pro. Yang ini menimbulkan satu kontroversi dan malah ini adalah satu perbincangan. Di pihak kementerian kita, kita tidak ada *segregation* si antara pihak yang pro dan tidak pro. Yang ini adalah penggunaan bagi mereka yang hendak membuat analisis mengenai dengan apa yang berlaku di dalam kampus. Jadi soalnya, saya berharaplah bahawa soal pro atau tidak pro itu menjadikan satu yang bukan kita gunakan di dalam kementerian kita.

Jadi saya berharap juga, bahawa parti-parti pembangkang terutama sekali janganlah pihaknya mengganggu kampus. Kerana kalau mereka ganggu kampus, saya percaya kita akan lihat perpecahan di kalangan pelajar dan ketidaktentuan arah di kalangan mahasiswa. [Disampuk] Pihak kita, kita masuk dalam kampus, kita beri penjelasan bagi pihak kerajaan. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan, yakni sama ada parti pembangkang setuju atau tidak, kerana parti pembangkanglah yang menimbulkan banyak masalah dalam kampus ini.

Beberapa Ahli: [Bantah]

Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir: Jadi, pihak kita sama ada siapa sahaja yang dijemput oleh universiti untuk berceramah dan sebagainya adalah menjalankan tugas bagi pihak kerajaan menjelaskan Dasar Kerajaan. Mengapa tidak? Jadi, saya rasa adalah baik kalau dia dijemput untuk memberi ceramahkah, membantu pelajar, itu atas jemputan pihak kerajaan. Jadi tidak ada kena mengena dengan parti politik.

Kalaulah saya rasa pihak parti politik sudah cukup mengadakan macam-macam ceramah di luar, orang ikuti. Jadi apa perlu lagi pihak kampus pula untuk mereka datang berceramah dan sebagainya. Jadi saya berharaplah soal pro dan tidak pro kerajaan saya kira semua pihak mereka adalah yang pro kerajaan. Terima kasih

[Soalan No. 13 – Dato' Mohd. Sarit bin Haji Yusoh [Temerloh] tidak hadir]

14. Tuan Henry Sum Agong [Bukit Mas] minta Menteri Pengangkutan menyatakan perkembangan terkini projek lapangan terbang baru di Limbang.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kontrak bagi lapangan terbang baru di Limbang telah ditandatangani pada 14 Mei 2000. Kerja-kerja pembinaan telah mula dilaksanakan pada 6 September 2000 dan projek ini dijadualkan siap pada bulan September tahun 2003.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Soalan tambahan, bolehkan Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu rancangan memanjangkan *runway* lapangan terbang Sibul [Disampuk] [Ketawa]

Beberapa Ahli: Sama Sarawak bagus.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Sama, samalah di Sarawak ini bukan keluar tajuk. Bolehkah beritahu? Kerana saya difahamkan ini sudah diluluskan pada dasarnya tetapi saya ingin tahu bilakah ini akan dilaksanakan, memanjangkan *runway* Lapangan Terbang Sibul kepada 9,000 meter. Sekian.

Beberapa Ahli: Soalan terkeluarlah. Ulang, ulang, ulang soalan.

Tuan Robert Lau Hoi Chew: Lapangan Terbang Sibul, saya ingin tahu bilakah ini rancangan untuk memanjangkan *runway*, dengan izin akan dilaksanakan? Kerana saya difahamkan ini telah diluluskan oleh Kabinet pada dasarnya. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang melaksanakan dan setengahnya dalam perancangan kebanyakan lapangan terbang-lapangan terbang di negara kita termasuklah Bintulu, Miri, Tawau, Alor Setar, Kota Bharu dan lain-lain termasuklah Sibul. Lapangan Terbang Sibul akan dilaksanakan tidak berapa lama lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk soal jawab telah pun kita selesaikan.

[Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan jawapan bagi pertanyaan No. 3-7, 13 dan 15 hingga 22 adalah dijilid dalam buku berasingan]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(1)

Lambakan 300,000 Tan Metrik Padi Di seluruh Negara

11.04 pagi.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Bismillahi Rahmaanir Rahim. Tuan Yang di-Pertua, Usul Menangguhkan Mesyuarat di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1). Bahawa saya Haji Mahfuz bin Haji Omar, Ahli Dewan Rakyat bagi Kawasan Pokok Sena mohon mencadangkan bahawa Majlis ini hendaklah ditangguhkan mengikut perkara 18, peraturan-peraturan Mesyuarat Dewan rakyat bagi bagi membolehkan Dewan ini merundingkan isu lambakan 300,000 tan metrik padi di seluruh negara yang berpunca daripada aktiviti penyeludupan beras yang telah memberikan kesan yang buruk kepada petani dan pengusaha kilang.

Lambakan ini adalah gambaran ketidakcekapan agensi-agensi kerajaan seperti Unit Pencegah Penyeludupan serta BERNAS.

Tuan Yang di-Pertua, Isu ini adalah perkara tertentu kerana telah berlaku lambakan 300,000 tan metrik padi di 40 buah kilang milik Ahli Persatuan Pengilang Beras Melayu Malaysia. Tindakan pemborong beras yang enggan membeli beras pada harga RM1,250 ke RM1,300 telah menyebabkan lambakan ini berlaku dan dengan sendirinya akan memberikan kesan kepada pasaran.

Dakwaan pemborong bahawa mereka boleh mendapat beras di tempat-tempat lain dengan harga yang lebih rendah dipercayai berpunca daripada kemasukan beras yang diseludup. Ini menunjukkan bahawa penguatkuasaan pencegahan penyeludupan kerajaan terlalu longgar. Perkara ini adalah melibatkan kepentingan ramai kerana beras merupakan makanan utama rakyat negara ini dan juga merupakan hasil pendapatan utama bagi masyarakat luar bandar terutamanya orang-orang Melayu. Dengan berlakunya lambakan ini, telah menjejaskan pendapatan para pesawah, mengurangkan aktiviti pengilang padi.

Kegagalan BERNAS untuk membeli semua padi tersebut telah memberi ruang kepada berlakunya penyeludupan yang juga berpunca daripada kelonggaran sistem penguatkuasaan. BERNAS juga mungkin terlibat sama dalam kegiatan penyeludupan ini.

Kelemahan agensi kerajaan ini juga memberikan dampak terhadap keyakinan rakyat. Perkara ini perlu disegerakan kerana masalah berkaitan dengan lambakan padi ini berulang setiap tahun termasuk pada tahun yang lepas apabila Kabinet terpaksa campur tangan. Lambakan padi di kilang dan penyeludupan yang berlaku akan memberikan kesan yang buruk kepada petani dan pengilang pada musim perayaan ini. Ini tidak termasuk 160,000 pesawah padi di Utara yang akan menuai padi pada bulan Disember ini yang sudah tentu akan menambahkan lagi lambakan padi ini.

Sekiranya agensi-agensi kerajaan terus gagal berfungsi dengan baik, sudah tentu banyak lagi pihak yang akan mengambil kesempatan pada musim perayaan ini. Maka saya berpandangan bahawa usul ini melibatkan perkara tertentu perlu disegerakan dan berkepentingan orang ramai.

Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu pemberitahu usul di bawah peraturan mesyuarat 18(1) daripada Ahli Yang Berhormat kawasan Pokok Sena pada 3 Disember 2001. Teks usul itu adalah seperti yang dibacakan oleh Ahli Yang Berhormat itu sebentar tadi.

Bagi membolehkan perkara ini ditimbang oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat;

- (i) Perkara itu tertentu
- (ii) Bagi kepentingan orang ramai
- (iii) Berkehendakkan disegerakan

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu. Perkara ini adalah bagi kepentingan orang ramai. Perkara ini juga perlu disegerakan. [Tepuk]. Oleh yang demikian saya membenarkan usul itu dibahaskan.

Mengikut peraturan mesyuarat 18(3)(b) – usul ini hendaklah dtempohkan hingga pukul 4.30 petang ini dan hendaklah ditangguhkan pada jam 5.30 petang. Saya akan membenarkan pihak pencadang membahaskan selama 30 minit dan lepas itu pihak kerajaan menjawab selama 30 minit.

Sekian.

Puan Fong Po Kuan: Peraturan Mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ya, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, semalam saya ada kemukakan Usul tergepar di bawah Peraturan 18 dan semalam petang lebih kurang pukul 4.30 saya menerima surat daripada Tuan Yang di-Pertua menyatakan bahawa Usul saya tersebut telah ditolak.

Saya ingin menyatakan bahawa saya rasa Dewan yang mulia ini harus membahaskan isu berkenaan peperiksaan Q.P yang telah menjadi satu skandal. Saya rasa penolakan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, saya boleh menjawabkan. Cukup.

Puan Fong Po Kuan: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Dewan ini kena memaklumkan apakah kriteria yang digunakan apabila menolak satu-satu usul dalam kamar ya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat saya boleh, saya boleh. Yang Berhormat baik, baik...

Puan Fong Po Kuan: Sebab alasan yang diberi bahawa Usul ini pernah dikemukakan oleh..., saya harap Tuan Yang di-Pertua boleh dengarlah! Bagi peluang saya jelaskan.....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bila, bila Speaker tegur, Yang Berhormat perlu duduk. Itu peraturan mesyuarat.

Puan Fong Po Kuan: ...Masa saya berucap kalau Tuan Yang di-Pertua sudah bagi saya peluang untuk berucap, biar bagi peluang saya habiskan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat keluarkan peraturan mesyuarat dan saya akan membuat keputusan.

Puan Fong Po Kuan: Saya pun belum habis....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Saya faham. Yang Berhormat sendiri pun faham...

Puan Fong Po Kuan: ...Bangkitkan perkara ini....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat! Cukuplah, cukup, tak payah. Saya boleh membuat keputusan.

Puan Fong Po Kuan: Kalau boleh bagi saya seminit, saya bagi penerangan sebab Usul Yang Berhormat bagi Kota Melaka telah ditolak dalam Kamar. Jadi sekarang... *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat, cukup!

Puan Fong Po Kuan: ...Ini tak boleh. Tidak menjalankan tanggungjawab, *wash their hand* terhadap perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat duduk. Saya boleh maklumkan sekarang. Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat tidak perlu., Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat, perkara ini sebenarnya juga telah dibawa Usul oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Mengikut Peraturan Mesyuarat yang ada memang tidak boleh dikeluarkan semula perkara yang sama. Ini Peraturan Mesyuarat.

Yang kedua, perkara ini pada ketika dan masa ini juga telah dirujuk kepada mahkamah. Jadi tidak sesuai untuk kita bangkitkan dan keputusan ini muktamad. Ya.

Sekian, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup Yang Berhormat. Cukup. Yang Berhormat, Yang Berhormat, sebagai Ahli Yang Berhormat, perlu juga mematuhi Peraturan Mesyuarat.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]* ...Sehingga hari ini kes terhadap pelajar-pelajar yang tidak bersalah tidak diselesaikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukuplah, cukup. cukup, cukup...

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]* ...Kerana boleh dibahaskan, bagi alasan bahawa Usul ini..., perkara yang sama. Kita ada perkembangan yang terbaru...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk][Bersorak]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Yang Berhormat jangan cuba cabar saya di sini. Yang Berhormat, saya sudah membuat keputusan, Yang Berhormat sendiri juga telah dimaklumkan tentang keputusan ini...

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Cukup, cukup! Yang Berhormat ini keputusan dibuat berasaskan kepada Peraturan Mesyuarat. Cukup.

Puan Fong Po Kuan: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa pembesar] ...Tidak berlaku adil ya...*

RANG UNDANG-UNDANG DAN USUL

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2002

DAN

USUL ANGGARAN PEMBANGUNAN 2002

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 2002 dan Anggaran Pembangunan 2002 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis." *[Hari Kesembilan]*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Jawatankuasa***].

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kita masih berada dalam Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya minta Yang Berhormat bagi Kepong menyambung ucapan.

Maksud B. 42 [Jadual] -

Maksud P. 42 [Anggaran Pembangunan 2002] -

11.13 pagi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Pengerusi, semalam saya bangkitkan di dalam halaman 1190, butiran 030000 Perpaduan Negara. Untuk perpaduan negara memang ICT, teknologi maklumat dan telekomunikasi ini sekarang sudah memberi peluang kepada semua agama bagi menggunakan caracara moden untuk menonjolkan agamanya.

Di dalam sejarah semua agama cara-cara ICT ini merupakan yang paling berkesan, tidak ada orang yang boleh menyekatkan maklumatnya. Apa yang kuat untuk kebaikan adalah kuat untuk juga keburukan. Terdapat potensi untuk merapatkan hubungan antara agama-agama sementara itu potensi untuk konflik adalah juga bertambah.

Keganasan 11 September mempengaruhi banyak aspek di dunia termasuk politik, ekonomi dan agama. Misalnya buku-buku mengenai Islam adalah lebih laris jualannya di seluruh dunia kerana orang-orang bukan Islam hendak mengetahui agama ini. Sebaliknya salah faham terhadap Islam sudah bertambah. Umpamanya keganasan adalah dikaitkan dengan Islam walaupun seperti agama-agama yang lain Islam tidak membenarkan keganasan.

Tuan Pengerusi, universiti-universiti tempatan dan seberang laut, para pelajar Malaysia pelbagai agama kaurang bergaul dan persahabatan di antaranya adalah jarang dilihat. Kalau kita pergi ke universiti sama ada di London, ataupun Universiti Malaya ataupun di Universiti Sains Malaysia, Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia kita boleh lihat di dalam aktiviti-aktiviti pelajar itu yang Islam dan bukan Islam adalah berasingan termasuklah pertandingan pilihan di dalam universiti pun kita boleh nampak polarisasi antara kaum sama ada dari segi agama ataupun kaum.

Ini merupakan satu perkara yang serius dan dengan perkembangan ICT, perkara ini bertambah buruk. Dan sebab itulah kita mencadangkan supaya kerajaan menubuhkan satu majlis antara agama, *inter religious council* untuk meningkatkan dan memantapkan tahap perpaduan dan semangat cintakan negara secara berterusan di kalangan rakyat Malaysia dengan cekap dan berkesan seperti mana yang dicatatkan di dalam aktiviti perpaduan negara.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan supaya majlis antara agama diadakan untuk meneliti, mendalami beberapa perkara termasuk tempat-tempat untuk masjid, tempat-tempat untuk tokong, untuk gereja dan untuk menelaah undang-undang yang menjejaskan hubungan di antara agama serta untuk mempertingkatkan persefahaman di antara agama. Ini perlu Tuan Pengerusi, terutamanya sejak keganasan atau peristiwa 11 September. Tuan Pengerusi, kita boleh lihat sejak merdeka 44 tahun yang lalu terdapat banyak perkara yang masih boleh menjejaskan perpaduan negara. Peristiwa-peristiwa seperti 13 Mei dan Taman Medan masih boleh berlaku. Adanya pelbagai faktor yang tidak baik untuk perpaduan semacam parti-parti siasah yang berteraskan hanya kepada satu kaum sahaja dan dasar pendidikan yang tidak dapat mengatasi penghalang kaum ataupun dengan izin *racial barrier*, oleh itu kita mencadangkan supaya Majlis Perundingan Perpaduan Negara, (National Unity Consultative Council) perlu ditubuhkan. Saya pernah bangkitkan di Dewan yang mulia ini dan dengan adanya majlis seperti ini kita boleh mengkaji punca-punca berlakunya peristiwa-peristiwa tersebut.

Seperti mana yang dibuat oleh misalnya *back benchers* baru-baru ini kita adakan majlis berbuka puasa dan bukan Islam pun dipelawa untuk menyertainya. Ini memang satu perkara yang baik dan kita mesti menggalakkan percampuran, pergaulan seumpama ini di seluruh negara untuk sepanjang masa. Bukan daripada zahir sahaja bahkan daripada batin juga untuk kita sama-sama merapatkan di antara kaum di Malaysia ini. Sebab kita tidak mahulah berlakunya seperti yang berlaku di Palestin sekarang. Itu memang berterusan bertahun-tahun, berdekad-dekad keganasan Israel dan juga keganasan Palestin. Keganasan seperti ini tidak boleh dibenarkan bagi Malaysia. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

11.18 pagi.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya ingin menyentuh Maksud Bekalan B.42 dalam O30000 – Perpaduan Negara. Tuan Pengerusi, kita dapati bahawa pihak Jabatan Perpaduan Negara mengambil tindakan yang sangat aktif untuk mewujudkan jawatankuasa rukun tetangga di kawasan taman-taman perumahan. Ini ada satu perkara yang amat baik cuma daripada pemantauan saya selaku wakil rakyat saya dapati ada jawatankuasa rukun tetangga yang aktif dan ada yang tidak aktif. Tetapi daripada makluman saya jika sesuatu RT itu mengadakan satu majlis setahun sekali mereka akan diberikan peruntukan daripada pihak jabatan perpaduan iaitu satu bulan mereka dapat RM300.00 untuk menjalankan aktiviti-aktiviti RT.

Bolehkah pihak kementerian dapat mengadakan kelas spesifikasi untuk prestasi KRT kerana jikalau cuma perlu satu aktiviti seperti yang saya dapati ada yang cuma membuat satu aktiviti jamuan malam setahun sekali. Mereka pun akan dapat tiap-tiap bulan RM300.00 kerana memang didapati ada menganjurkan satu aktiviti jika tidak menganjurkan aktiviti selama satu tahun mereka tidak akan mendapat bantuan wang itu. Tetapi cadangan saya di sini ialah kita buat grad mereka iaitu ada yang paling aktif kita berikan ganjaran yang lebih, memberikan lebih peruntukan. Kalau yang tidak aktif cuma mengadakan satu aktiviti sahaja seperti mengadakan jamuan malam setahun sekali, saya berharap pihak kementerian perlu meninjau semula. Kemungkinan tidak perlu memberikan bantuan seperti ini dan saya dapati ada KRT yang paling aktif mereka boleh dikatakan selain daripada mengadakan jamuan malam mereka ada aktiviti sukan, kebudayaan dan lain-lain.

Ini akan dapat memberikan semangat kejiranan yang mulia di sesuatu kawasan itu. Ini ada lah satu perkara yang baik dan saya berharap melalui kursus-kursus kepimpinan yang diberikan kepada ahli-ahli jawatankuasa KRT kita akan dapat mempertingkatkan usaha kita untuk pembentukan sebuah bangsa Malaysia yang bersatu padu kerana ini adalah satu prasyarat yang penting bagi pembangunan negara kita.

Tuan Pengerusi, kerana kita semua sedia maklum tanpa perpaduan di mana rakyatnya tidak mempunyai satu pemikiran yang sama terhadap satu negara dan bangsa, sebarang bentuk kemajuan tidak akan tercapai. Bagi mencapai aspirasi tersebut rakyat yang terdiri daripada pelbagai kaum hendaklah mempunyai satu identiti sebagai bangsa Malaysia yang mengamalkan nilai-nilai kesederhanaan, toleransi dan hormat menghormati antara satu sama lain. Dengan hal ini tentang toleransi dan hormat menghormati antara satu sama lain saya ingin mengambil peluang keemasan di sini memaklumkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu tentang pihak universiti, pernah berlaku di UTM Skudai dan pernah di Universiti Malaya yang mana pelajar-pelajar dari kaum Tiong Hua ingin merayakan Perayaan Tanglung dapat kelulusan yang paling lambat. Selepas dua bulan selepas Perayaan Tanglung baru mereka mendapat kelulusan boleh merayakan Perayaan Tanglung dan ini boleh dikatakan sudah mendatangkan perasaan tidak puas hati antara pelajar-pelajar dari kaum Tiong Hua bahawa kebudayaan kaum Tiong Hua tidak dihormati oleh pihak pentadbiran universiti.

Ini saya kira adalah satu perkara yang kita perlu mengambil perhatian melalui kerjasama daripada kementerian untuk meminta pihak universiti supaya peka dan prihatin tentang perkara ini yang mana kita mesti mempunyai semangat hormat menghormati kebudayaan pelbagai kaum dalam negara kita ini.

Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang saya harap pihak kementerian dapat berhubung dengan pihak kerajaan negeri tentang jawatankuasa dalam keselamatan negeri yang mana pada masa sekarang seperti di negeri Johor semua rumah berhala atau kui-kuil di dalam negeri Johor bila mereka hendak mengadakan pemindahan atau permohonan hak milik tanah untuk kui-kuil mereka perlu merujuk kepada sekarang-kurangnya boleh dikatakan 13 jabatan kerajaan untuk mendapatkan sokongan daripada mereka dan di peringkat daerah pihak jawatankuasa keselamatan daerah tiada kuasa untuk menolak atau meluluskan permohonan ini dan perlu dirujuk kepada jawatankuasa keselamatan negeri yang mana kita dapati tiada wakil daripada pertubuhan agama yang lain selain daripada agama Islam. Sebab itu kadang-kadang kelulusan daripada pihak jawatankuasa ini sangat lambat. Misalan di kawasan saya Kampung Ulu Choh sebuah rumah berhala Tien Lian sudah wujud di sana lebih 50 tahun tetapi bila mereka memohon pada tahun 1993 untuk mendapatkan hak milik untuk rumah berhala itu hingga sekarang belum mendapat kelulusan lagi.

Walau pun pihak Pejabat Daerah Johor Bharu telah memberikan sokongan tetapi sehingga sekarang belum mendapat keputusan daripada pihak kerajaan negeri dan ini adalah satu perkara yang mana saya selaku wakil rakyat di sana sentiasa di mana setiap tahun dua tiga kali saya berada di majlis mereka dan sentiasa ditanya dan susah saya hendak menjawab kepada mereka. Ini sudah mendatangkan satu rasa tidak puas hati antara penganut-penganut Taoism yang di Kampung Ulu Choh itu dan sebab itu saya cadangkan di sini adalah wajar supaya bila ada jawatankuasa ini kita ada wakil daripada persatuan penganut agama yang lain, kemungkinan mereka boleh menolong memberikan pandangan yang membina untuk kelulusan ini kerana kemungkinan ada sesuatu hal perkara yang sulit. Kita pun tidak tahu mengapa mengambil masa yang panjang dan saya di sini walau pun bukan di bawah kuasa Kementerian Perpaduan dan Pembangunan Masyarakat, saya berharap melalui kerjasama kementerian ini agar kita dapat mendatangkan satu keputusan yang lebih baik untuk segala permohonan yang dimajukan oleh persatuan-persatuan agama yang bukan agama Islam di negara kita ini. Supaya kita melalui semangat toleransi, semangat hormat menghormati dan polisi kesederhanaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Barisan Nasional akan dapat mengekalkan perpaduan yang erat antara kaum di negara kita ini demi kepentingan kita semua. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat bagi Rantau Panjang.

11.29 pagi.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap berkenaan dengan Kepala 040500 berkenaan dengan Kenaikan Kadar Elaun dan Keistimewaan bagi Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Saya ingin tahu pihak kementerian kenapakah hanya kementerian ini sahaja yang memasukkan peruntukan sebanyak RM230,000 bagi kenaikan kadar elaun dan keistimewaan kepada Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik.

Katakan kalau saya bandingkan dengan kementerian lain khususnya Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

Kalau dilihat dari segi gaji umpamanya, oleh kerana semalam saya tidak sempat untuk bercakap, gaji bagi Menteri di bawah Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga hanya RM11,050 sedangkan gaji bagi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Menteri-menteri ialah RM12,320, satu-satunya Menteri yang mempunyai gaji yang paling rendah ialah Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga. Ia adalah RM11,050 sedangkan menteri-menteri lain semuanya RM12,320. Sedangkan Menteri Perpaduan Negara yang mempunyai gaji yang tinggi sama dengan Menteri-menteri yang lain telah memohon kenaikan dimasukkan peruntukan sebanyak RM230,000 bagi kenaikan kadar elaun serta keistimewaan bagi Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dan Setiausaha Politik.

Saya ingin tahu pihak kementerian logiknya kementerian ini meminta memasukkan sebanyak RM230 ribu bagi kenaikan kadar elaun dan keistimewaan pada Menteri.

Kedua, saya ingin menyentuh juga berkenaan dengan 041800 – Pembangunan dan Peningkatan Khas Tadika Perpaduan. Saya ingin tahu apa bezanya tadika perpaduan ini dengan tadika di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Dan, apakah tujuan peningkatan khas tadika perpaduan ini, apakah selama ini pihak tadika khas ini ketinggalan kalau dibandingkan tadika di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang menjadi sebutan pada rakyat oleh kerana tadika di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini merupakan tadika yang agak banyak berada di setiap ceruk rantau di negara kita ini. Peningkatan tadika di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar ini saya lihat nampak ada beza setelah saya bercakap di Parlimen ini pada tahun lepas di mana di antara tadika di bawah KEMAS, di bawah ABIM, di bawah PAS, tadika di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandarlah ketinggalan sedikit dari segi *syllabus*nya ataupun – tetapi nampaknya telah pun dibaiki sekarang ini, oleh kerana mungkin di atas kesedaran Menteri-menteri saya lihat tadika di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun masuk satu *syllabus* iaitu *syllabus* diadakan kelas Iqra' sekarang ini. Dan saya ingin tahu, pihak kementerian ini, adakah tadika khas di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini telah menggunakan kaedah Iqra' bagi meningkatkan kanak-kanak ini supaya cepat membaca ataupun menggunakan kaedah lain yang membolehkan ataupun seimbang dengan pendidikan kanak-kanak sekarang ini, sama ada kaedah Iqra' ataupun kaedah-kaedah yang lain.

Seterusnya saya ingin tahu juga berkenaan dengan program pencegahan gejala sosial di bawah 050300, yang diperuntukkan sebanyak RM6,765,000 ini. Setakat ini saya melihat program ini barangkali masih lagi berada di tahap yang rendah. Mungkin kerana kepakaran pegawai-pegawainya tidak mencukupi ataupun tidak cukup kakitangan kerana saya melihat memang untuk mencegah gejala sosial ini kalau hanya di bawah kementerian ini sahaja tidak cukup. Ia memerlukan kerjasama di bawah kementerian-kementerian yang lain.

Saya ingin tahu adakah kementerian lain sekarang ini bekerjasama yang erat dengan kementerian ini kerana gejala sosial ini kita lihat makin meningkat sekarang ini sehingga saya kira perkara baik untuk mencegah gejala sosial ini kita sepatutnya tidak meninggalkan kaedah yang ada sekarang ini, kaedah baru – bukan kaedah baru, kaedah yang patut dilaksanakan apabila kerajaan sekarang ini mengisytiharkan sebuah negara Islam maka kaedah agamalah paling baik sekali untuk mencegah sebarang – apa yang berlaku sekarang ini khususnya gejala sosial dalam masyarakat kita sekarang ini.

Sekarang ini nampaknya kerajaan masih lagi ragu-ragu untuk menggunakan kaedah ini mungkin dirasakan kaedah agama ini merupakan satu perkara baru barangkali ataupun Menteri-menteri sendiri ataupun pegawainya sendiri pun masih lagi ragu-ragu tentang kemampuan Islam itu untuk mengatasi segala masalah khususnya masalah gejala sosial ini.

Bawah 00300 – Perkhidmatan Pemulihan Akhlak yang diperuntukkan RM9,650,000 ini juga saya ingin tahu daripada pihak kementerian adakah pihak kementerian masih lagi menggunakan kaedah lama untuk pemulihan akhlak kepada anak-anak muda kita yang telah terjerumus di lembah maksiat khususnya kepada wanita-wanita. Kalau dilihat dalam masyarakat sekarang ini mereka-mereka yang

dihantar untuk pemulihan akhlak ini masih lagi berada di tahap yang sama ataupun di takut yang sama, masih lagi tidak berjaya untuk menjadikan mereka ini manusia yang lebih bermoral bila balik di kampung masing-masing.

Ambil mereka ini, dikurung, dikaunseling dan *dimotivate* tetapi balik-balik masyarakat masih lagi berada di tahap yang sama. Jadi, kalau tidak menjadi keberatan, saya mengharapkan supaya pihak kementerian ini menggunakan satu kaedah lagi, menggunakan kaedah pendekatan Islam khususnya kerana saya yakin dan percaya ramai di kalangan kakitangan khususnya di JAKIM itu, yang mempunyai kakitangan lebih kurang 800 orang, ambillah mereka ini supaya manfaatkan mereka ini untuk diletakkan di bawah pemulihan akhlak ini, di bawah kementerian ini. Pinjam sekejap lah, bagi mereka ini menggunakan satu pendekatan baru. Jangan kita menggunakan kaedah lama yang nampaknya tidak berhasil sekarang ini.

Dan, saya rasa pihak mereka-mereka yang beragama lain juga pun tidak menjadi halangan kalau kita menggunakan masing-masing punya agama. Kalau mereka beragama Islam, gunakan kaedah agama Islam untuk menyedarkan mereka ini supaya balik ke keadaan yang asal. Kalau agama lain pun, menggunakan agama masing-masing. Saya rasa tidak menjadi masalah.

Tetapi apabila Menteri menjawab, bila saya mencadangkan supaya menggunakan agama, ada Menteri menjawab di penggal lepas mengatakan, kita mempunyai pelbagai agama. Seolah-olah saya seru itu supaya seru kepada menggunakan kaedah agama Islam sahaja, seolah-olah begitu. Saya menyerukan supaya bagi orang Islam menggunakan Islam, bagi agama lain gunakan kaedah agama lain. Jangan menjadi alasan kita mempunyai pelbagai agama, tidak boleh dilaksanakan mengikut cara agama. Itu cara Menteri menjawab. Saya pun hairan mengapakah Menteri meletakkan bila agama, agama Islam sahaja. Kadang-kadang Menteri itu dia tidak beragama Islam, seolah-olah dia tidak beragama dia sendiri. Kalau dia tidak agama Islam pun saya yakin dia juga mempunyai agama lain, sama ada Kristian, agama Buddha dan sebagainya.

Saya percayalah kalau kita ubah sikit di pusat pemulihan akhlak ini supaya membanyakkan, kalau ada sedikit sebanyak pun, membanyakkan lagi. Sebab kita lihat banyak perkara-perkara yang kadang-kadang kita – umpamanya kita tengok di tempat pemulihan dadah, bagaimana orang itu hendak insaf, pagi-pagi sudah pakai seluar pendek. Sudah hidup dalam dosa. Semasa kawat pakai seluar pendek, sedangkan hendak kawat tu, seluar panjang pun tidak ada masalah, sebab bukan kita kawat dalam hutan, di padang.

Tetapi oleh kerana orang yang menjaga, menyelenggara itu dia tidak faham langsung. Benda yang sekecil itu pun tidak boleh. Pagi-pagi pakai seluar pendek, kawat. Saya kata baiklah kita pakai seluar panjang, sekurang-kurangnya kita tutup aurat. Tidak berada di dalam dosa. Kita hendak buat benda baik tetapi kita berada dalam keadaan yang tidak baik. Itu contoh saya bagi, Tuan Pengerusi.

Kemudian di bawah 0100 – Pembinaan Pusat Rumah Orang-orang Tua. Ini saya ambil perhatian. Saya cukup prihatin dalam keadaan ini. Saya cukup setuju dan mengharapkan supaya pihak kerajaan menambahkan lagi peruntukan membina lebih banyak lagi pusat atau rumah orang tua ini.

Cumanya saya lihat ialah sepatutnya rumah orang-orang tua ini, orang yang tidak mampu ini, selain daripada kita meletakkan mereka ini di pusat-pusat seperti di Pengkalan Chepa. Kita bina pondok-pondok mereka ini ataupun rumah mereka ini di dalam pondok ataupun bagi orang Islam ini, berhampiran masjid ataupun kalau di Kelantan dia banyak pondok. Buat rumahnya di dalam pondok. Sekurang-kurangnya setiap hari, setiap waktu mereka ini boleh pergi ke masjid beribadat, mendengar orang mengajar dan sebagainya. Ini satu pendekatan baru.

Tetapi kalau kita bina di kampung, tempat orang ramai, letak orang tua di situ, rumah orang tua itu, apa yang boleh. Dari segi orang Islamnya apa yang boleh. Sembahyang berjemaah pun tidak boleh. Tetapi kalau kita minta di pondok, umpamanya di Kelantan, banyak pondok di Kelantan, pondok Pasir Tumbuh, pondok Lubuk Tapak, banyak pondok, pondok di Kuala Kerai.....

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat minta gulung, ya.

Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron: Jadi, saya mengharapkan supaya pihak kementerian ini menggunakan pendekatan baru dan mengalih sikit pandangan

mereka ini supaya apa yang mereka itu buat selama ini kalau tidak berkesan, dihalah kepada pendekatan Islam ini. Mudah-mudahan perpaduan kita pun, kita menggunakan perpaduan mengikut kaedah Islam iaitu [*membaca sepotong ayat al-Quran*] kita guna hak itu. *Bihablillah* – kita tekan situ, *waktasimu bihablillah*, jangan lari daripada *bihablillah*. Kaedah yang saya sebut ini, waktu tahun 70-an dahulu, ahli Dewan Negeri Kelantan, Dato' Poh Choo Yong daripada MCA, dia selalu menggunakan kaedah ini. Dia China, dia tidak agama Islam tetapi dia mempercayai kaedah mestilah menggunakan, *waktasimu bihablillah hijamian walatafaraku* - Kita bersatu-padu dengan jalan Allah dan jangan bercerai berai.

Tetapi kalau kita hendak guna perpaduan negara, guna perkataan-perkataan lain dan guna perkataan lain tidak berjaya. Inilah harapan saya kepada Kementerian ini mudah-mudahan Kementerian ini akan menggunakan satu kaedah baru dalam melaksanakan tugas di masa hadapan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Gombak.

11.40 pagi.

Dato' Seri Hajah Zaleha binti Ismail [Gombak]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin bercakap sedikit mengenai B.42 dan P.42 – Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Seperti yang kita sama-sama maklum kedua-dua jabatan di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini adalah jabatan-jabatan yang begitu penting sekali yang memberikan khidmat kepada masyarakat serta membimbing masyarakat ke arah perpaduan dan kesejahteraan dalam kebajikan. Saya menyentuh mengenai 041800 – Pembangunan dan Peningkatan Kelas Tadika Perpaduan.

Tadika perpaduan adalah satu institusi yang saya anggap begitu penting kerana ianya mendidik anak-anak kita dari umur yang serendah-rendahnya selain daripada ianya memberikan peluang bagi anak-anak kita bersosial antara satu sama lain iaitu belajar bekerjasama, main antara satu sama lain, ianya adalah tempat memupuk perpaduan dari seawal-awalnya.

Tetapi keadaannya rasa saya tidak begitu menyenangkan, di kebanyakan tempat tadika perpaduan ini diletakkan menumpang di balai-balai raya ataupun di dewan-dewan yang ada di sebuah kawasan perumahan ataupun kampung-kampung, hanya di beberapa kawasan sahaja bangunan-bangunan khas tadika perpaduan ini diwujudkan.

Saya berpendapat bahawa Kementerian dan khususnya kerajaan hendaklah mengadakan lebih peruntukan bagi mengadakan pembangunan bangunan-bangunan yang khas untuk tadika perpaduan. Kerana kalau mereka menumpang pada masa-masa Dewan atau balai raya itu hendak digunakan oleh pihak-pihak lain dalam kampung tadika ini terpaksa disusun, diatur, dikeluarkan dia punya kerusi, meja dan sebagainya. Jadi, ianya tidak dapat mengadakan kemudahan-kemudahan yang kekal dan lengkap seperti yang diperlukan dalam pendidikan prasekolah.

Seperkara lagi ialah mengenai guru-guru tadika perpaduan ini. Kebiasaannya guru-guru ini tidaklah berkelulusan tinggi dan kadang-kadang pula tidak terlatih sebagai guru. Beberapa tahun yang lalu, Jabatan Perpaduan Negara telah mengadakan satu kursus khas untuk guru-guru di tadika perpaduan ini iaitu satu kursus khas yang digubal bersama-sama dengan pihak universiti dan kursus-kursus ini sama ada di peringkat sijil dan juga di peringkat diploma boleh diadakan untuk guru-guru ini supaya mereka menjadikan pekerjaan guru tadika ini sebagai satu pekerjaan sepanjang hayat. Jadi, tidaklah mereka hanya untuk sementara dan kemudiannya mencari pekerjaan lain.

Di samping itu ianya juga memberikan kemahiran, meningkatkan kemahiran guru-guru dan menjadikan mereka seorang guru profesional di peringkat prasekolah. Saya berkeyakinan bahawa Kementerian berkemampuan untuk melaksanakan usaha-usaha seperti ini kerana ianya dapat meningkatkan lagi kemahiran dan juga pembangunan anak-anak kita di peringkat prasekolah ini.

Seperkara lagi iaitu 051100 – Mewujudkan Sekolah Memandu Orang Kurang Upaya. Ini satu perkara yang terbaru yang saya lihat kerana di peringkat Jabatan Pengangkutan Jalan pun belum ada mewujudkan sebuah sekolah khas untuk orang kurang upaya ini iaitu sekolah memandu untuk orang kurang upaya. Pada pendapat

saya ianya begitu penting sekali kerana orang kurang upaya ini juga ingin memandu dan orang kurang upaya ini bukan semuanya kurang upaya daripada kecil lagi. Ada di antaranya memang disebabkan kemalangan menjadi kurang upaya dan mempunyai kereta sendiri dan berkemampuan untuk mempunyai kenderaan-kenderaan tetapi tidak boleh memandu disebabkan sudah menjadi kurang upaya. Saya yakin bahawa usaha ini akan dapat meringankan banyak beban orang-orang kurang upaya yang ada di negara kita ini.

Di samping itu, saya ingin juga menyeru kepada kementerian dan juga kerajaan supaya mengiktiraf semua jenis bentuk kekurangan keupayaan di kalangan anggota masyarakat kita. Setakat yang saya faham iaitu 4 kategori sahaja yang diiktiraf iaitu kurang upaya penglihatan, kurang upaya pendengaran, kurang upaya fizikal dan mental tetapi sekarang ini begitu banyak jenis bentuk kekurangan keupayaan yang dialami oleh kanak-kanak dan juga orang dewasa. Jadi, saya berharap semua jenis kekurangan keupayaan itu diiktiraf dan diberikan pertolongan bantuan kepada mereka.

Saya mengetahui bahawa ramai ibu bapa yang mempunyai anak-anak kurang upaya berhadapan dengan masalah-masalah yang begitu rumit kerana kemudahan-kemudahan untuk melatih kanak-kanak yang kurang upaya ini tidak ada di seluruh negara. Kalau mereka berada di Pahang, dia terpaksa datang ke Kuala Lumpur 3 hari dalam satu minggu untuk mendapatkan latihan bagi anak-anak mereka yang hanya ada institusi latihan di Kuala Lumpur sahaja.

Jadi, pada pendapat saya perkara ini mestilah diambil berat yang amat sangat kerana jumlah bilangan orang kurang upaya dalam sesebuah negara dari masa ke semasa meningkat. Di samping itu, orang-orang tua pun menjadi kurang upaya juga dan kalau kita lihat statistik di negara kita ini, kita mempunyai 7% dari penduduk kita adalah terdiri daripada orang kurang upaya dari orang tua dan kalau orang tua ini kebanyakannya tidak berupaya akan jadi satu masalah yang besar lagi kepada negara kita dan saya mintalah supaya usaha ini dipertingkatkan.

00800 – Institut Sosial Malaysia. Institut Sosial Malaysia adalah satu bangunan yang tersergam indah yang sudah pun siap tetapi saya difahamkan masih dalam usaha untuk dilengkapkan dan ini akan menjadi *flagship* kepada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat dan saya harap agar institut ini akan digunakan sebaik-baik dan sepenuh-penuhnya. Bahkan Institut Sosial Malaysia ini boleh menjadi pusat latihan kepada semua orang yang inginkan kemahiran membimbing dan mendidik orang-orang kurang upaya dan lain-lain kema hiran yang berkaitan dengan kebajikan dan sosial di rantau Asia.

Jadi, Tuan Pengerusi, itulah beberapa perkara dan pandangan saya yang sewajarnya dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Bukit Mertajam.

11.48 pg.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin sentuh perkara B.42, 030400 – Perhubungan Masyarakat dan Integrasi Nasional.

Tuan Pengerusi, saya rasa kementerian ini memainkan peranan yang sangat penting untuk negara ini kerana segala masa depan negara ini adalah tertakluk kepada kestabilan dan perpaduan negara dan kita boleh memupuk tetapi akhir-akhir ini yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negara ini sudah menjadi sebuah negara Islam. Dia dengan serta-mertanya membahagikan rakyat kepada orang Islam dan orang bukan Islam dan dengan bertambahnya polisi Dasar Ekonomi Baru yang juga membahagikan rakyatnya kepada bumiputera dan bukan bumiputera.

Saya berasa kluatir bagaimana kementerian ini ingin menjalankan kerjanya untuk memupuk perpaduan di antara rakyatnya yang apabila banyak polisi yang dijalankan berdasarkan bangsa dan agama, ini akan menjejaskan mungkin usaha kementerian ini dan kita perlu mencari jalan bagaimana kementerian ini boleh menjalankan kerjanya supaya dasar-dasar negara yang lain juga boleh *direconcile* dan kita memberikan peruntukan untuk kementerian ini untuk membuat perpaduan tetapi dasar-dasar yang lain membahagikan rakyat.

Saya juga ingin bertanya apakah nilai yang digunakan untuk memupuk perpaduan. Tadi yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah bahawa saling hormat dan toleransi adalah amat penting dan saya memang setuju tetapi saya juga berpendapat bahawa hormat-menghormati dan toleransi itu hanya akan datang apabila kita memahami budaya kaum yang lain dan juga kita menghormati bahawa negara Malaysia ini merupakan satu masyarakat yang majmuk, yang *plural*, bahawa kita rakyat ada mempunyai kebudayaan dan juga agama yang berlainan.

Dengan ini, saya hendak cadangkan bahawa perkara budaya ini diletakkan di bawah kementerian ini. Jadikan kementerian ini sebagai Kementerian Perpaduan Negara, Budaya dan Pembangunan Masyarakat kerana kebudayaan kalau diletakkan di bawah pelancongan, budaya hanya digunakan untuk dijadikan satu *attraction* pelancongan dan bukan satu kepentingan untuk perpaduan negara.

Jadi, saya harap dua perkara yang penting ialah untuk menekankan bahawa negara ini ialah masyarakat majmuk. Yang kedua, perkara budaya ini diletakkan di bawah kementerian ini supaya kementerian ini dapat melalui kebudayaan, cara hidup, adat resam yang berlainan untuk difahami dengan lebih mendalam lagi melainkan hanya dengan kunjung-mengunjungi apabila ada hari-hari besar sahaja.

Saya juga ingin berminat untuk tahu di bawah Perkara 040500 iaitu Kenaikan Kadar Elaun yang telah disebut oleh Yang Berhormat dari PAS. Jadi, saya ingin tahu apakah *detailnya*.

Saya ingin tahu tentang 041800 – Pembangunan dan Peningkatan Kelas Tadika Perpaduan. Saya ingin tahu, apakah objektif tadika di bawah kementerian ini? Adakah ia berlainan dengan tadika-tadika yang lain?

Sekiranya objektifnya ialah untuk mendatangkan perpaduan, jadi adalah penting perbezaan di antara kaum, budaya dan agama perlu ditekankan dan perlu dijadikan sebagai satu kurikulum di dalam tadika ini. Yang saya bimbang ialah tadika ini bukan untuk menjalankan integrasi tetapi untuk menjadikan semua rakyat supaya tadika ini yang dijalankan secara Islam kerana yang saya tahu ialah kelas tadika ini bermula dengan membaca doa, itu saya tidak bantah tetapi perlu diberitahu kalau ada murid yang bukan Islam diberitahu apa maksudnya dan mereka boleh diberitahu juga bahawa mereka boleh membaca doa secara agama mereka sendiri. Kalau mereka Kristian, mereka boleh baca doa secara Kristian dan kalau Buddha juga, mereka ada cara sendiri dan bukan mereka disuruh berdoa sahaja.

Dan saya juga ingin mencadangkan bahawa bahasa yang digunakan dalam tadika ini, ia perlu menunjukkan bahawa ini adalah masyarakat majmuk dan ada berbilang bahasa dan bahasa yang dipakai diharap boleh juga mengikut keperluan, mengikut apakah bangsa ataupun hendak murid-murid dan ibu bapa. Kalau ada ibu bapa yang hendak anak mereka belajar Mandarin, Tamil atau Inggeris di dalam tadika perpaduan, kelas ini boleh disediakan dan ditanggung oleh pihak tadika. Bukan seperti sekarang iaitu kalau kelas Tamil atau kelas Mandarin yang hendak dijalankan, ibu bapa dikehendaki mencari guru dan juga membayar kepada guru ini. Saya rasa ini tidak akan memupuk perasaan perpaduan kalau cara ini yang digunakan.

Satu lagi saya ingin menarik perhatian ialah di Bukit Mertajam, banyak tadika perpaduan ini dibina di atas padang yang sedia ada. Kita tahu adalah penting kita adakan tadika tetapi padang itu juga penting kepada kanak-kanak. Kalau diperlukan untuk memilih ini, saya rasa kurang adil kepada mereka dan ada juga di taman-taman yang saya nampak, sudah ada 4 atau 5 buah tadika swasta yang sudah ada di dalam kawasan itu tetapi juga dibina tadika perpaduan. Tempat yang lain yang perlu, tidak dibina. Jadi, di taman ini tidak ada murid untuk menyertai tadika perpaduan di bawah murid-murid dari kawasan yang lain. Ini telah tidak mendatangkan faedah kepada penduduk-penduduk di kawasan itu dan saya rasa ini adalah perancangan yang kurang efektif. Jadi, saya harap ini akan diambil perhatian.

Saya ingin tahu 050300 – Program Pencegahan Gejala Sosial. Apakah yang dijalankan di bawah butiran ini? Dan juga di bawah 050500 – Mewujudkan 15 Buah Pusat Aktiviti Kanak-kanak, di mana pusat ini dan apakah aktiviti yang dijalankan?

Di bawah 01001 di bawah P.42 – Pembinaan Pusat Harian Warga Tua. Saya memang mengalu-alukan pembinaan pusat seperti ini khasnya di pusat-pusat bandar tetapi saya juga ingin mengingatkan kementerian ini bagaimana dengan Pusat Asuhan Kanak-kanak, sudah lama dikatakan tetapi belum dilaksanakan langsung. Sekurang-

kurangnya dilaksanakan di kawasan-kawasan setinggan, di kawasan-kawasan yang di mana sangat memerlukan perkhidmatan seperti ini.

Kalau kanak-kanak ini bukan penting seperti warga tua atau lebih penting mereka sekurang-kurangnya sepenting warga tua dan saya masih ingat bahawa Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat pernah mengatakan bahawa rancangan Pusat Asuhan Kanak-kanak akan diadakan dalam masa 2 tahun iaitu tahun lepas yang beliau membuat pengumuman. Jadi, apakah perkembangan ini? Adakah kita akan melihat ada 1, 2, 3, 4 atau 5 buah Pusat Asuhan Kanak-kanak akan diadakan? Sekurang-kurangnya untuk keluarga yang termiskin kalau tidak boleh untuk semua.

Ini adalah satu kesusahan kepada keluarga miskin kalau mereka hendak menambahkan pendapatan keluarga, ibunya pun juga perlu bekerja. Apabila ibu keluar bekerja, siapa yang hendak jaga anak mereka? Mereka tidak mampu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Puan Chong Eng: Jadi, saya harap kementerian ini akan memberi kepentingan kepada perkara-perkara yang saya baru kemukakan. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Batang Lupar.

12.00 tgh.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Batang Lupar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin terlibat dan berbincang sedikit persoalan dalam kementerian ini dan saya ingin menyentuh butiran 0300 di bawah Perpaduan Negara.

Dalam persoalan ini Tuan Pengerusi, mungkin saya seorang sahajalah yang berpendapat sedemikian. Jadi, ini adalah pendapat peribadi saya dan kepercayaan peribadi saya. Walau bagaimanapun, saya ingin meminta kementerian menyokong apa yang saya sebutkan nanti. Soalnya Tuan Pengerusi, nampak tidak ada hubung kait dengan kementerian tetapi sebagai Kementerian Perpaduan saya ingin meminta Kementerian Perpaduan menyentuh dan memberi saranan kepada kementerian-kementerian yang tertentu.

Umpamanya tidak lama lagi kita akan menghadapi Hari Raya Puasa/Hari Raya Aidilfitri dan pada ketika itu beribu-ribu dan beratus ribu rakyat warga kota akan balik ke kampung. Fenomena balik kampung di seluruh Semenanjung Malaysia amat ketara sekali walaupun tidak berapa ketara di Sarawak dan mungkin juga tidak berapa ketara di Sabah. Dan balik kampung ini adalah satu fenomena yang pada pandangan saya mempunyai banyak perkara negatif yang berlaku, iaitu kemalangan, kesesakan lalu lintas, kematian, kerosakan harta benda, bahkan tiap-tiap kali balik kampung fenomena ini berlaku. Balik kampung di masa-masa atau hari-hari perayaan ini, banyakkah beratus juta harta benda dan kerugian berlaku kepada masyarakat.

Jadi, saya ingin bertanya dengan pihak kementerian macam mana pihak kementerian melihat fenomena ini? Adakah ini juga menjadi satu masalah sosial yang besar yang mana kalau si bapa mati, si isteri mati, anak hilang bapa, anak hilang ibu dan sebagainya, berlaku kadang-kadang kita lihat dalam surat khabar yang mana anak ini tertinggal sebab ibu bapa dia mati kerana kereta berlanggar daripada hadapan. Apabila langgar daripada hadapan ibu bapa yang duduk dekat depan itu mati dahulu, yang anak di belakang alhamdulillah selamat. Dan anak inilah menjadi satu masalah. Dan ini oleh kerana fenomena balik kampung.

Fenomena balik kampung ini di *enhanced* dengan izin, pergerakannya semasa beberapa tahun kebelakangan ini yang mana tiap-tiap kali perayaan cuti sekolah berlaku. Sengaja diutarakan sedemikian supaya orang semua boleh balik kampung. Dan balik kampung ini ialah untuk mereka ini menyambungkan tali silaturahmi mereka dengan keluarga mereka di kampung. Tetapi perhubungan ini boleh dibuat dengan cara lain. Ibu bapa dan keluarga mereka di kampung boleh berjumpa dengan anak-anak mereka di bandar. Jadi, kenapa perlu kita mengadakan balik kampung? Jadi, yang membuat balik kampung ini satu keghairahan ialah oleh kerana cuti sekolah itu diutarakan sedemikian. Saya mencadangkan supaya cuti sekolah jangan dibuat macam itu. Buat macam dulu. Kita *fix* kan masa cuti sekolah yang tertentu.

Pada masa sekarang, satu lagi negatif kalau satu-satu badan atau aktiviti yang kita hendak buat terutama sekali melibatkan badan-badan yang berperingkat

antarabangsa. Kita tidak boleh buat di Malaysia dengan tidak menjejaskan persekolahan anak-anak juga begitu terutamanya yang akan berlaku di Kedah tidak berapa lama lagi iaitu Jambori Pengakap Kebangsaan akan diadakan di Kedah akan dilakukan masa persekolahan berlaku oleh kerana masa balik cuti itu sudah habis digunakan untuk berhari raya. Hari Krismas, apa benda sahajalah asalkan ada hari perayaan di Malaysia ini masa itulah sekolah bercuti. Jadi, dengan keadaan sedemikian cuti untuk aktiviti-aktiviti yang ada banyak pulangan sosial dia kepada masyarakat dan anak-anak tidak dapat diadakan lagi.

Jadi, balik kampung juga mendatangkan kematian. Balik kampung juga kebinasaan harta benda, balik kampung sesak di jalan raya. Ini soalan ekonomi soalan kerugian semua berlaku. Jadi, ini oleh kerana fenomena balik kampung. Jadi, macam mana? Adakah kementerian akan berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya fenomena balik kampung kita tentukan? Itu yang pertama.

Yang kedua, fenomena balik kampung juga akan mewujudkan satu fenomena lain iaitu kalau tiap-tiap orang, saya umpamanya daripada Batang Lupar hari raya saya balik Batang Lupar *celebrate* dengan keluarga saya sendiri, saya tidak kenallah jiran-jiran saya. Yang jiran saya duduk sekampung lebih 11 bulan setahun, saya duduk di bandar di tempat saya duduk itu tidak melihat saya masa hari perayaan ini. Jadi, dalam masa hari perayaan ini kita tidak melihat jiran-jiran kita. Bahkan jiran-jiran di kiri kanan rumah kita 11 bulan setahun kita diami itu tidak kenal pun dengan keluarga kita. Begitu jugalah jiran kita itu tidak kenal dengan kita. Apa yang kita lihat angkat tangan, "Hello, Good Morning", "Selamat pagi", "Assalamualaikum". Itu sahaja yang kita kenal dengan jiran kita.

Jadi, perpaduan di antara kita di halaman kita, rumah kita, tempat kita diam sebelas bulan dalam setahun itu kita tidak kenal langsung. Tetapi apa yang kita kenal balik kampung sahaja. Jadi, kita *create* satu mentaliti jaguh kampung juga. Jaguh kampung dalam sukan, jaguh kampung oleh kerana kita sendiri sudah wujudkan satu fenomena tiap-tiap hari perayaan, tiap-tiap perpaduan kita sebut sahaja dalam kementerian perpaduanlah yang kita sebutkan, perpaduanlah akan memperkukuhkan keteguhan negara, kekuatan negara. Tetapi dalam masa yang sama kita wujudkan aktiviti-aktiviti dan kita iktirafkan satu aktiviti-aktiviti itu memisahkan masyarakat.

Jadi, kalau kita lihat malah musim raya umpamanya perayaan bukan raya orang Islam sahaja. Kalau umpamanya di Sarawak musim Gawai tidak payah balik kampung, semua *celebrate* di mana tempat dia duduk, di mana tempat dia bekerja, di mana tempat dia berkhidmat. Di sanalah kalau hendak ada Cina, Iban, Melayu, Kelabit, hendak semua sekali di situlah mereka meraikan hari raya mereka.

Selepas itu adalah masa bercuti nanti. Balik cuti daripada sekolah, cuti daripada bekerja, baliklah jumpa keluarga panjangkanlah tali silaturahim, bawalah ibu bapa datang ke bandar-bandar jumpa anak-anak di bandar. Tetapi tidak payahlah hari perayaan ini sama ada Krismaskah, Deepavali, ataupun musim Hari Keamatan ataupun Gawai mesti diadakan hari percutian sekolah. Kerana pada masa itu kita hendak biarkan anak-anak ini membuat satu aktiviti-aktiviti lain. Kerana pada masa sekarang kita tidak boleh membuat aktiviti masa sekolah kerana cuti sekolah sudah diguna semua benda-benda lain sudah dibuat sudah rancang. Jadi, kita tidak kenal dengan jiran-jiran kita sebelah menyebelah semua tidak kenal.

Jadi, kalau kita lihat kenapa perpaduan di Sarawak boleh dikatakan yang terulung sekali di negara ini oleh kerana inilah diwujudkan sejak dulu tetapi sekarang ini kita sudah pecahkan orang Sarawak juga. Apabila Gawai balik ke kampung sendiri. Orang Melayu baliklah ke pekan sendiri. Sebab kita hendak pecahkan orang dia ikut dia punya, apa yang dia *celebrate*. Kalau dia *celebrate* Gawai dia balik ke kampung dia sendiri. Orang Melayu hendak balik balik kampung dia sendiri orang Melayu pergi cuti sahaja. Kerana ini menunjukkan bahawa kita tekankan perpaduan ini amat penting tetapi tindak-tanduk kita mewujudkan suasana yang mana perpaduan ini tidak penting. Jadi *lip services* sahaja.

Saya berharaplah pihak kementerian menyaran kepada Kementerian Pendidikan wujudkan macam macam dulu, cuti musim panas, cuti musim bunga, cuti musim tengkujuh, cuti musim apa sahaja cuti. *Fix* kan cuti itu macam itulah. Sama kalau nasib orang Deepavali berlaku pada musim itu dia nasib. Kalau orang Islam berlaku perayaan masa itu dia nasib. Tetapi pada penentunya program kita nampak dilihat orang luar negara kita pun teratur. Jadi, perpaduan orang ini siapa hendak *celebrate*? *Celebrate* lah di mana dia duduk. Jadi, tidak payahlah kita hendak balik

kampung, kemungkinan kematian di jalan raya, kebinasaan harta benda di jalan raya mungkin boleh dikurangkan tiap-tiap tahun.

Tuan Pengerusi, saya pindah ke perkara lain. Ini soalan pelaksanaan projek *legal literacy* JKNM. Apa benda JKNM ini? Minta tolonglah. Minta Menteri menjelaskan *legal literacy* ini macam mana fungsi dan apa sebab perlu diadakan dan apa benda ini. sebab banyak kita di Malaysia ini kadang-kadang kalau kita belajar di universiti pun kita lihat orang Malaysialah menyebut benda-benda dengan perkara pendek-pendek. Orang tidak faham pun. Macam dia cakap semua manusia boleh faham. JKMM, apa benda JKMM ini? Pada orang macam Menteri tahulah. Gombak bagi tahu saya apa makna dia, tetapi saya tidak pernah duduk dalam kementerian, mana saya tahu.

Kalau belajar di universiti pun orang Malaysialah, kata belajar *constitutional law*—“consti” kata dia. Binatang apa nama “consti”? Orang Malaysialah buat *short form* percakapan. Jadi, tolonglah bagi penjelasan benda yang payah orang hendak cari apa benda itu.

Pembinaan Pusat Harian Warga Tua saya hendak sentuh 01001. Ini memang saya menyokong kementerian membuat. Tetapi saya meminta kementerian jangan buat di satu tempat sahaja. Kalau Timbalan Menteri boleh berjalan di Kuching pergi ke satu bangunan bernama “Elektra House”. Sampai polis suruh orang tua-tua ini lari sebab tidak ada tempat hendak duduk. Suruh dia lari jangan duduk melepak dekat situ. Orang tua ini 60, 70 tahun melepak di tangga Elektra House ini. Sampai polis suruh “Makcik, pak cik, tokey, nyonya, jangan melepak di sini”.

Kita hendak ajar budak-budak jangan melepak. Ini orang tua pula melepak. Tetapi masalah orang tua melepak ini oleh sebab tidak ada tempat pun di mana mereka boleh berjumpa, berbincang dan bercakap. Dia tidak bolehlah macam budak. Budak duduk atas padang, duduk di bawah pokok. Orang tua tidak boleh macam itu. Jadi, saya menyarankan kepada kementerian supaya membuat satu penyelidikan dan diadakan satu pusat pembinaan w arga tua ini. Orang tua ini bahkan dia boleh *sustain* sendiri.

Saya sudah merancang di Sibu, Miri dan Kuching untuk mewujudkan itu. Bila saya buat penyelidikan persoalannya orang tua kita kena ada doktor, kita kena ada *nurse*, kita kena bagi mainan dam, main apa sahaja benda dalam bilik itu, mungkin kena ada TV. Apabila saya lihat benda itu kos dia begitu tinggi sekali. Saya tidak mempunyai sumber yang mencukupi. Saya hendak gunakan pergerakan-pergerakan di bawah pentadbiran saya untuk mewujudkan benda ini pun tidak mencukupi. Jadi, keadaan demikian..

Tuan Pengerusi [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa dan pun cukup.

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Sampai pertanyaan saya habis Tuan Pengerusi, ya. Sama ada kementerian bersetuju badan-badan NGO lain mewujudkan tempat ini, menyelenggarakan tempat ini dan melaksanakan tempat ini tetapi dengan sokongan infra- prasarananya, sewa dia diberi oleh pihak kementerian. Dan bolehkah Timbalan Menteri dan Menteri memikirkan perkara ini seperti diwujudkan pusat ini banyak lagi tiap-tiap bandar besar supaya orang tua-tua ini jangan melepak macam budak-budak kecil melepak. Jadi, masalah orang tua kalau kita marah dia susah juga. Tidak baik marah orang tua. Jadi, Tuan Pengerusi saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato’ Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya minta Menteri menjawab.

12.11 tgh.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato’ S. Veerasingam]: Tuan Pengerusi, saya ucapkan ribuan terima kasih bagi pihak kementerian kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan di peringkat jawatankuasa ini.

Yang Berhormat bagi Kepong telah menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan kementerian khasnya berkaitan dengan perpaduan dan beliau telah pun mencadangkan supaya kita menubuhkan satu majlis antara agama. Malaysia ialah

sebuah negara yang mempunyai semua jenis agama di dunia. Sehubungan dengan itu negara dari masa ke semasa mengalami kesukaran untuk memenuhi kehendak badan-badan agama ini. Walau bagaimanapun Perlembagaan Persekutuan telah menjamin agama Islam sebagai agama rasmi negara dan agama-agama lain bebas diamalkan. Namun begitu terdapat juga isu-isu keagamaan yang boleh menggugat keharmonian rakyat di negara ini. Isu-isu tersebut perlu ditangani oleh kerajaan dan badan-badan keagamaan dengan semangat perlembagaan dan semangat rukun negara. Dengan kerjasama semua rakyat agar semua pihak berpuas hati serta mencapai keadaan menang-menang. Tanpa perpaduan kaum, keharmonian perpaduan ekonomi negara tidak akan berkembang dan amat sukar negara mencapai Wawasan 2020.

Jadi, seperti permintaan Yang Berhormat bagi Kepong majlis perundingan antara agama telah diwujudkan oleh Kementerian saya dan beberapa perbincangan telah diadakan dengan ketua-ketua agama seperti Persatuan Hindu Sanggam Malaysia, Ajaran Taoism Malaysia, Guduara Council Sikh Narjawan Sabah Malaysia, Persatuan Belia Buddhist Malaysia, Malaysian Buddhist Association Council, Churches, National Evangelical Christian Fellowship Malaysian Bai High Community dan mereka semua bersetuju bahawa Perlembagaan Malaysia dan rukun negara adalah alat yang telah dan masih relevan untuk mengukuhkan perpaduan di negara ini. Mereka juga telah mencadangkan supaya kita mengadakan satu bengkel antara agama dan bengkel ini telah diadakan pada 21 hingga 23 Ogos.

Tuan Pengerusi, beliau juga telah sebut...

Puan Chong Eng: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Bukit Mertajam silakan.

Puan Chong Eng: Terima kasih Tuan Pengerusi dan juga Setiausaha Parlimen. Saya menyambut baik tentang mengadakan satu majlis yang diminta oleh Yang Berhormat bagi Kepong. Tetapi adakah Kementerian juga memantau bahawa nilai-nilai yang ingin dipupuk oleh Kementerian Perpaduan ini juga diterapkan kepada Kementerian yang lain? Kita tengok apabila ada Merdeka Day Parade semua Kementerian yang lain atau pejabat-pejabat yang mengadakan *parade* itu tidak menunjukkan bahawa negara ini adalah satu masyarakat majmuk. Kalau dari segi pakaian dari segi kebudayaan, kita nampak bahawa yang dia tidak menunjukkan negara ini adalah sebuah negara majmuk.

Dan juga dalam perjalanan kerja kerajaan tempatan bahawa seperti baru-baru ini negeri Selangor yang mengatakan akan merobohkan 60 buah kuil Hindu dan tanpa sensitiviti dia telah merobohkan satu kuil Hindu dalam Festival Navarathi. Navarathi itu adalah seperti 10 hari orang Hindu juga sembahyang dan juga ramai yang puasa juga. Seperti bulan puasalah. Tetapi kuil itu diroboh semasa itu. Itu menunjukkan tidak ada sensitiviti.

Ini juga berlaku di negeri Pulau Pinang kerana kuil itu ada satu kakinya di atas tanah kerajaan negeri dan kuil itu perlu dirobohkan dan tanpa perundingan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat?

Puan Chong Eng: Soalnya ialah adakah Kementerian ini ingin mengadakan kursus atau pun pegawai-pegawai di Kerajaan Tempatan perlu diberi kesedaran, *sensitivity* dari segi agama selain daripada agama Islam? Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Dato' Pengerusi, berkaitan dengan soalan bahawa Malaysia negara tidak digambarkan sebagai sebuah negara majmuk itu tidak benar. Semasa merdeka semua kaum mengambil bahagian dan terpulung kepada kaum-kaum sendiri untuk menonjolkan pakaian mereka dan lain-lain. Macam kaum India, Punjabi, mereka juga apabila mengambil bahagian dalam acara itu, ada pakaian kebangsaan mereka; begitu juga daripada keturunan India juga ada pakaian vesti dan lain-lain pada masa itu. Dan juga daripada kelas-kelas tadika ada campur daripada Sabah ke Perlis pakaian berlainan. Jadi ini semua menunjukkan bahawa kita mementingkan semua tradisi dan kebudayaan semua kaum dan ini adalah penting dalam sebuah negara majmuk.

Jadi berkaitan dengan kuil, masalah kuil-kuil ini semua nasihat daripada penal perundingan dan juga daripada panel penasihat perpaduan negara dipanjangkan

kepada kementerian-kementerian yang berkenaan dan juga kepada kerajaan-kerajaan negeri. Berkaitan dengan masalah 60 kuil ini satu perbincangan antara MIC dan juga Menteri Besar telah dilakukan dan Menteri Besar telah pun bersetuju supaya dikaji balik dan tempat-tempat diberi supaya kuil-kuil yang ada dekat-dekat dapat disatukan di tempat yang lebih sesuai dan juga dengan cara ini kita dapat mengatasi masalah-masalah. Dan dari masa ke masa kadang-kadang timbul masalah ini dan kerajaan telah memberi arahan kepada semua pihak-pihak yang berkenaan iaitu jika ingin merobohkan sesebuah kuil kerana ada masalah tempat dan lain ia hanya akan boleh dilakukan dengan diarahkan oleh Menteri Besar sendiri. Kalau tidak, macam majlis daerah atau mana-mana pihak tidak boleh mengambil tindakan sesuka hati. Ini adalah sesuatu perkara yang kita perlu mengambil tahu kerana mengenai isu-isu *sensitive* dan semua pihak yang berkenaan bekerjasama supaya perkara-perkara dan masalah-masalah seperti ini dapat diatasi.

Beliau juga telah menyentuh tentang apa yang berlaku semasa May 13, Kampung Medan dan juga berkaitan dengan satu *consultative council* kita juga telah mewujudkan panel penasihat perpaduan. Panel ini berjumpa dari masa ke semasa dan memberi nasihat. Ini juga disampaikan kepada kementerian-kementerian yang berkenaan supaya kita dapat menjalankan beberapa aktiviti yang boleh membawa faedah kepada negara kita dan juga boleh mewujudkan perpaduan. Contohnya seperti Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Para panel penasihat juga telah memberi nasihat supaya apabila ada rancangan-rancangan perumahan besar, tempat-tempat beribadat untuk agama-agama lain juga perlu diberi tempat dan kementerian itu telah mengambil tindakan supaya ianya dilaksanakan.

Yang Berhormat daripada Gelang Patah juga telah menyentuh tentang perpaduan negara dan beliau juga telah menyentuh tentang perpaduan negara dan beliau juga telah mengucapkan tahniah kepada rukun tetangga-rukun tetangga yang aktif. Memang jabatan perpaduan negara sedar tentang masalah-masalah daripada rukun tetangga-rukun tetangga (RT) yang kurang aktif dan ia telah dikategorikan. Ada tiga kumpulan iaitu yang aktif, yang kurang aktif dan tidak aktif. Jadi yang aktif menerima RM400 tiap-tiap bulan, yang kurang aktif menerima RM250 dan yang tidak aktif mendapat RM150. Yang aktif juga mendapat ganjaran RM1000 setahun sebagai tambahan supaya mereka akan terus menjadi aktif. Dan pegawai-pegawai daripada jabatan perpaduan juga sentiasa memantau aktiviti yang dijalankan oleh semua RT supaya semua rukun tetangga menjadi lebih aktif.

Sebenarnya kementerian saya juga telah diperuntukkan sebanyak RM13 juta tambahan untuk menubuhkan 400 lagi rukun tetangga di seluruh negara di tempat-tempat yang difikirkan berisiko tinggi supaya melalui RT kita boleh membawa perpaduan ke kawasan-kawasan yang tersebut itu.

Yang Berhormat daripada Gelang Patah juga telah menyentuh tentang toleransi-toleransi antara kaum, kebudayaan dan juga masalah di universiti dan lain-lain. Ini adalah mustahak apabila mengadakan perayaan-perayaan kebudayaan di mana semua kaum dapat melibatkan diri, misalnya kalau kita ada *moon cake festival* - dengan izin - semasa perayaan kuih bulan ini semua kaum mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti rukun tetangga.

Begitu juga di universiti-universiti, badan-badan yang ada boleh mengadakan aktiviti-aktiviti ini dengan kebenaran daripada pihak tertentu supaya mereka memahami kebudayaan antara kaum. Ini adalah mustahak dan seperti permintaan Gelang Patah, kementerian saya akan menyampaikan maklumat ini kepada semua universiti-universiti yang ada dalam negara kita supaya mengadakan aktiviti-aktiviti yang boleh membawa toleransi antara kaum. Ini adalah satu perkara yang mustahak dan saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat yang berkenaan.

Berkaitan dengan masalah kuil yang beliau telah sebut, ini adalah berkaitan dengan kuasa bagi tanah, dan oleh itu adalah bidang kuasa negeri. Apabila kita ada perbincangan ahli-ahli *exco* daripada tiap-tiap negeri, telah membawa beberapa perkara untuk perhatian mereka. Apabila Ahli-ahli Parlimen berucap di sini, pegawai-pegawai juga mengambil nota untuk menyampaikan hasrat Yang Berhormat-Yang Berhormat masa perbincangan ini dan juga panel penasihat daripada panel perpaduan juga sentiasa memberi beberapa nasihat yang disampaikan kepada mesyuarat ini untuk tindakan mereka.

Yang Berhormat daripada Rantau Panjang telah pun menyentuh tentang kenaikan kadar elaun di tadika perpaduan.. apakah bezanya di antara tadika perpaduan dengan tadika kemas dan lain-lain? Tadika perpaduan adalah di bandar-bandar dan di pinggir bandar dan tadika kemas ini khasnya hanya di luar bandar sahaja. Jika ada rukun tetangga di kawasan luar bandar, kelas perpaduan boleh diwujudkan di sana. Tetapi kelas Kemas hanya di luar bandar sahaja dan bukan di tempat-tempat lain.

Bagi tadika khas yang kita ingin mengadakan iaitu kita harap lebih 50 pusat tadika ini akan menggunakan ICT atau komputer dalam pelajaran dan ia menjadi macam *smart school* sahajalah supaya anak-anak kita di kelas-kelas tadika biasanya daripada keluarga yang miskin juga dapat mengikuti pengajaran menggunakan komputer.

Yang Berhormat.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya ada yang berdiri Yang Berhormat, Seputeh. Sila

Puan Teresa Kok Suh Sim: Terima kasih Dato' Pengerusi. Saya ingin tanya kalau terdapat tadika, adapani pusat perlindungan kanak-kanak yang menganiyai kanak-kanak adakah kementerian akan menarik balik lesen daripada mereka? Saya bangkitkan isu ini kerana yang saya baca di Jalan Ipoh, Mercy Home yang mana mendapat lesen daripada kementerian, terdapat laporan bahawa pusat kanak-kanak itu menganiyai kanak-kanak di pusatnya. Jadi adakah kementerian mengambil apa-apa tindakan untuk menangani masalah seperti ini?

Dato' S. Veerasingam: Saya sedang bercakap tentang kelas tadika...[*sampukan ketawa*]... Seputeh pula tanya tentang Mercy Home adalah berlainan, tapi walau bagaimanapun, Mercy Home itu adalah satu perkara yang Jabatan Kebajikan Masyarakat sedang mengambil tindakan, Mercy Home telah memohon untuk mendapatkan lesen dan apabila badan-badan yang berkenaan meluluskan, Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengkaji dan meluluskan lesen itu. Mercy Home adalah satu badan saya sendiri telah melawat tempat itu yang tuan punya Mercy Home itu adalah seorang yang cukup baik hati beliau pergi ke tempat yang macam pekan-pekan kalau nampak yang minta sedekah dia bawa member ke rumah itu. Tetapi ada orang-orang tertentu ingin menutupkan Mercy Home kerana tidak ada lesen. Jadi pegawai-pegawai dari jabatan saya telah melawat ke tempat itu dan telah memberi beberapa nasihat supaya tempat itu boleh dijaga dengan lebih baik dan beliau mengikuti nasihat-nasihat itu dan saya berharap tidak lama lagi kita juga dapat memberi lesen kepada Mercy Home itu.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi macam mana tentang laporan?

Dato' S. Veerasingam: Cukup, cukup, cukup. Tidak payah lagi sebab itu ada luar. Saya hanya jawab pada Seputeh.....[*disampuk*]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, terus kan, Setiausaha Parlimen.

Dato' S. Veerasingam: Ya Yang Berhormat, daripada Rantau Panjang juga telah menyebut juga tentang pengajaran agama di tempat-tempat akhlak, tempat-tempat pemulihan dan lain-lain. Ini memang dilakukan. Pengajaran agama Islam dan juga agama-agama lain, agama-agama lain biasanya macam agama Hindu adalah orang tempatan yang datang pada hari Jumaat untuk mengajar anak-anak kita dari segi agama dan bagi agama Islam ada guru khas di tempat-tempat pemulihan. Kementerian saya mementingkan agama sebagai satu cara yang boleh membawa pemulihan kepada anak-anak kita di rumah-rumah akhlak ini.

Bagi JPN juga yang melaksanakan program perintis menggunakan kaedah Iqra' yang sedang dilaksanakan di negeri Kedah dan apabila ianya dapat *feedback* - dengan izin - kemudian akan dilaksanakan beberapa tempat lagi.

Berkaitan dengan program gejala sosial, beliau juga telah inginkan bahawa adakah ianya disampaikan kepada kementerian-kementerian yang lain? Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita ada sebuah jawatankuasa kabinet khas iaitu jawatankuasa membanteras masalah sosial yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri yang kementerian saya menjadi kementerian pengurusan dan semua kementerian yang terlibat dengan pembangunan sosial ada dalam mesyuarat itu yang diadakan, tiga empat bulan sekali dan di mana semua kementerian ambil kira tentang

pembangunan sosial dan tindakan diambil supaya kita boleh mengatasi masalah-masalah yang dihadapi.

Dan sebagai kementerian pengurusan apa sahaja keputusan yang dibuat oleh jawatankuasa itu kita menghantar surat dan lain-lain kepada kementerian-kementerian yang berkenaan untuk melaksanakan projek ini. Daripada projek ini juga Yayasan Strategi Sosial telah diberi peruntukan sebanyak RM2.7 juta untuk mengadakan program-program khas untuk mengatasi masalah gejala-gejala sosial di kalangan kaum India khususnya di tempat-tempat setinggan dan beberapa tempat yang lain.

Beliau juga telah menyebut tentang pembinaan rumah warga tua. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada beliau kerana

Puan Chong Eng: [Bangun]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat. Bukit Mertajam.

Puan Chong Eng: Ya, terima kasih. Jawapan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen mengatakan RM20 juta atau RM20,000 telah diberikan untuk mengatasi gejala-gejala sosial di dalam masyarakat Hindu. Bolehkah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberitahu Dewan ini, adakah kajian telah dijalankan dan membuktikan bahawa masyarakat India ini lebih mengalami masalah sosial? Dan apakah sebab-sebabnya? Kerana kita hendak mengatasi masalah itu, kita perlu tahu apakah *the root cause*. Jadi adakah kajian telah dibuat dan sekiranya ada, bolehkah laporan ini diumumkan? Terima kasih.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, kementerian telah membuat satu kajian dan kajian itu telah disampaikan kepada jawatankuasa membanteras masalah sosial dan daripada kajian itulah kerajaan telah meluluskan peruntukan itu untuk mengambil beberapa tindakan dan juga menjalankan beberapa projek untuk membantu mengatasi masalah-masalah itu. Kalau saya huraikan apa kandungan laporan itu, itu akan mengambil masa yang terlalu panjang kerana masa yang diberi kepada saya hanya 30 minit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, ada dua yang berdiri, Yang Berhormat. Boleh, ya, sila Sri Gading. Masa Yang Berhormat ada sepuluh minit lagi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya menjangkakan kita semua akan dapat mendengar jawapan daripada Yang Berhormat Menteri sendiri pasal kita sudah rindu sangat dengan menteri kerana sudah lama tidak jumpa, tetapi

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, teruskan. Yang Berhormat. Teruskan soalan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Setiausaha Parlimen sahabat saya yang menjawab. Soalan saya ini pun sebenarnya saya tidak tahu di mana hendak masuk takut agak tidak kena Dato', tetapi sebab ada kaitan dengan

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Cuba, cuba Yang Berhormat, kut kena.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya cubalah. Saya ingin hendak bertanya dan ingin hendak mendapat penjelasan tentang Yayasan Kebajikan Negara kerana saya sebenarnya ingin hendak ambil bahagian dalam perbahasan dalam peringkat Jawatankuasa ini, tetapi entah macam mana ada masalah sedikit tadi, kena keluar daripada Dewan ini. Ada kerja sedikit di luar.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Ketawa] Jadi tidak dapat hendak mengemukakan dalam ucapan perbahasan. Jadi saya ingin kalau dapat, dengan jasa baik Yang Berhormat Setiausaha Parlimen memberikan sedikit penjelasan.

Sudah lama kita tidak berapa kedengaran aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Yayasan Kebajikan Negara. Mungkin saya agaknya tidak mendengar, mungkin orang lain mendengar. Saya dengar wangnya ada berpuluh-puluh juta, mungkin agak beratus juta, Wallahu a'lam. Waktu saya menjadi exco yang menjaga *welfare* di peringkat di

negeri dahulu, saya tahu juga sedikit tetapi ini sudah lama jadi tidak berapa sangat dapat penjelasan.

Jadi saya ingin hendak mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen tentang kegiatan-kegiatan Yayasan Kebajikan Negara. Dan ramai orang yang menyebut tentang Yayasan Kebajikan Negara kerana mereka ingin sangat mendapat bantuan daripada tabung ini bagi membiayai pelbagai perkara yang berkaitan dengan masalah membiayai penyakit dan pelbagai-bagai musibah yang berlaku dalam keluarga masing-masing yang mereka tahu akan mendapat bantuan daripada Yayasan Kebajikan Negara kalau permohonan mereka dimajukan kepada badan ini.

Begitu juga tentang anggota-anggota palsu seperti kaki palsu dan berbagai-bagai lagi. Orang kencing manis kena potong kaki, dia hendakkan kaki palsu; Kemudahan ini ada di sini tetapi ada satu lagi perkara yang menjadi rungutan orang ramai. Kadang kala mereka tidak jelas, tidak tahu di mana hendak dirujuk dan kadang kala apabila sudah tahu tempat yang dirujuk, hendak menerima bantuan begitu lama, panjang masanya, kerana agaknya tidak ada mesyuarat di peringkat ini. Jadi saya ingin mendapat penjelasan kerana ini salah satu daripada tabungan yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional. Saya ulang sekali lagi, lebih-lebih lagi bila DAP dengan PAS biar dengar. Tabung yang disediakan oleh Kerajaan Barisan Nasional

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Banyak ini Yang Berhormat. Panjang sangat ini serupa cakap dasar....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Ini bukan dasar, ini bertanya. Sebagai satu cara hendak membantu rakyat yang dalam kesusahan, bantuan ini amatlah berfaedah kepada rakyat. Jadi saya minta sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Saya minta maaf Dato' kalau terpanjang sedikit soalan ini. Almaklum hendak menjelaskan. Terima kasih Dato'.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terima kasih Dato'.

Dato' S. Veerasingam: Tuan Pengerusi, seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat sendiri, ini adalah keluar daripada tajuk. Ini adalah berkaitan dengan budget. YKN tidak masuk dalam budget. Walau bagaimanapun, untuk pengetahuan umum dan juga pengetahuan Yang Berhormat, Yayasan Kebajikan Negara masih kekal dijalankan oleh Kerajaan Barisan Nasional tetapi peruntukan bukan berjuta-juta, berpuluh-puluh juta. Yang ada lebih kurang barangkali RM40 juta. Tetapi apa yang kita beri adalah apabila ada permohonan, Pengerusi Menteri sendiri akan mengkaji dan meluluskannya. Biasanya ia dipanjangkan kepada pegawai kebajikan ataupun ke Yayasan Kebajikan Negara sendiri yang ada pegawai di beberapa tempat. Jika tidak ada pegawai YKN, ianya boleh ditunjukkan kepada Pegawai Kebajikan Masyarakat yang ada di daerah. Jika permohonan itu misalnya ke IJN hendak buat pembedahan dan lain-lain, Jabatan Kebajikan sendiri boleh membuat syor kalau daripada keluarga miskin supaya ianya dijalankan dengan percuma.

Tetapi, kalau mereka masuk hospital yang istimewa ataupun kena belanja yang besar seperti Gleneagles dan lain-lain, di situ YKN tidak dapat membantu sebab orang yang berada sahaja pergi ke tempat-tempat seperti itu. Dan jika ada orang-orang buat permohonan di surat khabar untuk mendapatkan bantuan, biasanya YKN tidak akan membantu sebab mereka mendapat pungutan daripada orang ramai melalui surat khabar ini. Tetapi jika tidak mencukupi, misalnya dia perlu dalam RM30,000, mereka sudah dapat RM20 (tidak cukup RM10,000) dan mereka menulis kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat ataupun kepada YKN, ia akan dikaji dan akan menampung kekurangan itu. Biasa berlaku macam ini.

Bagi dialysis, sebenarnya jika mereka pergi ke tempat-tempat yang dijalankan oleh NGO, mereka juga boleh mendapat bantuan. Dahulu kita bagi sekali gus RM5,000, tetapi sekarang kita ada perbincangan dengan keluarga yang berkenaan, jika kita perlu bayar tiap-tiap kali RM60, kalau keluarga itu boleh bayar RM30, kita tampung RM30. Ini bermakna kita bayar seumur hidup orang yang kena penyakit itu.

Kita juga ada bantu beberapa badan NGO untuk membeli mesin-mesin dialysis dan lain-lain khasnya barang-barang tiruan. Apabila perlu barang-barang

tiruan untuk pembedahan, orang-orang miskin tidak mampu membayar, dan kita memberi kelulusan dan memberi barang-barang yang perlu itu. Tetapi jika mereka pergi ke *private hospital*,....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah hendak habis.

Dato' S. Veerasingam: Saya habiskan, sedikit sahaja, ya.

Jadi, ini adalah sesuatu masalah tetapi kekal dijalankan. Yang Berhormat daripada Gombak telah menyentuh tentang kelas tadika perpaduan berinteraksinya dan juga betapa pentingnya kita mengadakan kelas-kelas perpaduan ini. Kita ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Gombak kerana beliau begitu prihatin tentang kedudukan kelas-kelas tabika.

Sebenarnya, sebanyak 130 bangunan baru telah dibina untuk kelas-kelas tabika dan dari masa ke semasa, apabila ada tempat kelas-kelas tabika ini dibangunkan dan jika ianya ada di tempat sewa, tempat-tempat itu ditentukan supaya ianya adalah selamat untuk digunakan oleh anak-anak kita. Bagi kelulusan guru-guru kelas tabika, latihan yang telah dimulakan dulu di universiti masih dijalankan dan latihan diberikan juga, ada kursus-kursus bagi guru-guru tabika supaya mereka dapat mengajar anak-anak kita dengan baik dan sempurna.

Beliau juga telah menyentuh tentang sekdah memandu bagi orang kurang upaya. Ini adalah satu yang penting bagi orang-orang kurang upaya untuk mempelajari cara membawa kereta, motor dan lain-lain supaya mereka boleh mendapatkan lesen dengan senang daripada Kementerian Pengangkutan yang berkenaan dan ianya sebagai permulaan dilakukan di Bangi dan barangkali kemudian kepada negeri-negeri yang lain.

Beliau juga telah menyebut tentang semua jenis orang kurang upaya (OKU) yang perlu diiktirafkan. Biasanya dalam sesebuah negara, 1 peratus penduduknya dianggap sebagai orang kurang upaya. Kalau semuanya diambil kira, maknanya barangkali ada lebih kurang 10 peratus. Kalau Bangsa-bangsa Bersatu, dia kata, semua yang pakai cermin mata juga kurang upaya. Macam saya sendirilah orang kurang upaya kerana pakai cermin mata. Kalau Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam pun serupa ya, kita semua orang kurang upaya. [Ketawa] Jadi, ianya kalau kita ambil kira macam itu 10 peratus. Tetapi, lain-lain kekurangan keanggotaan jika perlu bantuan, selepas disiasat oleh pegawai-pegawai kita, kita akan memberi bantuan itu. Kita juga memberi bantuan cermin mata kepada orang-orang miskin yang tidak mampu membeli cermin mata, kita bagi bantuan cermin mata melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Beliau juga telah menyentuh tentang Institut Sosial Malaysia (ISM) di mana ia boleh menjadi satu pusat pelajaran bagi bukan sahaja ke Malaysia tetapi di rantau Asia ini supaya orang-orang yang ingin menjadi mahir dalam aktiviti sosial boleh belajar di ISM dan diplamanya boleh digunakan untuk membantu orang-orang kurang upaya dan juga untuk menjalankan kegiatan di NGO-NGO.

Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membawa beberapa perkara khasnya apabila diumumkan Malaysia sebagai negara Islam, dasar ekonomi, polisi baru dan lain-lain, beliau berfikir akan menjejaskan perpaduan kaum di negara kita. Saya tidak bersetuju dengan Yang Berhormat.

Saya berfikir kegunaan agama tidak boleh menjejaskan mana-mana badan, mana-mana orang sebab semua agama mengajar kita supaya kita menjadi baik. Jadi, ia tidak akan menjejaskan dan negara kita juga mengikut Perlembagaan. Perlembagaan memberitahu kepada kita semua bahawa Islam adalah agama rasmi negara ini dan semua agama lain tidak ada masalah diikuti di negara kita.

Bagi Dasar Ekonomi Baru, Dasar Ekonomi Baru bukan untuk orang bumiputera sahaja. Dalam Dasar Ekonomi Baru, yang tidak berada boleh dinaikkan taraf supaya menjadi orang yang berada. Jadi, semua kaum dapat peluang untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Kalau kita banding dengan 30 tahun dahulu dengan sekarang, semua kaum dapat menunjukkan prestasi yang tinggi berkaitan dengan pembangunan ekonomi. Macam orang Melayu, daripada dua, tiga peratus hingga kepada lapan peratus, orang India daripada 0perpuluhan berapa peratus kepada 1.5 peratus walaupun kurang lagi,

kerajaan mencari jalan supaya kaum India boleh mendapat ekuiti sebanyak tiga peratus dalam negara ini dan kaum Cina pun tidak kurang daripada peratus yang mereka mencapai, mereka juga ada meningkat dalam perkara ekonomi.

Jadi, Dasar Ekonomi Baru telah membawa perpaduan kepada negara kita. Itu Yang Berhormat, mustahak sekali sebab semasa kita tidak ada Dasar Ekonomi Baru, jika ada kumpulan yang besar begitu, di belakang orang-orang lain, ini boleh membawa banyak masalah sosial. Jadi, masalah-masalah sosial ini dapat diatasi dengan adanya Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa Yang Berhormat cukup Yang Berhormat. Gulung.

Dato' S. Veerasingam: Haa, sikit lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, gulung cepat.

Dato' S. Veerasingam: Yang Berhormat Tuan Pengerusi.....[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sudah 35 minit.

Dato' S. Veerasingam: Ya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Dato' S. Veerasingam: Sikit sahaja lagi. Beliau juga telah menyentuh bahawa kebudayaan perlu diletak di bawah Kementerian Perpaduan. Sebenarnya Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan daripada aspek *tourism*. Di kementerian saya, kita masih memberi keutamaan kepada kebudayaan semua kaum. Dalam aktiviti-aktiviti Rukun Tetangga dan juga aktiviti-aktiviti kelas tabika, kita ada program-program di mana semua kebudayaan ditonjolkan dengan cara pakaian, permainan dan juga mengadakan tarian-tarian daripada semua kaum. Walau bagaimanapun, saya ucapkan terima kasihlah kepada Yang Berhormat yang prihatin tentang perkara ini dan juga berpendapat bahawa kementerian saya boleh menjalankan tugas itu dengan baik.

Beliau juga telah menyentuh tentang pusat aktiviti kanak-kanak. Beliau telah bertanya apakah aktiviti pusat kanak-kanak itu? Kita ada sebanyak 87 pusat aktiviti kanak-kanak di seluruh negara. Kalau misalnya, di satu tempat di mana ada pusat aktiviti itu, anak muda di kawasan itu, umur di bawah 18 tahun boleh menjadi ahli di situ. Mereka ada seorang guru yang boleh mengajar mereka menggunakan komputer, mengajar mereka permainan dan berbahas. Itu adalah satu tempat riadah di mana mereka boleh datang dan menggunakan pusat aktiviti seperti satu kelab atau kelab-kelab lain. Jadi, ini adalah satu cara kita menjaga anak-anak kita dan sambil itu juga, memupuk perpaduan di kalangan penduduk-penduduk kawasan itu.

Berkaitan dengan pusat harian.....[Disampuk]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, sudah banyak masa Yang Berhormat saya sudah bagi.

Dato' S. Veerasingam: Sikit sahaja. Last sekali, Batang Lapok. Batang Lumar. Minta maaf Yang Berhormat. [Ketawa] [Dewan gamat seketika] Beliau telah menyentuh banyak perkara bahawa kita tidak kenal jiran. Beliau juga telah menyebut tentang pulang ke kampung masa Hari Raya dan lain-lain. Beliau berfikir kita mesti merayakan di tempat yang kita duduk tetapi saya berfikir lain. Saya berfikir kita mesti balik ke rumah ibu bapa kita semasa kita meraikan Hari Raya atau apa-apa perayaan besar ataupun ibu bapa datang ke tempat kita.

Kita jangan tinggalkan orang-orang lama. Bila kita balik kampung, kita juga dapat kenal kawan-kawan lama yang ada di situ dan cara ini kita juga memupuk perpaduan di kalangan orang-orang kampung di mana-mana tempat kita pergi juga.

Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini dan saya juga mengambil peluang ini untuk mengucapkan selamat berpuasa dan selamat Hari Raya. Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM234,311,300 untuk Maksud B.42 di bawah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM234,311,300 untuk Maksud B.42 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM234,311,300 untuk Maksud P.42 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2001 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM234,311,300 untuk Maksud P.42 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2001.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Datuk Haji Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

"Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 6.30 petang atau manakala selesai perbahasan atas Kementerian Penerangan di peringkat Jawatankuasa yang mana terdahulu dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada esok hari".

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada sokongan?

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]: Sokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa

Maksud B.43 [Jadual] - Maksud P.43 [Anggaran Pembangunan 2001] -

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepala Bekalan B.43 dan Kepala Pembangunan B.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi terbuka untuk dibahas. Tambun.

12.53 tgh.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ambil masa ringkas sahaja.

Pertama, mengenai dengan program pengurusan dan perundangan tanah. Saya ingin mendapat maklumat daripada kementerian tentang konsep *authority* kementerian kerana seringkali bila kita membicarakan tentang soal tanah, selalu kementerian akan membangkitkan bahawa tanah adalah di bawah bidang kuasa negeri manakala menurut objektif program pengurusan dan perundangan tanah untuk mempertingkatkan sistem pengurusan dan perundangan tanah di seluruh negara supaya cekap dan bermutu selaras dengan dasar pembangunan negara. Saya membangkitkan perkara ini kerana kita tidak boleh elak daripada hakikat bahawa tanah merupakan faktor pengeluaran yang terpenting dan begitu kritikal dalam soal pembangunan ekonomi negara.

Sehubungan dengan itu, berkaitan dengan konsep *authority* tadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian dari segi kelulusan tanah, tukar syarat tanah dan juga mengeluarkan geran. Biasanya, berapa lamakah tempoh waktu untuk urusan-urusan tersebut dapat dilaksanakan?

Di samping itu, saya juga berharap kementerian dapat menggunakan pengaruh ke atas Kerajaan Negeri dan juga ke atas Majlis Perbandaran. Saya dapati sekarang ini, majlis tempatan kadang kala begitu tegas dari segi menetapkan syarat penggunaan tanah.

Sebagai contoh, kawasan perkilangan baru yang masih belum lagi didirikan kilang kerana kita tahu dalam keadaan ekonomi sekarang, masalah kewangan pasaran dan sebagainya, kilang tidak akan didirikan. Ada pengusaha yang juga terlibat dalam aktiviti pengangkutan meletakkan kenderaan mereka di situ seperti lori. Bagi majlis tempatan, perkara itu satu kesalahan. Saya bersetuju bahawa ia satu kesalahan tetapi apa yang harus kita lihat, dalam keadaan ekonomi masa kini, kerajaan seharusnya menolong pengusaha dan meletakkan lori di atas tapaknya sendiri yang penggunaan tanah untuk kilang pada saya, tidak menjejaskan sesiapa pun. Mesti ada sikap memberi kelonggaran kepada pengusaha. Dalam keadaan ekonomi yang kita hadapi sekarang kita harus ingat bahawa pengusaha merupakan satu golongan manusia yang penting kepada negara kita. Dengan yang demikian, saya berharap kerajaan mesti membantu pengusaha memudahkan mereka menjalankan urusan perniagaan demi kepentingan negara kita.

Yang kedua, Program Pembangunan Koperasi. Sebenarnya, tentang pembangunan koperasi ini, telah banyak kali saya sentuh dan banyak jawapan diterima dan setiap kali kita menerima jawapan, sesuatu perubahan dan sesuatu yang baru akan dilakukan oleh kerajaan. Tetapi sebenarnya, sehingga kini dalam tempoh dua penggal saya di Parlimen, saya tidak dapat melihat sebarang perubahan di dalam industri atau sektor koperasi. Kita lihat, semenjak tahun 1997, 1998, apabila kita berhadapan dengan masalah ekonomi, bila kita mengkaji sektor demi sektor, kita dapat melihat perubahan ke arah untuk memperkukuhkan sektor-sektor tersebut, sektor perbankan dan kewangan berhadapan dengan urusan untuk menggabung bank supaya lebih kompetitif. Sektor *security*, penggabungan broker saham untuk mewujudkan universal broker. sektor korporat pelbagai penggabungan, kita dapati ada kursus untuk meningkatkan *corporate governance* dan banyak lagi. Tetapi, dalam sektor koperasi, tidak banyak dapat kita lihat perubahan yang berlaku.

Jadi di sini, yang dipertanggungjawabkan untuk mengawasi sektor koperasi atau industri ini adalah jabatan koperasi. Cuba kita buat comparison, Jabatan Koperasi dengan Bank Negara Malaysia, begitu jauh dari segi profesionalisme Bank Negara Malaysia dan juga Jabatan Koperasi yang mempunyai peranan hampir sama. Kita bandingkan Jabatan Koperasi dengan *Securities Commission*. Kita dapati begitu jauh perbezaan.

Jadi isunya, apakah Jabatan Koperasi sebenarnya telah memainkan peranan penting? Adakah pihak kerajaan telah mengkaji prestasi Jabatan Koperasi dan kemampuan serta kapasiti Jabatan Koperasi untuk memainkan peranan bagi membawa perubahan kepada industri koperasi? Saya masih berpegang kepada pendirian bahawa koperasi merupakan entiti yang cukup penting. Sebagai alternatif kepada sistem korporat, kita ada alternatif iaitu koperasi. Kita lihat di banyak negara, koperasi begitu berjaya dalam kegiatan ekonomi dan malahan melalui koperasi, banyak faedah diperolehi, bukan sahaja oleh ahli tetapi *community* sekeliling dari segi dapat membeli produk dengan harga yang lebih murah. Sehubungan dengan itu, saya ingin bertanya kepada kementerian, berapa ramaikah kakitangan Jabatan Koperasi? Itu yang pertama.

Yang kedua, daripada bilangan kakitangan Jabatan Koperasi, berapa ramaikah golongan profesional di dalam jabatan tersebut terutama dari segi nisbah? Saya anggap kalau nisbahnya 5% profesional, 95% bukan profesional, maka hasilnya sepertimana yang kita lihat, tidak ada banyak harapan yang dapat kita taruh kepada Jabatan Koperasi. Berapa ramaikah golongan profesional? Yang ketiga, apakah tugas-tugas yang telah dijalankan oleh Jabatan Koperasi yang boleh kita banggakan? Adakah satu *industry study* mengenai dengan sektor koperasi dilaksanakan? Di manakah kekuatan-kekuatan serta kelemahan-kelemahan sektor koperasi? 3,000 lebih koperasi yang ada, dikategorikan mengikut *ranking* pertama, kedua, ketiga, keempat, kelima dari segi kategori, manakah yang baik? Yang tidak baik, apakah yang dilakukan? Tutupkah? Bukakah? Apakah pertolongannya?

Adakah laporan-laporan begitu disediakan dan pihak kementerian merasa berpuas hati di atas laporan tersebut dan di samping itu, adakah Jabatan Koperasi

pula, oleh kerana tidak mempunyai kepakaran, menggunakan kepakaran luar, konsultan untuk membuat kajian-kajian?

Saya menganggap, Tuan Pengerusi, kita tidak boleh berlengah, mengambil sikap "tidak apalah" kerana sepertimana yang saya katakan, di dalam mana-mana dunia dan negara, kita mempunyai strategi-strategi, mesti ada beberapa entiti yang mempunyai kekuatan. Kalau sektor korporat kita *collapse* macam sekarang, daripada 30% sumbangan kepada KDNK kepada 18% lebih kurang, di manakah kita hendak bergantung? Tidakkah kalau kita wujudkan industri koperasi yang kuat, sekurang-kurangnya ada kepelbagaian, ada sektor yang boleh kita bergantung?

Saya mengucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan sekarang ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Jawatankuasa***]

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, kita masih dalam Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi. Yang Berhormat bagi Seputeh, selepas ini Yang Berhormat ... saya ingat tidak ada yang bangun. Okay. Tidak mengapa. Ya, Yang Berhormat bagi Seputeh.

2.32 ptg.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020000 – Pengurusan dan Perundangan Tanah. Saya ingin tanya, setelah Akta Hak Milik Strata dipinda beberapa tahun yang lepas, berapakah permohonan hak milik strata yang telah diluluskan oleh kementerian? Selain itu adakah *Strata Title Board* ataupun Jawatankuasa Khas Untuk Hak Milik Strata sudah mula berfungsi, dan macam manakah bahagian ataupun *Board* ini boleh membantu mempercepatkan proses permohonan hak milik strata.

Gambaran yang saya dapat adalah kementerian tidak berusaha dengan bersungguh-sungguh dan kelihatan lambat dari segi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh ramai penduduk rumah pangsa ataupun pangsapuri yang masih menunggu hak milik strata mereka. Misalnya kes Diwana Mansion yang terletak di Taman Salak Selatan. Jawatankuasa Penduduk telah pun menghantar memorandum kepada Pejabat Timbalan Menteri dengan tangan beberapa bulan yang lepas tetapi kes ini masih belum diambil tindakan dan tiada seorang pun pegawai kerajaan menghubungi mereka sehingga hari ini. Kes mereka adalah mengenai pemaju yang telah berjaya mendapat hak milik strata untuk penduduknya menghendaki penduduk membayar beberapa ribu lebih untuk mendapat hak milik strata mereka masing-masing kerana saiz yang terdapat di dalam pelan hak milik strata adalah lebih besar daripada saiz yang termaktub di dalam persetujuan jual beli.

Saya pernah membangkitkan perkara ini kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi tiada tindakan diambil untuk menyelesaikan perkara ini. Apabila saya membawa wakil penduduk untuk berjumpa dengan Pengarah, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan, kami diberitahu oleh beliau bahawa penduduk ini perlu membawa kes ini ke mahkamah kerana hanya mahkamah boleh membuat keputusan terhadap kes yang telah mendapat hak milik strata. Saya berpendapat ini adalah amat tidak munasabah kerana adalah jelas masalah yang dihadapi oleh penduduk Diwana Mansion ini adalah kecuaihan dan kesalahan pegawai yang meluluskan permohonan hak milik strata oleh pemaju di mana mereka tidak menyemak secara teliti terhadap permohonan pemaju tersebut sehingga meluluskan hak milik strata yang berlainan dengan saiz yang terdapat dalam persetujuan jual beli.

Jadi saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri dan juga *Strata Title Board* campur tangan dalam hal ini dan menyelesaikan masalah ini tanpa membawa kes ini ke mahkamah. Sehubungan dengan itu saya juga ingin menarik perhatian kementerian terhadap rumah pangsa Sri Petaling Zon C di mana pemajunya adalah Petaling Garden. Dalam kes ini pemaju telah mendapat hak milik strata selama dua tahun

daripada kerajaan tetapi sehingga hari ini mereka masih tidak memberi hak milik strata itu kepada para penduduk. Saya telah berjumpa dengan pihak pemaju dan merayu beliau untuk memberi hak milik strata kepada para penduduk supaya mereka boleh menubuhkan *management corporation* untuk rumah pangsa mereka tetapi selepas dua-tiga bulan saya berjumpa dengan beliau sehingga hari ini hak milik strata masih belum diberikan kepada penduduk-penduduk yang duduk di Sri Petaling Zone C itu.

Saya juga menyeru kementerian supaya meluluskan permohonan hak milik strata bagi bangunan lama khususnya bangunan yang dibina sebelum adanya Akta Hak Milik Strata. Di kawasan saya pemaju rumah pangsa Taman Salak Selatan iaitu Nam Fatt Co. Sdn. Bhd. telah lama memohon hak milik strata untuk rumah pangasanya yang dibina dalam tahun 1960-an tetapi mereka masih belum mendapat kebenaran dan juga hak milik strata daripada kementerian sehingga hari ini. Begitu juga dengan sembilan blok rumah pangsa kos rendah Taman United, Jalan Klang Lama yang dibina oleh United Housing Sdn. Bhd., iaitu anak syarikat Lee Yan Lian yang telah dibi na selama 30 tahun dan juga rumah pangsa Taman Naga Mas di Taman Salak Selatan yang mana saya berharap kementerian dapat membantu mereka untuk mendapat hak milik strata.

Saya juga berpendapat kurang koordinasi di antara Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Tanah dan Koperasi. Kurang koordinasi di antara kedua-dua kementerian ini telah menyebabkan banyak permohonan hak milik strata dilewatkan. Saya berpendapat bahawa pegawai di kedua-dua kementerian ini haruslah bekerjasama dengan lebih erat dan juga bersatu-padu untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para pembeli rumah khususnya mereka di kawasan bandar yang selalu melibatkan isu hak milik strata. Saya juga ingin meminta supaya Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri serta pegawai kanan di kementerian meningkatkan efisiensi mereka dan bekerja dengan lebih bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan beratus-ratus aduan berkenaan dengan hak milik strata yang berkenaan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

2.37 ptg.

Tuan Chang See Ten [Gelang Patah]: Tuan Pengerusi, saya ingin sentuh Maksud B.43 – Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi tentang kes hak milik strata di kawasan saya, yang saya pernah bawa perkara ini sudah lama. Saya harap dengan lawatan Yang Berhormat Timbalan Menteri ke Johor Bahru baru-baru ini – pada bulan Oktober, tindakan yang selanjutnya akan diadakan supaya dapat mewujudkan badan pengurusan (*management corporation*) untuk kawasan flat Taman Jaya, flat Bandar Selesa Jaya dan flat Taman Tuanku Tun Aminah, yang mana projek-projek ini sudah lebih sepuluh tahun. Hingga sekarang walaupun seperti di kawasan Taman Tuanku Tun Aminah dan Taman Jaya, hak milik strata telah didapati tetapi badan pengurusan masa ini belum diwujudkan dan mendatangkan banyak masalah-masalah tempatan di kawasan flat yang berkenaan.

Baru-baru ini Tuan Pengerusi, Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah telah memanggil pemilik-pemilik flat Taman Tuanku Tun Aminah untuk berdialog dan tujuan berdialog ini adalah pihak Majlis Perbandaran...

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tadi kata Yang Berhormat Menteri pada bulan Oktober ada membuat lawatan ke sana.

Tuan Chang See Ten: Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya yakin perkara ini telah juga disampaikan.

Tuan Chang See Ten: Belum, belum lagi kerana cadangan daripada Pihak Berkuasa Tempatan adalah pada bulan November.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Saya kata demikian kerana kalau sudah dimaklumkan kepada Jemaah Menteri, mungkin perkara ini dalam tindakan kementerian. Jadi tidak payah.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, ini kerana lanjutan lawatan itu pada bulan November baru Pihak Berkuasa Tempatan Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah panggil semua pemilik flat Taman Tuanku Tun Aminah dan ingin masukkan *charge* bagi mengecat semula bangunan-bangunan di Taman Tuanku Tun Aminah ke

dalam bil-bil cukai pintu. Saya ingin tahu dari segi undang-undang adakah ini boleh diadakan kerana saya telah berjumpa Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah bincang dengan beliau bahawa adalah perlu dipandang dari segi undang-undang sama ada boleh atau tidak boleh – jangan buat demikian.

Saya ingin tahu daripada pihak kementerian sama ada ada persetujuan daripada Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tentang badan pengurusan – sama ada pihak Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi ingin melanjutkan tugas pewujudan badan pengurusan untuk flat-flat dalam negara kita ini atau akan mengadakan satu undang-undang yang baru atau pinda undang-undang MC yang selama ini diadakan tetapi tidak berfungsi, supaya boleh diberikan tugas itu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan pula akan salurkan fungsi ini kepada semua pihak berkuasa tempatan untuk benar-benar boleh mewujudkan badan pengurusan untuk flat-flat dalam negara kita ini. Kalau ini dilengahkan, saya bimbang ia akan menjadi satu isu hangat di semua kawasan yang mana ada flat-flat atau rumah pangsa.

Tuan Pengerusi, tentang hak milik strata, seperti di Bandar Baru Selesa Jaya hingga masa sekarang masih tidak diperolehi oleh kerana pihak Pejabat Tanah dan Pihak Berkuasa Tempatan minta pihak pemaju supaya mesti merobohkan gerai-gerai yang dibina oleh para penjaja dengan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan pada masa dahulu, dan semua sambungan-sambungan di tingkat bawah kepada flat-flat di Bandar Baru Selesa Jaya mesti dirobohkan dan memajukan pelan catatan kerja yang baru dapat kelulusan dari Pihak Berkuasa Tempatan baru dapat dipertimbangkan dikeluarkan hak milik strata.

Dan ini satu perkara yang saya fikir jika tidak diselesaikan dengan cara yang mana saya cadangkan supaya baiklah kita berpandu kepada pelan yang asal – pelan bangunan flat yang asal itu dan ukuran yang asal, kerana jika hendak dirobohkan apa yang telah dibina oleh pemilik di flat tingkat bawah dan gerai-gerai yang telah dibina oleh mereka yang berniaga di sana, terutama gerai-gerai yang dibina itu adalah dengan persetujuan daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan sekarang Pihak Berkuasa Tempatan suruh mereka roboh, tentu pihak pemaju sukar hendak melaksanakan kerja ini kerana mereka bukan pihak berkuasa.

Sebab itu adalah penting dengan lawatan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa persetujuan antara Pejabat Tanah dan Galian dan Pihak Berkuasa Tempatan tentang hal ini supaya kita boleh selesaikan kerana flat ini sudah lebih 12 tahun masih tidak dapat keluar hak milik strata. Pihak pemaju ingin semua pemilik flat itu membayar bayaran bulanan, seperti RM20 sebulan untuk kerja-kerja pengurusan di sana. Tetapi pihak penduduk-penduduk di kawasan itu tidak mahu membayar dan mereka meminta supaya pihak pemaju membaik pulih segala kerosakan di sana, seperti *hand-rail* yang sudah rosak dan sudah karat dan lain-lain kemudahan asas yang sudah dalam keadaan yang tidak sempurna – baiki dahulu baru hendak bincang tentang sama ada mereka hendak bayar atau tidak bayar, dan ini sudah jadi satu *stumbling block*.

Jadi bagaimana kita hendak selesaikan hal ini dan ini adalah beberapa perkara yang saya ingin mengambil peluang keemasan di sini untuk dapat perhatian daripada pihak kementerian. Saya pernah cadangkan supaya pihak kementerian cadangkan kepada semua kerajaan negeri supaya mewujudkan unit khas hak milik strata, dan unit khas ini akan dapat mewujudkan, memantau dan melicinkan kerja-kerja keluar hak milik strata dan seterusnya mengambil tanggungjawab bersama dengan kerjasama pemaju yang berkenaan untuk mengadakan badan pengurusan sebelum pihak kementerian.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, mas a cukup.

Tuan Chang See Ten: Sekejap Tuan Pengerusi, ini cuma peringkat akhir sahaja, saya cadangkan supaya baiklah ada wujudkan unit khas seperti yang diadakan di negeri Selangor sudah ada unit khas hak milik strata, tetapi banyak negeri lagi belum ada unit khas hak milik strata, saya harap dengan mengadakan unit ini akan dapat melicinkan kerja pengeluaran hak milik strata dan perwujudan badan pengurusan. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Kubang Kerian, sebenarnya saya tadi sudah menyatakan, selepas Kubang Kerian pihak Menteri boleh menjawab.

2.48 ptg.

Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]: Tuan Pengerusi, terima kasih, saya merujuk kepada muka surat 1226 – 02300, 03300 dan 03304 termasuk mengenai prototype sistem maklumat tanah.

Kita semua tahu bahawa Kementerian ini telah pun melancarkan sistem pendaftaran tanah negara dan kita ada dua fasa dalam pelaksanaan sistem pendaftaran tanah negara ini iaitu fasa pertama melibatkan perbelanjaan RM56 juta seperti yang telah disebutkan oleh Menteri sendiri di Dewan ini pada 8 Mei 2001 dan fasa yang kedua melibatkan perbelanjaan RM180 juta dan melibatkan beberapa negeri yang lain kemudian daripadanya.

Mengikut jawapan Menteri juga di Dewan ini, syarikat yang memperolehi kontrak sistem pendaftaran tanah negara ini ialah Dymatra Digital Image Services Sendirian Berhad. Mengikut buku oleh Khaled Jeffrey, "Tun Daim Penyangak Wang Negara, Dari Seorang Bankrap Menjadi Multi Billionaire", pada muka surat 40 bahawa tuan punya Dymatra Digital Image Services Sendirian Berhad ialah Dato' Anuar Senawi iaitu anak saudara kepada bekas Menteri Kewangan kita iaitu Tun Daim Zainuddin.

Saya ingin tahu daripada Kementerian ini, bagaimanakah syarikat ini telah diberikan, apakah asas-asas syarikat ini diberikan kontrak yang demikian besar dan saya ingin tahu apakah progres ataupun kemajuan pelaksanaan skim ini sehingga pada hari ini dan saya juga ingin tahu terma-terma iaitu sama ada syarikat ini diberikan sekatan untuk menyebarkan mana-mana maklumat yang diperolehi semasa mereka melaksanakan operasi di bawah skim ini iaitu maklumat-maklumat tentang pemilikan tanah kepada mana-mana pihak dan adakah ini dimasukkan ke dalam terma yang ditandatangani di antara Kementerian ini dengan syarikat tersebut.

Saya ingin pergi kepada pengurusan dan pembangunan tanah 020200 – Kemajuan Pengurusan dan Perundangan. Apa yang saya ingin bangkitkan ialah terdapat sedikit perbezaan ataupun percanggahan di antara dua akta berkenaan dengan pengambilan tanah iaitu Akta Pengambilan Tanah 1960 dan Akta Bekalan Elektrik yang juga berkenaan dengan pengambilan tanah bagi pemasangan talian dan laluan bekalan elektrik termasuk pemasangan awam di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990.

Di bawah Akta Pengambilan Tanah 1960, mana-mana bantahan tuan punya tanah berkenaan dengan harga pampasan yang telah dikenakan oleh pemilik adalah tidak berpuas hati mereka boleh membuat rayuan kepada Mahkamah Tinggi, tetapi di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 yang telah digunakan secara berleluasa oleh Tenaga Nasional Berhad untuk tujuan-tujuan pemasangan bekalan elektrik di seluruh negara, jumlah pampasan yang diberikan adalah terlalu rendah dan ini berasaskan kepada tidak adanya asas pampasan ataupun *ground of compensation* dalam Jadual Ketiga Akta Bekalan Elektrik 1990 tidak sebagaimana Jadual Pertama Akta Pengambilan Tanah 1960 yang telah menyatakan secara terang atas asas pampasan yang digunakan. Oleh kerana itu, dalam keadaan yang sebenar biasa berlaku bahawa harga pampasan yang diberikan hanyalah 30% daripada harga pasaran berbanding Akta Pengambilan Tanah 1960 iaitu 100%.

Walau bagaimanapun, tuan punya tanah tidak mempunyai hak untuk merayu kepada Mahkamah Tinggi kerana mana-mana keputusan yang dibuat oleh pihak pentadbir tanah daerah ataupun jajahan yang sebenarnya adalah bersifat separa kehakiman tetapi hanya dibenarkan dirayu kepada Majlis Kerajaan Negeri (MMK) yang tidak mempunyai kuasa separa kehakiman.

Jadi, saya berharap Kementerian ini dapat mengkaji perbezaan ini dan percanggahan ini supaya Akta Bekalan Elektrik 1990 dapat dipinda bagi membolehkan mana-mana mangsa pengambilan ini dapat membuat rayuan mereka ke Mahkamah Tinggi.

Saya mengasaskan pendapat saya ini kepada apa yang sebenarnya berlaku di kawasan Parlimen saya, di mana sebahagian daripada tanah orang ramai telah

diambil untuk laluan bekalan elektrik dan tuan-tuan punya tanah tidak mengetahui hak mereka yang sebenar dan mereka diberikan pampasan yang terlalu murah, satu kes tanah mereka ialah seluas tiga ekar setengah dan sebahagian daripada tanah itu terpaksa digunakan untuk laluan elektrik dan tuan punya ini hanya dibayar RM6,000 di atas pampasan pokok, bukan di atas pampasan tanah.

Tetapi apabila tanah telah digunakan sebagai laluan bekalan elektrik ataupun talian elektrik, kegunaan tanah ini sudah tidak boleh digunakan sepenuhnya lagi, mereka tidak boleh menggunakan sebagai tempat untuk bercucuk tanam dan lebih lagi untuk membina kediaman ataupun bangunan-bangunan perniagaan kerana alasan keselamatan dan lebih-lebih lagi saya terbaca sebuah buku yang saya tidak bawa pada hari ini, di Amerika sendiri telah ada satu kajian transmission dan laluan bekalan elektrik akan memberikan kesan kepada *electromagnetic pollution* dan salah satu daripada kesan yang telah dijumpai di Amerika ialah mana-mana orang yang tinggal di kawasan berhampiran transmisi utama yang voltagenya adalah besar boleh menghidap penyakit kecacatan otak dan barangkali bukanlah portfolio yang relevan untuk saya bercakap perkara tersebut di sini, tetapi saya berharap kesan kepada tuan punya tanah yang begitu serius terhadap harta milik mereka harus diberikan kesempatan untuk mereka mendapat pampasan yang maksimum dan ini boleh dilakukan dengan memberi ruang untuk mereka merayu kepada Mahkamah Tinggi.

Saya merujuk kepada muka surat 1228 berkenaan dengan FELDA iaitu perkara 04606. Saya ingin mendapatkan maklumat daripada Kementerian ini tentang jumlah peneroka FELDA yang telah pun diberikan hak milik tanah, sehingga ini di seluruh Semenanjung dan baki bagi peneroka-peneroka FELDA yang belum lagi diberikan geran pemilikan tanah di seluruh Semenanjung di bawah Rancangan FELDA, dan apakah sebab-sebab ataupun masalah-masalah yang dihadapi, yang melewatkan pemberian geran kepada mereka.

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan daripada Kementerian ini adakah tidak mana-mana tanah FELDA yang dimajukan tanpa perjanjian dengan mana-mana kerajaan negeri dan akhirnya disebabkan tidak ada perjanjian tersebut, sebahagian daripada kawasan yang telah dimajukan oleh FELDA kemudiannya terpaksa ataupun telah diagihkan oleh kerajaan negeri yang terlibat kepada syarikat-syarikat yang lain. Jika wujud kes-kes tersebut, saya ingin tahu di manakah negeri-negeri yang terlibat dan apakah nama-nama syarikat yang telah diberikan tanah yang pada asasnya telah dimajukan oleh FELDA tetapi tanpa surat perjanjian dengan kerajaan negeri, membolehkan kerajaan negeri mengagihkan semula tanah-tanah tersebut kepada syarikat-syarikat pemaju yang lain. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, sila.

2.55 ptg.

Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi [Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam]: Tuan Pengerusi, terima kasih. Pertamanya saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bagi Tambun, Ahli Yang Berhormat bagi Seputeh, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah dan sebentar tadi Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian kerana telah mengambil bahagian dalam perbahasan peringkat Jawatankuasa, Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Tambun telah meminta Kementerian ini mengetahui sama ada isu-isu mengenai dengan tanah yang nampaknya ada kuasa di peringkat negeri dan juga di peringkat Persekutuan dan ada pertanyaan sama ada mengenai tanah ini, pelupusan tanah yang lebih berkuasa negeri ataupun Persekutuan.

Pertamanya, saya ingin menarik perhatian bahawa pelupusan tanah adalah tertakluk kepada Kanun Tanah Negara dan bagi tanah-tanah yang masih lagi kepunyaan kerajaan negeri, kuasa untuk melupuskan tanah adalah pihak kerajaan negeri. Tanah-tanah yang telah pun diberi hak milik kepada Kerajaan Persekutuan ataupun agensi-agensi Persekutuan hak untuk menentukan pelupusan tanah tersebut, adalah Kerajaan Persekutuan.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun juga telah minta penjelasan mengenai beberapa perkara yang ada kena mengena dengan koperasi dan beberapa persoalan telah diminta mengenai dengan ramainya kakitangan JPK dan berapa ramai kakitangan yang profesional dari kalangan mereka yang telah diambil sebagai pegawai dalam Jabatan Pembangunan Koperasi.

Ingin saya menjelaskan bahawa kedudukan pegawai-pegawai ataupun kakitangan Jabatan Pembangunan Koperasi sehingga 31 Oktober tahun ini ialah bilangan yang telah diisi 994 orang daripada 1,074; bilangan jawatan profesional - 168; bilangan yang telah diisi 149 sahaja bererti peratusan jawatan profesional pada keseluruhannya adalah di peringkat 15.6%.

Kadar pertumbuhan dalam tempoh dua tahun koperasi di negara kita adalah sangat membanggakan, walaupun peningkatan pada keseluruhannya mengikut purata sejak 1922 adalah 4% tetapi pada tahun 1998 hingga 2000 ini peningkatannya bilangan koperasi adalah 5.6%, bilangan anggota 9.7%, jumlah syer ataupun yuran peningkatan 23.5%, dan peningkatan jumlah aset adalah 21.5%.

Tuan Pengerusi, tugas-tugas pegawai JPK selama ini telah mencerminkan profesionalisme mereka dan saya suka menyatakan di sini bahawa tugas-tugas yang mereka telah laksanakan sangat membanggakan kepada kementerian kerana kalau kita melihat daripada prestasi perkembangan koperasi di negara kita ini adalah sangat-sangat membanggakan iaitu pada 31 Disember 1998 bilangan koperasi di negara kita yang berdaftar ialah 3,933; pada 31 Disember 2000 bilangan koperasi telah meningkat kepada 4,155 buah. Bilangan anggota pula pada tahun 1998 – 4.1 juta anggota pada 31 Disember 2000 bilangan anggota adalah 4.5 juta orang. Jumlah syer ialah RM3.4 bilion pada tahun 1998 meningkat kepada RM4.2 bilion pada 31 Disember 2000. Jumlah aset pula, pada 31 Disember 1998 ialah RM13 bilion dan 31 Disember 2000 aset meningkat kepada RM15.8 bilion. Saya juga ingin menyatakan bahawa koperasi juga telah berjaya memberikan pinjaman kepada anggota berjumlah RM4.6 bilion dalam tahun 2000 berbanding RM3.1 bilion dalam tahun 1999.

Tuan Pengerusi, Seputeh telah juga mengambil bahagian khusus bertanya mengenai dengan hak milik strata. Yang Berhormat dari Seputeh telah bertanya berapa banyakkah hak milik strata yang telah dikeluarkan. Untuk maklumat Yang Berhormat, sehingga sekarang ini sebanyak 192,939 hak milik strata dikeluarkan dan 2,841 perbadanan pengurusan telah pun ditubuhkan. Yang Berhormat juga telah bertanya sama ada Lembaga Hak Milik Strata telah berfungsi, belum lagi, Lembaga ini diwujudkan melalui Akta Pindaan Kanun Tanah Negara 2001 dan akan dimaklumkan bila ianya akan berkuat kuasa.

Beberapa kes khusus yang telah disebut oleh Yang Berhormat ialah mengenai dengan rumah pangsa Sri Petaling juga Taman Salak Selatan dan Taman United. Maklumat akan di perolehi kemudian dari pemaju dan PTG Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur kerana maklumat yang terperinci mengenai dengan kes-kes ini belum saya perolehi, saya akan beritahu terus kepada Ahli Yang Berhormat mengenai dengan kes-kes yang spesifik tadi.

Mengenai dengan kekurangan koordinasi Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Kementerian Tanah, kedua-dua Kementerian ini telah pun berhubung dan membentuk satu jawatankuasa yang dianggotai oleh Timbalan Menteri Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi dan juga Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Mereka telah pun mengadakan dua mesyuarat dan mesyuarat yang ketiga akan diadakan pada 7hb Disember ini, untuk menentukan cara yang terbaik supaya kedua-dua Kementerian ini boleh bekerjasama untuk melaksanakan tanggungjawab kedua-dua Kementerian yang perlu bekerjasama untuk menentukan supaya badan pengurusan dapat berjalan dengan baik di negara kita ini. Maknanya

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Seputeh bangun.

Puan Teresa Kok suh Sim: Terima kasih Tuan Pengerusi Saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri macam mana itu *Strata Title Board* boleh tolong menyelesaikan banyak aduan mengenai permohonan hak milik strata di negara kita, bolehkah kesemua persatuan penduduk ini menulis kepada *Strata Title Board* ini masalah permohonan strata title yang selalu dilambat-lambatkan oleh pihak pemaju kepada Strata Title Board supaya kesemua proses ini akan dapat dipercepatkan.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Pihak pentadbiran tanah saya mempunyai kemudahan untuk mengeluarkan hak milik strata sebaik sahaja pihak-pihak pemaju dan pihak-pihak yang lain telah menjalankan pemeriksaan. Masalah yang timbul ialah pengeluaran hakmilik strata tidak akan dapat dibuat selagi pemeriksaan belum lagi

disempurnakan oleh agensi-agensi yang lain. Oleh kerana itu, pengeluaran hak milik strata tadi hanya boleh dibuat selepas semua perkara-perkara perlu dilaksanakan.

Tuan Tan Kok Wai: Lembaga Hak Milik Strata sudah ditubuh dan telah berfungsikah?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Ya.. Lembaga Hak Milik Strata. Sudah.... Lembaga hak milik strata sudah ditubuh. Kita akan tentukan akan berfungsi. Ini saya rasa telah pun kita keluarkan surat dan ini diwartakan berfungsi mulai pada Disember ini. Akan berfungsi pada Disember ini.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Seputeh bangun lagi.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Minta penjelasan, jadi adakah Lembaga Hak Milik Strata ini dia boleh menyelesaikan, ia boleh berfungsi seperti tribunal ataupun mahkamah seperti kes yang saya kata tadi di mana pemaju ingin meminta lebih wang daripada pembeli rumah selepas adanya strata title dan juga pemaju selepas mendapat strata title untuk rumah pangasanya tetapi sudah dua tahun dia enggan memberi kepada pembeli rumah ataupun penduduk di rumah pangasanya dengan beberapa sebab. Jadi adakah kesemua isu ini boleh dihantar kepada Lembaga Strata Title tanpa merujuk kepada mahkamah?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Pertamanya masalah yang timbul mengenai dengan pengurusan perbadanan, masalah yang timbul boleh diselesaikan terlebih dahulu melalui Lembaga Hak Milik Strata. Sekiranya pihak yang disabitkan tidak puas hati atau tidak mengikuti arahan daripada Lembaga Hak Milik Strata, maka Pengerusi boleh menghadapkan orang tadi kepada mahkamah, itu adalah *reserve*, dengan izin Tuan Pengerusi. Lembaga Hak Milik Strata mempunyai kuasa yang penuh telah diberikan undang-undang yang boleh menyelesaikan masalah yang timbul. Kalau perlu kita akan selesaikan, minta supaya masalah-masalah yang timbul mengenai Hak Milik Strata ini diselesaikan melalui Lembaga Hak Milik Strata dahulu, kalau tak boleh, boleh bawa ke mahkamah. Tapi sebenarnya Pengerusi Hak Milik Strata tadi mempunyai kuasa seolah-olah dia adalah majistret melalui Akta Hak Milik Strata tadi dan keputusannya adalah sama dengan keputusan mahkamah mengikut apa yang telah kita pindahkan dalam Hak Milik Strata baru-baru ini, Pengerusinya mempunyai kuasa ataupun seolah-olah dia seorang majistret. Jadi, keputusan Lembaga Hak Milik Strata mempunyai kuasa undang-undang seolah-olah ia telah dilulus ataupun dikeluarkan oleh sebuah mahkamah.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Jadi, soalan saya tadi adalah bolehkah penduduk, mereka mengadu terus kepada Lembaga Hak Milik Strata ini?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Boleh, terus ya...Seputeh dah habis. Tuan Pengerusi, saya berbalik kepada Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menyentuh mengenai dengan masalah strata title, sama seperti telah disuarakan oleh Yang Berhormat bagi Seputeh.

Kepada perkara-perkara yang telah disentuh oleh Yang Berhormat daripada Gelang Patah, pertamanya mengenai dengan perbadanan pengurusan yang tidak berjalan dengan baik dan minta tahu dari kementerian sama ada undang-undang baru perlu diwujudkan. Tuan Pengerusi, undang-undang baru sedang dirangka sebagai pelengkap kepada Akta Hak Milik Strata (Pindaan) 2001. Undang-undang baru sedang dirangka untuk mewujudkan Pesuruhjaya Bangunan iaitu yang akan menguruskan mesyuarat yang akan menentukan penguatkuasaan perbadanan pengurusan.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri terpaksa ganggu sikit.... Parit Buntar.... Teruskan, Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga telah minta wujudkan unit khas hak milik strata dan adakan kerjasama dengan pemaju seperti di Pejabat Tanah Selangor. Sebenarnya pengwujudkan.....

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, ada panggilan telefon. Saya ingat mulai hari ini jika menerima panggilan telefon, saya fikir jangan takut boleh keluarlah, tak payah minta kebenaran. Teruskan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Unit khas memang dalam perancangan dan telah pun di bincang dengan pihak pentadbiran tanah negeri-negeri. Perkara ini akan

dibawa untuk berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam jika perlu diadakan. Memang negeri Selangor merupakan negeri pertama yang telah mewujudkan unit khas ini dan nampaknya ia telah memberi kesan yang positif dan mungkin negeri-negeri lain juga perlu diwujudkan dan ini terpaksa kerajaan akan berbincang dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam dahulu untuk pengwujudkan jawatan-jawatan yang diperlukan.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Menteri, Gelang Patah bangun.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, saya masih tunggu jawapan tentang bagaimana hendak menyelesaikan masalah flat yang mana oleh kerana ada tambahan, ubahan dan ada pembinaan gerai-gerai di kawasan itu yang mana pihak berkuasa tempatan minta pihak pemaju mesti robohkan dahulu seperti di kawasan Bandar Baru Desa Jaya yang mana flat itu sudah lebih 10 tahun masih belum selesai. Bagaimana kita hendak selesaikan hal ini? Adakah pihak kementerian hendak cadang supaya pihak Jabatan Tanah dan Galian teruskan dengan memproses permohonan daripada pemaju tanpa rujuk kepada pihak berkuasa tempatan tentang hal itu, kita rujuk pada pelan asal, pelan ukur yang asal bangunan flat itu. Tetapi untuk tambahan, ubahan dan gerai itu terpulang kepada pihak berkuasa tempatan bertindak supaya ia tidak akan menjadikan satu halangan kepada pengeluaran hak milik strata. Yang mana kes ini sudah lama. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Pengerusi, masalah yang timbul ialah bangunan-bangunan yang lama yang sekarang ini tidak mempunyai hak milik strata kerana kelalaian pihak pemaju. Dan sekarang ini banyak desakan daripada pemilik-pemilik harta tanah tadi untuk meminta supaya dikeluarkan hak milik strata. Masalah yang timbul adalah pertamanya, arkitek-arkitek yang telah diberi tugas untuk pembinaan pangsa-pangsa tadi ataupun rumah-rumah bertingkat tadi, tidak lagi dapat dikesan.

Yang kedua, pihak pemaju tidak mempunyai tanggungjawab sebagaimana yang dikehendaki oleh undang-undang iaitu tidak minta pihak-pihak subkontraktornya ataupun arkitek-arkitek dan juga juruukur-juruukur yang telah dilantik pada waktu bangunan-bangunan tadi dibangunkan. Oleh kerana rekod tidak ada dan pihak-pihak kementerian, jabatan kita pun tidak mempunyai rekod, maka payah ataupun susah untuk mengeluarkan hak milik strata kepada bangunan-bangunan lama yang tidak mempunyai rekod yang lengkap.

Walau bagaimanapun, masalah ini telah pun kita ketahui dan kementerian telah pun mengambil beberapa pendekatan. Pendekatan supaya mereka yang telah mempunyai bangunan-bangunan ataupun rumah pangsa yang belum mendapat hak milik strata kerana pada waktu itu tidak dapat diproseskan, mungkin kita ambil beberapa pendekatan yang boleh memberi hak kepada pemilik-pemilik petak-petak tadi. Tetapi caranya masih lagi di peringkat perbincangan kerana ini memerlukan kerjasama daripada banyak pihak. Pertamanya, pihak daripada Kerajaan Tempatan (*Local Authorities*), dengan izin, pihak daripada Juruukur - Lembaga Juruukur Malaysia dan yang ketiga, pihak daripada pemaju. Kementerian akan cuba untuk memberi bantuan kepada mereka setakat yang boleh mengikut undang-undang tersedia ada.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, lagi satu perkara yang mana saya tadi ada tanya yang mana pihak Majlis Perbandaran JB Tengah hendak masukkan caj semula untuk flat Taman Tengku Tun Aminah masuk ke dalam bil cukai pintu untuk tahun depan. Adakah ini satu cara yang mengikut kehendak undang-undang kita? Kerana kita wakil rakyat di sana, kita sudah bantah tentang cadangan ini dan pihak Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah boleh dikatakan sudah mengikut kehendak kita bahawa perlu diteliti dahulu sama ada ianya wajar dari segi undang-undang supaya saya dapat mengambil tindakan lanjut untuk berhubung dengan pihak berkuasa tempatan.

Bolehkah Yang Berhormat Menteri berikan nasihat sama ada ia mematuhi undang-undang? Saya takut mereka kalau hendak masukkan, kalau tidak mematuhi undang-undang kemungkinan bercanggah dengan undang-undang, nanti akan dijadikan satu isu di kawasan. Ini telah jadi satu isu, mereka sudah buat bantahan beramai-ramai sebab itu pihak berkuasa tempatan sudah berhenti tindakan ini dan saya ingin mendapat nasihat daripada Yang Berhormat Menteri. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tidak berapa jelas soalan tadi. Pertama, yang diminta membayar adakah mereka yang tinggal dalam rumah tadi ataupun pembayaran itu diminta daripada pemaju?

Tuan Chang See Ten: Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, pihak berkuasa tempatan ingin masukkan caj semula untuk semua bangunan flat Tun Aminah dalam bil cukai pintu. Dan boleh dikatakan dalam negara kita ini kes yang pertama sebab itu dari segi undang-undang adakah ia wajar kerana ini bukan diminta oleh pemaju, oleh pihak berkuasa tempatan untuk masukkan dalam bil cukai pintu. Sebab itu saya bincang dengan Tuan Yang di-Pertua, dari segi undang-undang saya fikir tidak wajar dan kerana banyak rungutan, bantahan daripada penduduk di sana, pihak berkuasa sudah berhenti buat sementara. Tetapi saya kawatir mereka akan lanjutkan sebab itu saya ingin tahu dari segi undang-undang sama ada boleh atau tidak boleh? Kalau tidak boleh dapat jawapan di Dewan yang mulia ini, senang untuk saya buat kerja. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Kalau tanah itu adalah mempunyai geran, dan kalau sekiranya tuan rumah tadi telah pun mendapat geran individu, cukai pintu boleh. Kalau sekiranya rumah-rumah tadi belum ada geran lagi, saya rasa pembayaran cukai pintu tadi belum boleh dilaksanakan. Semuanya berpandu kepada sama ada rumah itu mempunyai *title* ataupun tidak. Sekiranya rumah tadi tidak mempunyai *title* yang dikeluarkan oleh Pejabat Tanah, maka rumah itu masih dianggap sebagai rumah haram dan patutnya tidak boleh dicaj untuk cukai pintu.

Tuan Chang See Ten: Tuan Pengerusi, saya beri keterangan lanjut sedikit. Flat ini sudah dapat hak milik strata dan sudah kira inilah pemilikan sendiri iaitu *private property*. Bagaimana pihak berkuasa tempatan boleh kira satu caj dan masukkan dalam bil cukai pintu kerana ini kes pertama dalam negara kita ini. Kalau mereka amalkan, saya kawatir ini akan jadi satu isu hangat. Sebab itu saya minta supaya pihak kementerian berikan nasihat yang sewajarnya supaya senang kita beritahu kepada pihak berkuasa tempatan bahawa tidak boleh buat demikian. Sekian, terima kasih.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Kalau rumah itu tadi telah pun mempunyai hakmilik stratanya masing-masing pihak berkuasa tempatan mempunyai kuasa untuk membuat caj. Tetapi Walau bagaimanapun, Ahli Yang Berhormat boleh menulis kes ini secara *specific* dan kita akan lihat cara mana yang terbaik untuk menyelesaikannya.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian telah banyak menyuarakan mengenai dengan pertamanya FELDA. Ahli Yang Berhormat telah minta bilangan peneroka yang telah pun menerima hak milik dan juga bilangan peneroka yang belum terima hak milik. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah peneroka FELDA seluruh negara ialah 103,000 orang, bilangan peneroka yang telah menerima hak milik setakat ini ialah 58,632 orang, bilangan peneroka yang belum menerima hak milik ialah 54,360. Sebenarnya kelewatan pihak peneroka menerima hak milik ialah kerana urusan tanah ini terletak di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jadi, kementerian saya hanya boleh menyerahkan permohonan-permohonan tadi dan menunggu keputusan daripada Kerajaan Negeri sama ada tanah-tanah tadi boleh disukat, kalau boleh kita akan mengeluarkan penyukatan dan untuk menentukan tiap-tiap peneroka mendapat hak milik mereka.

Tuan Abd. Rahman bin Yusof: Terima kasih Yang Berhormat. Baru-baru ini FELDA di Nerang 1, di kawasan Kemaman ada penyerahan hak-hak milik kepada para peneroka di mana lebih 500 orang peneroka mendapat tanah *title* dia di kawasan FELDA tersebut. Walau bagaimanapun, seorang wakil rakyat parti pembangkang di Terengganu iaitu Wakil Rakyat daripada Ajil dan juga bekas EXCO Kerajaan Negeri Terengganu dahulu pergi kepada peneroka-peneroka ini mengatakan bahawa geran-geran yang akan diserahkan oleh Kerajaan Negeri itu adalah geran-geran palsu dan mereka menghasut supaya peneroka-peneroka ini tidak menerima geran-geran tersebut daripada Menteri Besar. Jadi saya hendak tanya, apa tindakan kerajaan yang patut diambil terhadap Wakil Rakyat yang menghasut rakyat supaya jangan ambil geran daripada Kerajaan Negeri ini?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Pengerusi, pertamanya sama ada tuduhan Ahli Yang Berhormat tadi itu betul atau tidak, ini merupakan satu *hear say*. Sebab sepatutnya Ahli Yang Berhormat ini adalah terdiri dari pemimpin, daripada masyarakat yang mempunyai pendirian masing-masing untuk memperjuangkan masa

depan rakyat di tempat itu. Tuan Pengerusi, kes-kes seperti ini mesti ada bukti yang kukuh barulah kita boleh beri jawapan yang kukuh juga.

Ahli Yang Berhormat dari Kubang Kerian juga telah bertanya mengenai dengan tanah-tanah yang dimajukan oleh FELDA, kemungkinan ada yang tidak mendapat perjanjian dan kemudiannya tanah tersebut telah diagihkan oleh Kerajaan Negeri kepada syarikat lain. Dan apakah langkah yang telah diambil atau akan diambil oleh pihak kementerian.

Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat, semua tanah yang dibangunkan oleh FELDA mempunyai surat perjanjian dengan Kerajaan Negeri kecuali Bukit Cerakah daerah Kuala Selangor dan juga Leping Nerering daerah Pengkalan Hulu. Bagaimanapun, kedua-dua tanah yang dimajukan oleh FELDA ini telah dimajukan berdasarkan kepada kelulusan Kerajaan Negeri. Tanah FELDA di Bukit Cerakah telah diluluskan kepada pihak lain iaitu Bukit Cherakah Development Sdn. Bhd. dan kesemua peneroka FELDA telah dibayar pampasan bagi tanah yang diambil daripada mereka dan pihak-pihak peneroka pun berpuas hati tentang bayaran pampasan tadi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kubang Kerian bangun.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu berapakah pampasan yang dbayar oleh pemaju ataupun Kerajaan Negeri Selangor kepada FELDA kerana untuk memajukan kawasan tersebut, FELDA telah membelanjakan sejumlah yang besar. Pampasan dibayar itu berapa, selain dibayar kepada peneroka, kepada kementerian itu sendiri dan mengapa perkara ini boleh berlaku? Adakah kementerian dan Kerajaan Negeri Selangor tidak melaksanakan satu penyelarasan?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Pengerusi, di sini ada dua kategori. Kategori pertama ialah tanah yang dipunyai oleh peneroka dan pihak-pihak peneroka telah dengan senang hati menyerahkan tanah itu kepada pihak pembeli tadi dan pembayaran yang ditawarkan telah pun diterima dan mereka berpuas hati. Itu kategori tanah yang berpeneroka.

Tanah yang tidak berpeneroka iaitu kepunyaan FELDA. FELDA telah juga membuat keputusan selepas berbincang dengan pihak yang berkenaan bahawa penyelesaian yang telah dicapai di antara kedua-dua pihak iaitu FELDA dan juga kepada syarikat yang telah memajukan kawasan tadi. Pihak FELDA berpuas hati dan telah menerima pampasan yang telah ditawarkan kepada FELDA. Off-hand tak berapa ingatan, tetapi pihak FELDA berpuas hati kerana kita tidak kerugian, malahan saya rasa *investment* yang kita telah pakai untuk membangunkan kawasan tadi dapat kita ambil kembali dan juga mendapat beberapa lagi kelebihan daripada kos pembangunan yang telah dikeluarkan oleh pihak FELDA.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

Tuan Husam bin Haji Musa: [*Mikrofon tidak berfungsi seketika*]...Kerajaan Selangor kepada FELDA, RM10, RM20, RM1 juta, RM2 juta, kalau Menteri tak ada sekarang maklumat, es ok ataupun lusa?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Tuan Pengerusi, tanah FELDA bukan diambil alih oleh kerajaan negeri. Tanah FELDA yang tadi adalah diambil alih oleh sebuah syarikat selepas mendapat persetujuan daripada pihak FELDA, dan pihak FELDA telah menyerahkan tanah tadi, kawasan tadi atau kawasan FELDA untuk dibangunkan sebagaimana yang diutarakan oleh pihak syarikat yang membangunkan kawasan tadi.

Jadi, kerajaan negeri tidak ada kena mengena dengan - kerajaan negeri hanya jadi orang tengah dengan kementerian saya juga. Jadi, kedua-dua pihak di antara pihak FELDA dan juga syarikat yang telah membeli atau mengambil alih tanah tadi telah pun berpuas hati bahawa FELDA juga telah mendapat pampasan yang cukup daripada pihak syarikat tadi. Jumlahnya tak ada dalam rekod saya sekarang tetapi kita berpuas hati bahawa pampasan itu adalah munasabah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, Yang Berhormat bolehkah bagi jumlah pampasan, dia minta sangat ini hah.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Jumlah pampasan yang telah diberi oleh syarikat kepada pihak-pihak peneroka adalah lebih kurang RM1.2 juta setiap 10 ekar. Itulah pampasan yang telah dibayar oleh pihak syarikat kepada pihak-pihak peneroka dalam kawasan itu iaitu RM120 ribu setiap satu ekar. Jadi 10 ekar ialah RM1.2 juta.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Cukuplah Yang Berhormat, Cukuplah. Cukuplah.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Itu merupakan saya rasa adalah harga yang berpatutan kerana kalau sekarang ini harga hartanah pun sudah murah. Tu an Pengerusi, saya juga ingin menyentuh mengenai persoalan yang telah ditimbul oleh Yang Berhormat bagi Kubang Kerian mengenai SPTB iaitu sistem pengkomputeran tanah.

Ahli Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah bertanya asas-asas kontrak SPTB diberi kepada IMATARA dan juga minta sama ada kemajuan yang dicapai setakat ini memuaskan, dan yang ketiga bertanya sama terma-terma untuk semak maklumat telah diberi kepada pihak IMATRA tadi.

Sebagai menjelaskan pertanyaan ini, Tu an Pengerusi, projek pelaksanaan SPTB Fasa II bernilai RM180 juta telah dianugerahkan kepada IMATRA pada penghujung tahun 1999 secara runding terus dan kontrak ini ditandatangani pada awal tahun 2000. Asas pemberian kontrak pelaksanaan SPTB Fasa II kepada IMATRA adalah kerana syarikat ini mempunyai pengalaman. Syarikat ini pernah jadi kontrak kepada fasa yang kedua dan oleh kerana itu maka pihak kerajaan berpuas hati tentang prestasi yang telah ditunjukkan oleh IMATRA dalam mengendalikan projek SPTB Fasa I di negeri Perlis dan juga di negeri Terengganu.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat beri jalan. Masa Yang Berhormat dah cukup dah itu. Lebih dari setengah jamnya.

Tuan Husam bin Haji Musa: *[Bangun]*

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Ya, saya akan habiskan tak banyak lagi, masa tak cukup.

Tuan Pengerusi: Tak bagi jalan Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Sudah banyak, nanti. Sehingga ini projek Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer Fasa II sedang dalam peringkat pelaksanaan dan kini sudah mencapai hampir 80% pencapaian kutipan data, manakala sudah hampir 50% hak milik manual telah ditukar ganti ke dalam bentuk komputer. Melalui kontrak projek SPTB Fasa II, kontraktor tidak dibenarkan menggunakan maklumat-maklumat tanah selain daripada mengutip data-data tanah dan menukar gantikannya kepada bentuk hak milik berkomputer.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian juga telah membuat persoalan mengenai dengan Akta Bekalan Elektrik perlu diselaraskan dengan Akta Pengambilan Tanah. Untuk makluman Yang Berhormat, pada masa ini peruntukan pampasan bagi pengambilan tanah memang tidak ada dalam Akta Bekalan Elektrik. Yang ada hanyalah pampasan bagi bilangan pokok yang terlibat atau pun pokok-pokok yang mempunyai nilai ekonomi, tuan punya tanah ada hak untuk meminta pampasan.

Perkara ini memang telah dibincangkan di peringkat Majlis Tanah Negara dan kita telah mengambil beberapa pendekatan dan juga perlu supaya pengambilan tanah perlu di ambil bagi kes-kes yang tertentu sahaja di bawah Akta Bekalan Elektrik ini. Misalnya tanah yang menghadap jalan atau pun baki tanah yang boleh digunakan oleh tuan punya tanah yang tinggal sedikit sahaja.

Kementerian juga akan membuat perbincangan dengan kementerian yang bertanggungjawab dengan bekalan elektrik ini supaya akan dapat merumuskan cara cara untuk memuaskan hati tuan punya tanah. Tuan tanah juga tidak perlu dibebankan untuk bayar cukai tanah jika sememangnya Tenaga Nasional yang menggunakan tanah itu. Sepatutnya pihak Tenaga Nasional Berhad yang akan membayarkan dan melunaskan segala pembayaran mengenai dengan cukai tanah yang mereka lalui walaupun tanah itu bukan diambil semua tetapi mungkin ada tanah lagi yang tertinggal dan tanah-tanah yang tertinggal tadi sepatutnya pihak yang empunya tanah tadi tidak dibebankan untuk membayar cukai tadi, tetapi sebaliknya akan dibayar oleh pihak TNB

sepenuhnya walaupun tanah itu tidak digunakan oleh Tenaga Nasional Berhad sepenuhnya.

Tuan Husam bin Haji Musa: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Nak bagi jalan tidak Yang Berhormat?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Sekejap lagi Tuan Pengerusi. Saya sudah habistetapi kalau ada pertanyaan boleh skop i ni dulu.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Terima kasih Tuan Pengerusi, saya ada dua soalan sahaja. Yang Berhormat Menteri telah mengakui wujud masalah dalam Akta Bekalan Elektrik 1990. Tetapi pengambilan atau penggunaan tanah oleh TNB sekarang masih berlaku. Apa nasib tuan-tuan tanah yang menghadapi masalah di bawah bekalan ini. Walau Yang Berhormat Menteri kata tadi cukai tanah akan dibayar oleh TNB, saya mendapat tahu bahawa TNB mempunyai peruntukan cukai tanahnya tidak digunakan kerana senarai tanah yang diguna oleh Tenaga Nasional Berhad tidak disenaraikan terus oleh Tenaga Nasional Berhad untuk bayar cukai.

Jadi, tak ada orang yang hendak pergi minta Tenaga Nasional Berhad RM10 untuk bayar cukai. Jadi, itu bukan satu perkara yang besar. Yang lebih besar ialah nilai pampasan yang diberikan. Walaupun namanya pampasan yang diberikan untuk pokok-pokok tetapi pada hakikatnya tanah dah tak boleh guna.

Yang kedua, saya hendak hendak dapat penjelasan tadi Fasa yang pertama melibatkan 5 negeri harganya dalam RM35 juta, dalam RM56 juta. Tetapi untuk 7 negeri melompat menjadi RM180 juta. Saya hendak tahu fasal apa menjadi begitu besar perbezaan di antara satu syarikat yang sama untuk 5 negeri fasa yang pertama RM50 juta lebih, untuk fasa kedua RM180 juta.

Tuan Pengerusi: Yang SPTB?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Pembayaran pampasan akan berpandu kepada penilaian yang akan dibuatkan oleh pihak kerajaan negeri melalui Pejabat Tanah di kawasan di mana tanah-tanah diambil tadi. Jadi kementerian saya secara langsung tak ada campur tangan dalam penilaian tadi. Persoalan kenapa dalam dua negeri tadi pampasan yang dibayar adalah kurang kalau dibandingkan dengan pampasan yang dibayar dalam negeri-negeri yang lain itu adalah satu soalan yang hipotesis kerana kita berpandukan kepada penilaian yang dibuat oleh pihak penilai kerajaan dan ini adalah tertakluk kepada kegunaan tanah tempat tanah tadi dan nilai tanah yang digunakan tadi adalah berbeza-beza kerana kedudukan tanah itu mungkin dalam pedalaman dan separuhnya adalah terletak atau pun dikategorikan sebagai tanah komersial dan sebagainya.

Jadi, susah untuk kita memberi jawab yang spesifik, yang tepat, hanya yang kita boleh katakan tadi ialah penilaian tanah tadi dibuat secara profesional. Cara untuk menilainya sama. Kriteria yang digunakan untuk semua penilaian adalah sama dan pampasan akan dibayar mengikut penilaian yang telah disahkan oleh pihak penilai tadi.

Sekiranya mereka tidak puas hati Tuan Pengerusi, mereka boleh membuat representasi kepada kerajaan ataupun kepada kementerian dan selepas itu kalau tidak puas hati juga boleh dibawa pergi ke mahkamah.

Tuan Pengerusi: Habis Yang Berhormat, dah habis kah?

Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam: Habis.

Tuan Pengerusi: Tak, tak apa? Habis dah? [Ketawa] Tak buat penutup pun.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM292,070,000 untuk Maksud B.43 di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi jadi sebahagian daripada Jadual I hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diluluskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM292,070,000 untuk Maksud B.43 diperintahkan jadi sebahagian daripada jadual.

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM285,487,000 untuk Maksud P.43 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM285,487,000 untuk Maksud P.43 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

**Maksud B.44 [Jadual] –
Maksud P.44 [Anggaran Pembangunan 2002] –**

Tuan Pengerusi: Ahli-ahli Yang Berhormat, Kepala Bekalan B.44 dan Kepala Pembangunan P.44 di bawah Kementerian Penerangan terbuka untuk dibahas. Ya Yang Berhormat bagi Parit Sulong.

3.46 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran 020000 - Perkhidmatan Penyiaran, 030300 - Akhbar dan Perhubungan dan 030400 - Penerbitan. Saya memohon izin daripada Tuan Pengerusi membincangkan seluruh perkara ini secara sekali gus.

Tuan Pengerusi, iklan memainkan peranan besar kepada sesuatu akhbar, radio dan televisyen. Nisbah atau ratio terbaik iklan atau ideal di antara iklan dan berita adalah 60% iklan, 40% berita atau sekurang-kurangnya seimbang iaitu 50% iklan dan 50% berita. Jika nisbah iklan di bawah 40%, ini bermakna akhbar berkenaan mungkin kerugian jika, dengan izin, *circulation*nya tidak besar. Syarikat-syarikat besar tempatan dan asing membelanjakan berjuta-juta ringgit setiap tahun untuk iklan dan ini termasuklah Petronas, Telekom Malaysia, Tenaga Nasional Berhad, PNB, EON, Perodua, Maybank, BCB dan RHB. Di samping itu, terdapat juga syarikat asing seperti pengilang rokok, pengeluar barangan berjenama, pembikin barangan *hardware* dan software computer dan juga barangan pengguna yang mengiklankan produk masing-masing.

Oleh itu Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya berapa banyakkah hasil iklan TV1, TV2 dan keseluruhan rangkaian radio di bawah Kementerian Penerangan setiap tahun? Adakah RTM menghadapi kesulitan memperolehi iklan khususnya sejak negara dilanda gawat mulai hujung 1997? Apakah prospek hasil iklan RTM bagi tahun 2002? Saya juga meminta penjelasan program jenis apakah yang mudah memperolehi iklan. Adakah benar program hiburan dan sukan adalah paling digemari oleh pengiklan sementara program berbentuk ilmu, sosiobudaya, hal ehwal semasa dan agama pula paling sukar dan paling kurang mendapat iklan? Apakah pendekatan untuk mengatasi masalah ini? Adakah benar RTM, TV3 dan ntv7 kini terpaksa bersaing dengan saluran-saluran asing yang diwujudkan oleh ASTRO untuk memperolehi iklan tempatan?

Tuan Pengerusi, saya mengemukakan soalan-soalan di atas kerana saya difahamkan kini majoriti iklan yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat besar Malaysia, syarikat tempatan dan besar di Malaysia. Seperti yang saya sebutkan tadi katanya dikendalikan oleh agensi pengiklanan yang agak kurang sensitif kepada program-program berbahasa Melayu, akhbar Melayu dan majalah Melayu. Agensi ini juga dikatakan tidak sensitif kepada program ilmu, sosial budaya dan juga keagamaan. Adakah hakikat ini benar dan sebenar-benarnya.

Tuan Pengerusi, saya juga difahamkan ada agensi iklan yang prasangka terhadap akhbar dan majalah Melayu kerana kononnya masyarakat Melayu mempunyai kuasa membeli atau *purchasing power*, dengan izin, yang rendah berbanding dengan masyarakat bukan Melayu di negara ini. Prasangka ini berterusan sejak berpuluh-puluh tahun yang lampau hingga sekarang. Ia menjejaskan *survival* akhbar dan majalah berbahasa Melayu. Sebab itulah masih terdapat akhbar dan majalah berbahasa Melayu yang kini menyiarkan iklan ubat panau, iklan ubat kur ap, ubat cacing, sakit perut, pening kepala sahaja.

Statistik membuktikan prejudis ini Tuan Pengerusi, contohnya sehingga Ogos 2001 akhbar-akhbar berbahasa Inggeris merupakan kumpulan yang menguasai

market share, dengan izin, terbesar dari keseluruhan iklan di Malaysia iaitu sebanyak 55.9%. Kumpulan akhbar *Tiong Hua* pula merupakan kumpulan kedua terbesar di dalam penguasaan *market share* iklan iaitu 26.7% sehingga Ogos 2001 berbanding 26.3% pada tempoh yang sama tahun lalu. Tetapi akhbar-akhbar berbahasa Melayu berada di tempat ketiga di dalam penguasaan *market share* iklan di seluruh negara. Contohnya sehingga Ogos 2001 keseluruhan akhbar berbahasa Melayu di negara ini hanya menguasai *market share* sebanyak 16.9% berbanding 17.4% pada tempoh yang sama tahun lalu.

Sehingga September 2001 sejumlah RM1, 414,750,000 telah dibelanjakan oleh industri sebagai kos iklan di negara ini. Hasil iklan *Utusan Malaysia* dan *Mingguan Malaysia* sehingga September 2001 contohnya adalah RM125,826,000 berbanding sebanyak RM112,529,000 pada tempoh yang sama tahun lalu. Ini merupakan pertambahan sebanyak 12% dengan *market share* sebanyak 8.9%. Bagaimana pun Tuan Pengerusi, akhbar *Berita Harian* dan *Berita Minggu* menghadapi kekurangan 10% dari kutipan iklannya sehingga September 2001 berbanding +6.9% pada tempoh yang samatahun lalu. *Market share*nya juga merosot dari 8.1% sehingga September tahun lalu kepada 6.9% pada tempoh yang sama tahun ini.

Dalam pada itu, biar pun *market share* iklan akhbar berbahasa Inggeris memang besar iaitu 55.9%. *Market share* iklan bagi *New Straits Times* dan *Sunday Times* sehingga September 2001 menurun kepada 13.3% berbanding 16.7% pada tempoh yang sama tahun lalu. Sebaliknya sehingga September 2001 akhbar *The Star* pula mencatatkan *market share* iklan 28.9% berbanding 25.5% pada tempoh yang sama tahun lalu. Ini membuktikan bahawa iklan yang dikuasai oleh akhbar berbahasa Inggeris milik pemodal Melayu dan akhbar Bahasa Inggeris yang modalnya dimiliki oleh bukan Melayu juga adalah berbeza. Pada tempoh yang sama akhbar *Sin Chew* pula menguasai *market share* iklan sebanyak 11.2% berbanding 10.5% pada tempoh yang sama tahun lalu.

Statistik mengenai *market share* akhbar *Sin Chew* ini juga membuktikan bahawa *market share* akhbar berbahasa Melayu adalah berbeza *market share* iklan akhbar berbahasa Inggeris milik bukan Melayu dan juga akhbar berbahasa *Tiong Hua*. Perangkaan ini, secara ringkas membuktikan apa yang saya katakan tadi iaitu tentang wujudnya prejudis agensi iklan kepada akhbar Melayu dan juga akhbar Inggeris yang dikuasai oleh majoriti modalnya oleh orang Melayu. Di samping prejudis ini akhbar dan majalah tempatan khususnya akhbar dan majalah Melayu kini terpaksa berlumba dengan beberapa penerbitan asing yang dicetak di Malaysia.

Umpamanya akhbar-akhbar, majalah-majalah mengenai life style, mengenai perumahan, mengenai fesyen, mengenai hiasan rumah yang sebenarnya daripada luar tetapi dicetak semula di Malaysia mengambil iklan *market share* di Malaysia. Ini menyebabkan akhbar-akhbar di dalam negara dan majalah-majalah dalam negara berada di dalam keadaan yang terdesak.

Oleh itu, saya mencadangkan semoga syarikat korporat tempatan yang membelanjakan wang berjuta-juta ringgit untuk iklan setiap tahun berikanlah garis panduan kepada agensi-agensi yang mengendalikan iklan mereka. Ingat-ingatkanlah agensi iklan berkenaan supaya bertindak saksama dengan membahagi-bahagikan iklan sama rata kepada semua akhbar dan majalah tempatan. Jangan asyik di titik beratkan akhbar Bahasa Inggeris atau *Tiong Hua* bukan saya perkauman tetapi diketepikan akhbar-akhbar bahasa Melayu, sedangkan warga korporat itu adalah warga korporat yang diwujudkan oleh pihak kerajaan. Janganlah pemberian iklan hanya ditentukan oleh *market forces* atau *purchasing power* sesuatu kaum ataupun digerhanai oleh persepsi yang salah dan prejudis yang tebal terhadap akhbar, majalah radio dan televisyen tempatan di negara ini khususnya yang berbahasa Melayu.

Tuan Pengerusi, akhir sekali pada waktu yang sama saya harap seluruh syarikat-syarikat besar seperti yang saya sebutkan tadi baik Petronas, PNB, EON Bank, Telekom Malaysia, ini salah seorang pengarah di sebelah saya, peringatkan bila kita serahkan wang iklan kita kepada agensi iklan, kita beritahu dia beri sama rata. Jangan diketepikan akhbar berbahasa Melayu, majalah berbahasa Melayu, televisyen program Melayu, jangan dianaktirikan. Saya minta, kalau tidak mereka ini tidak tahu, dia serah duit kepada agensi, serah kepada mereka untuk membahagikan, tidak ada langsung.

Kita harus memberi, mencerminkan nasional aspirasi kita, aspirasi kebangsaan kita, walau pun menerusi pembahagian iklan baru kita timbulkan keadilan

yang kita perlukan. Perhatikanlah juga content iklan itu, kadang-kadang iklan yang dibiayai oleh syarikat-syarikat besar seperti iklan TM-Touch, iklan Telekom, dia punya kreativiti terlalu asing untuk diterima oleh persekitaran sosial budaya tanah air. Kalau ada anak muda dia punya gelagat terlalu liar tidak boleh serasi dengan budaya Malaysia. Ini harus kita ingat, ini harus kita perhatikan. Jangan kita biayai satu iklan tetapi kita tidak peduli dia punya konsep, dia punya *content*, dia punya tema, dia punya gaya, dia punya watak. Kadang-kadang iklan orang yang muka lawalawa sahaja, orang Melayu yang muka Jawa macam saya pun tidak ada. *[Ketawa]* Oleh kerana kita iklan ini harus mencerminkan *reality*, refleksi, majoriti kaum, harus terpancar dalam iklan. Jangan kita hanya mementingkan *static value*, nilai keindahan.

Saya lihat, kalau saya salah harap betulkan saya, iklan kereta Waja kita, persekitarannya terlalu asing, macam ada *Roman pillion*, entah diambil di Rome ke sebagainya, saya tidak tahu. Sedangkan negara kita mempunyai persekitaran yang indah-indah. Ini salah satu contoh. Umpamanya TM-Touch, kalau saya boleh bercakap lagi. Iklannya, Tuan Pengerusi malam ini tengok terlalu liar. Kadang-kadang kita tidak faham apakah mesej yang mahu disampaikan.

Macam BCB, iklan untuk membeli rumah yang baru. Malulah kita potretkan dua orang yang badannya, masya-Allah, '*sendo*', hendak lalu satu ruang yang di kanan kiri tembok, dengan peti sejuk. Itu malulah. Carilah cara yang elok untuk memaparkan mesej yang sejelas-jelasnya.

Tuan Pengerusi: Masa Yang Berhormat sudah cukup sudah tu.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kalau tidak sahabat saya daripada Sri Gading dahulu dia tidak timbul soal hendak kahwin, orang Islam hendak kahwin tidak cukup mas kahwin hendak kena lari pergi ke ATM. Apabila ditegur oleh Sri Gading baru berubah. Janganlah selalu hendak kena tegur.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa sudah cukup, Yang Berhormat, ya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, oleh kerana wang yang dibelanjakan oleh iklan ini berjuta ringgit oleh syarikat tempatan, saya harap mereka belanjakan wang itu secara baik, menyumbang kepada perkembangan akhbar dan media, menyumbang kepada pembangunan sosial budaya.

Dengan itu, Tuan Pengerusi, saya mengucapkan terima kasih dan menyokong.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

3.58 ptg.

Tuan Kerk Kim Hock [Kota Melaka]: Tuan Pengerusi saya merujuk kepada maksud B.44 Butiran 050000 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Saya ingin merujuk kepada penerbitan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas, Kementerian Penerangan.

Tadi Parit Sulong kata dia tidak faham iklan, saya kurang faham juga apakah mesej di sini. *[Sambil memegang buku]* Malaysia ialah sebuah negara Islam kemudian di bawah ada kapal terbang. Kalau kita hendak tunjukkan bahawa kalau ikut definisi Barisan Nasional ia adalah satu negara Islam moden, kita tunjukkan Twin Tower. Ini Malaysia adalah sebuah negara Islam kemudian kapal terbang datang, saya pun takutlah, sekarang apa yang telah terjadi di Amerika.

Tetapi apa yang saya hendak minta daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah sama ada pengiklanan ini telah diluluskan oleh Kabinet. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa buku ini adalah satu buku yang begitu *insensitive and offensive* terhadap orang bukan Islam dan ia juga bertentangan dengan visi 2020 oleh kerana dalam buku ini ada sebutan, ada rujukan terhadap orang bukan Islam dengan perkataan-perkataan yang tidak menjaga perasaan mereka, seperti merujuk kepada orang bukan Islam sebagai 'zimmi'. Ada juga orang mengatakan ini adalah kafir dan ini memang bukan apa yang harus dikeluarkan oleh kementerian.

Selain daripada itu, ada juga menggunakan perkataan 'kharaj'. Kalau Yang Berhormat boleh ingat selepas pilihan raya tahun 1999 apabila Kerajaan Terengganu hendak mencadangkan hendak melaksanakan cukai kharaj, begitu ramai orang telah bantai PA S, termasuk menteri-menteri dalam MCA. Tetapi sekarang kita nampak pula

di sini Kerajaan Barisan Nasional hendak laksanakan tax kharaj. Dan, juga buku ini menggariskan 4 definisi dan 12 tanggungjawab yang menjustifikasikan bahawa negara ini adalah sebuah negara Islam. Dan tanggungjawab yang kedua mengatakan bahawa melantik jemaah menteri bagi membantu negara dalam menjalankan tugas-tugas pemerintahan dan ini harus melantik orang kafir menjadi keluarga negara Islam zimmi.

Kalau Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mengaku dia zimmi, saya tidak mengaku saya zimmi. Kalau Yang Berhormat ingat kita tidak faham, kita boleh berikan begitu banyak buku yang mengatakan apakah itu konsep zimmi. Jadi, kita sekarang hendak mara ke hadapan, mengapakah kita gunakan konsep yang boleh memecah-belahkan rakyat di Malaysia.

Kita harus tahu bahawa ini adalah bukan selaras dengan *modern day Malaysian building*. Jadi, ini merupakan satu polisi nampaknya, tetapi adakah ini diluluskan oleh kabinet dan kalau belum diluluskan atau tidak diluluskan oleh kabinet, patut tarik balik buku ini. Dalam muka surat 7 dan 8 ini yang membimbangkan. Walaupun, MCA telah banyak dan termasuk juga Gerakan mengatakan bahawa perisytiharan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa negara ini adalah negara Islam tidak akan menjejaskan kepentingan orang-orang bukan Islam termasuk status quo itu akan kekal, tetapi apabila kita baca apa yang telah ditulis dalam buku ini, Tuan Yang di-Pertua, saya quote, "*Oleh kerana sistem pemerintahan yang ada pada hari ini adalah warisan peninggalan penjajah, maka terdapat beberapa peraturan dan undang-undang yang berjalan tidak bersesuaian dengan kehendak Islam. Menyedari hakikat ini, maka kerajaan telah melancarkan dasar penerapan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.*"

Dan, di sini juga disebutkan, "*la juga adalah satu dasar yang akan dijalankan secara berterusan sehinggalah matlamat untuk menegakkan negara Islam dalam sistem negara terlaksana sepenuhnya*". Kalau ini betul-betul diluluskan oleh kerajaan, ini bermakna bahawa kerajaan telah meluluskan satu keputusan untuk menubuhkan negara Islam dalam Malaysia ini.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading bangun.

Tuan Kerk Kim Hock: Tidak, tidak, hari ini tidak ada masa

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan.

Tuan Kerk Kim Hock: Ini adalah satu perkara yang serius dan saya harap

.....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: [Senyum]

Tuan Kerk Kim Hock: Ha, sekarang boleh hendak senyum, nanti kena jawab betul-betul, baik-baik, serius sahaja. Apakah buku ini – berapa jumlah telah diterbitkan dan diedarkan dan adakah ini telah diluluskan oleh Jemaah Menteri.

Tuan Pengerusi, walaupun begitu banyak penjelasan telah diberikan oleh pihak komponen parti Barisan Nasional berkenaan dengan perisytiharan Barisan Nasional, tetapi saya ingin mengulangi di sini bahawa ini adalah satu perkara yang serius, yang sensitif dan kalau ini adalah melanggar keputusan kabinet, maksud saya ia tidak dapat kelulusan kabinet, maka saya meminta satu penjelasan yang memuaskan, apakah sebabnya ia boleh dikeluarkan. Ini adalah suatu perkara yang serius dan walaupun saya tadi kata ini perkara serius, saya harap boleh beri jawapan mengapa kita ada muka surat sedemikian. Sebab saya kurang faham pengisytiharan ini, kemudian kapal terbang. Ini menunjukkan moden atau adakah ada kapal terbang akan serang kita. [Ketawa] Saya kurang faham ini.

Dan akhirnya, Tuan Pengerusi, saya juga ingin mengatakan bahawa walaupun macam-macam definisi akan dibuat oleh sesiapa pun termasuk orang-orang dalam MCA tetapi kalau kita ikut apa-apa buku sahaja yang mempunyai kewibawaan, kita tahu ia ada konsep asas, prinsip asas di mana satu negara Islam akan berasaskan. Jadi, perkataan-perkataan 'zimmi' dan sebagainya, memang telah menyakitkan hati orang bukan Islam. Oleh kerana mereka boleh tahu daripada buku-buku, apakah hak mereka. Kalau kita baca satu artikel yang telah dikeluarkan, orang zimmi tidak boleh bina.....

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: [Bangun]

Tuan Pengerusi: Sri Gading bangun ya.

Tuan Kerk Kim Hock: ... tidak boleh bina....

Tuan Pengerusi: Dia tidak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Nanti sekejap saya bagi. Orang zimmi tidak boleh membina gereja yang baru, cuma boleh buat *renovation* dan sebagainya. Saya bagi Sri Gading.

Tuan Pengerusi: Ya, Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz: Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Kota Melaka. Saya dengar Kota Melaka merasa marah apabila dikata harbi. Dalam Islam ada beberapa perkara berkaitan dengan iktikad dan juga kepercayaan manusia. Dalam Islam, ia berbagai-bagai, ada harbi, ada zimmi, ada mustakman, ada muahad, ada empat. Saya bimbang sebenarnya Kota Melaka pun tidak faham apa maksud-maksud istilah dalam Islam berkaitan dengan kedudukan seseorang yang yakin percaya kepada Allah S.W.T yang dikatakan Islam.

Jadi, kalau macam DAP dikatakan seperti harbi, dia memang ada ciri-ciri. Dari segi Islam, DAP itu sebagai harbi. Jadi, istilah yang digunakan tidak menyalahi. Saya harap Kota Melaka jika tidak faham tentang ini janganlah hendak sentuh ini. Saya bimbang dia akan membuat lebih banyak salah penakrifan atau istilah-istilah. Sebab itu saya kata tadi, ada harbi, ada zimmi, ada mustakman, ada muahad. Ya, itu empat pecahan. Kadang-kadang orang Islam pun ada yang tidak berapa jelas kalau tidak belajar ini. Jadi, Kota Melaka jangan sentuhlah perkara-perkara yang mungkin Kota Melaka pun tidak faham maksudnya.

Tuan Kerk Kim Hock: Memang Tuan Pengerusi, saya tidak kata saya pakar dalam hal Islam dan saya hormat juga agama Islam, tetapi kalau kita ikut semua konsep buku yang mengatakan apa dia zimmi, apa dia lain-lain itu, kita tahu apa dia dasarnya dan saya hendak tanya Sri Gading, adakah Sri Gading sedar apabila ada cadangan dari Kerajaan Terengganu untuk melaksanakan kharaj, semua menteri Cina bantai teruk-teruk. Mengapa sekarang mereka pula boleh terima? Siapa yang tidak faham konsep ini? Jadi, ini adalah orang yang main politik.

Semalam saya baca dalam surat khabar Yang Berhormat Menteri Pengangkutan mendakwa bahawa sampai hari ini parti PAS belum keluarkan plannya. Nampaknya plan mereka ialah sama dengan Taliban. Ini semua taktik kotor yang dimainkan oleh Menteri Pengangkutan dan juga orang-orang dalam Barisan Nasional sendiri.

Walaupun DAP tidak setuju penubuhan negara Islam dalam negara kita, kita tidak pernah bohong. Tidak pernah gunakan pembohongan. Jadi, sebenarnya orang-orang main politik ini walaupun saya mengaku saya bukan pakar tetapi saya tidak pernah bohong, saya tidak pernah fitnah tetapi orang yang buruk-burukkan ialah daripada Barisan Nasional sendiri. Jadi, ini kalau dapat buat penjelasan kalau apa yang saya kata ini salah tetapi kalau betul, saya tanya sama ada Kabinet sudah luluskan, Tuan Pengerusi, itu sahaja saya tanya. Kalau tidak, kena tarik balik. Saya minta maaf.

Tuan Pengerusi: Ya, cukup masa Yang Berhormat.

Tuan Kerk Kim Hock: Okey Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, ya. Serdang.

4.09 tpg.

Dato' Yap Pian Hon [Serdang]: Tuan Pengerusi, sukacita saya untuk menyentuh Butiran 020000 – Perkhidmatan Penyiaran.

Tuan Pengerusi, apa yang disaksikan oleh saya dan masyarakat Cina terhadap wayang gambar yang dibeli oleh RTM2 atau TV3, bermakna bahawa filem-filem itu atau wayang gambar yang dibeli untuk ditayangkan kepada masyarakat Cina ini, isi kandungannya tidak berapa sesuai dengan keadaan masyarakat Cina di Malaysia ini kerana filem-filem atau wayang gambar yang dibeli dan ditayangkan di RTM itu memang lapuk sangat yang daripada Hong Kong. Sebab yang 10 tahun, 20 tahun dahulu yang tidak bermakna langsung atau memberi satu gambaran baik untuk masyarakat Cina dan juga wayang-wayang gambar ini bertutur dalam bahasa Kantonis.

Tuan Pengerusi, untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, bahasa ibunda kepada masyarakat Cina, tidak kisah dia daripada Kek, Hananes atau Hokkien, tetapi ialah bahasa Mandarin. Aliran bahasa di sekolah Cina di Malaysia adalah dididik, diajar dan diasuh kan dalam bahasa Mandarin, bukan Kantonis, bukan Hokkien, bukan Hananes. Ini adalah satu kenyataan dan juga seramai 60 ribu anak-anak Melayu dan India yang sedang dalam pendidikan aliran sekolah Cina ini dalam bahasa Mandarin. Mereka tidak tahu Hokkien. Mereka tidak tahu Kantonis.

Itu sebab satu pertikaian antara masyarakat Cina terhadap RTM di mana apa sebabnya beli wayang-wayang gambar atau filem-filem itu di dalam bahasa Kantonis. Untuk makluman, di Johor atau di negeri Pulau Pinang itu, semua berbahasa Hokkien dan mereka tidak faham apa yang dituturkan dalam bahasa Kantonis.

Itu sebab saya minta kalau untuk memberi satu gambaran yang baik, hendak membeli filem-filem atau wayang-wayang gambar yang berkualiti yang dari segi pendidikan atau membayangkan cara mana untuk menjadikan satu masyarakat yang lebih sempurna dan juga boleh dapat difahami oleh semua masyarakat Cina di negara kita ini termasuklah kawan-kawan dari bangsa Melayu yang sedang dapat pendidikan dalam aliran bahasa Mandarin.

Perkara seperti ini penting supaya kita harap pihak kementerian akan kaji semula terhadap pembelian wayang-wayang gambar yang berkualiti. Jangan sampai satu tahap itu, kalau tayangan itu tidak memberi faedah untuk masyarakat Cina dan keseluruhan rakyat Malaysia ini. Ini beberapa kali telah diminta. Mungkin satu sebab, saya tidak tahu, saya anggapkan bahawa wayang-wayang gambar yang begitu lama yang tidak berkualiti itu mungkin murah harganya. Saya tidak tahu. Ini mungkin boleh dapat penjelasan daripada pihak kementerian.

Tuan Pengerusi, satu lagi berkaitan dengan Butiran 05000 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Beberapa tahun dahulu, Jabatan Hal Ehwal Khas yang ditubuhkan di dalam Kementerian Penerangan memang satu bahagian sahaja. Fungsinya tidak berapa bagus, tetapi selepas ini dengan adanya dilantikkan beberapa tokoh-tokoh untuk menjalankan hal ehwal khas telah menunjukkan bahawa semangat dan publisiti atau memberi maklumat-maklumat tentang dasar-dasar kerajaan kepada masyarakat Malaysia ini memang tepat dan baik.

Selepas ini, kementerian memperluas dan mempertingkatkan lagi untuk jadikan satu Jabatan Hal Ehwal Khas dengan adanya Ketua Pengarah dan Pengarah-pengarah di tiap-tiap negeri dan telah memperluaskan Perkhidmatan Hal Ehwal Khas ini. Saya ucap tahniah kepada kementerian, tetapi hanya satu perkara – kakitangan-kakitangan yang berkhidmat dalam Hal Ehwal Khas ini memang kurang lagi. Dari segi masyarakat Cina ini, saya minta penjelasan daripada pihak kementerian, berapa jumlah kakitangan daripada masyarakat Cina untuk memberi penerangan lebih lanjut berkaitan dengan masalah-masalah dasar kerajaan masyarakat Cina.

Kalau kekurangan kakitangan masyarakat Cina ini dalam Jabatan Hal Ehwal Khas mungkin tidak akan memberi satu pandangan atau gambaran yang nyata kepada masyarakat Cina. Jadi, mudah sahaja untuk dipengaruhi oleh pihak-pihak tertentu yang memutarbelitkan dasar - dasar kerajaan.

Maka, saya minta kalau boleh tambahkan bilangan kakitangan daripada masyarakat Cina untuk dilantik sebagai kakitangan untuk jalankan tugas dalam hal ehwal khas ini yang begitu penting setiap kali dalam pilihan raya, tiap-tiap kali dalam masalah-masalah sosial yang berlaku, mereka boleh tampil ke hadapan untuk memberi penjelasan kepada masyarakat tertentu. Ini satu tugas dan tanggungjawab yang perlu dipertingkatkan supaya ditambahkan lagi dan juga skim perkhidmatan itu dapat dikaji semula supaya jangan mereka hanya dapat RM550 permulaan, memang susah untuk menghadapi kehidupan mereka.

Jadi, saya minta kalau boleh diberi sedikit sebanyak penjelasan daripada pihak kerajaan terhadap masalah yang ditimbulkan ini.

Tuan Pengerusi, akhirnya Butiran 05400 – International Broadcasting Center (IBC). Saya minta penjelasan daripada apa

Tuan Lim Hock Seng: *[Bangun]*

Dato' Yap Pian Hon: Tidak ada masalah. Nanti boleh cakap. *[Ketawa]*. International Broadcast Center ini apa tugas dan apa fungsi yang berlaku oleh center ini

sebab sepanjang masa kita tahu apa tanggungjawab dan apa fungsinya daripada International Broadcas Center (IBC) ini dan boleh memberi sedikit sebanyak latar belakang dan apa yang boleh maklumkan kepada Dewan yang mulia berkaitan dengan tugas-tugas dan tanggungjawab yang dijalankan sepanjang masa ini oleh International Broadcast Center. Sekian terima kasih.

Tuan Pengerusi: Ya, Parit Buntar.

4.16 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Pengerusi. Sebagaimana Yang Berhormat bagi Serdang juga, saya tertarik untuk berbahas mengenai butiran 05000, 061200 dan 071300 yang keseluruhannya melibatkan perbelanjaan RM30 juta lebih kurang iaitu Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Oleh kerana namanya Perkhidmatan Hal Ehwal Khas saya hendak menanyakan tentang khasnya itu. Sebab bila saya tengok program prestasi aktiviti, jelas perkhidmatan khas ini antara objektifnya memastikan kerajaan yang memerintah terus menerima mandat dari rakyat.

Persoalan daripada kepala saya ialah yang mana kerajaan, yang mana parti. Saya sebagai pembayar cukai dan teman-teman yang lain pun bayar cukai sebab Budget ini sebahagian besarnya pendapatan daripada cukai. Pembayar cukai di Malaysia kalau ikut daripada Yang Berhormat Menteri Kementerian Pembangunan Luar Bandar mengatakan hanya 36% sahaja lebih kurang rakyat yang menyokong UMNO. 64% menyokong PAS dan BA. 64% ini membayar cukai semacam mana orang lain membayar cukai. Adakah adil kita menyajikan program-program yang bertentangan dengan aspirasi kehendak rakyat. Sebab itu saya mengatakan awal-awal tadi kerana ada line, kena ada garis pembeza di antara yang mana kerajaan, yang mana parti. Tidak jadi masalah kepada saya kerana RM30 juta ini dibelanjakan di PWTC, di pejabat Barisan Nasional, di pejabat UMNO memang layak. Tetapi misalnya kalau wang rakyat wang *tax payers money* ini digunakan untuk menghentam segolongan manusia dalam masyarakat dan manusia ini juga membayar cukai sebagai hasil kepada negara, adakah pembayar cukai bersedia untuk dia dihentam sendiri. Saya pembayar cukai dan teman-teman pun membayar cukai memang bersedia dalam projek-projek dan program-program. Sebab itu yang saya hendak tahu lebih *detail* lagi siapa sebenarnya manusia di belakang tabir yang menganggotai Perkhidmatan Hal Ehwal Khas ini. Siapa mereka? Siapa latar belakang mereka? Apa kelulusan mereka? Jumlah mereka? Jumlah mereka di peringkat kementerian, jumlah mereka di peringkat negeri dan sebagainya, syarat-syarat perkhidmatan mereka, struktur gaji mereka. Rasanya Tuan Pengerusi, di Dewan yang mulia ini kita perlu mendapat tahu butiran-butiran seperti ini yang sebab mereka telah mencorakkan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah)
mempengerusikan Jawatankuasa]

Apa yang kita lihat dalam program-program terutamanya program muzakarah isu-isu semasa, Forum Bicara Gemilang misalnya. Dalam ini disebutkan ada 384 program yang namanya Forum Bicara Gemilang. Apa inti Forum Bicara Gemilang? Apa matlamat Forum Bicara Gemilang? Siapa yang mengendalikan Forum Bicara Gemilang? Siapa ahli-ahli panelnya? Kriteria-kriteria menjadi panel? Apa mauduk yang dibincangkan? Dalam 384 forum-forum ini sudah semestinya ada tajuk-tajuknya, sudah semestinya ada perkara-perkara penting yang dibincangkan untuk disampaikan kepada rakyat.

Saya rasa Tuan Pengerusi, oleh kerana Perkhidmatan Hal Ehwal Khas ini sedang berfungsi begitu hebatnya seolah-olah kita merasakan sesiapa yang melihat TV, yang mendengar radio seolah-olah yang keluar itu daripada mulut-mulut UMNO. Seorang yang keluar itu adalah mulut-mulut daripada Barisan Nasional, tidak lagi menggambarkan kerajaan yang dipilih rakyat. Macam saya kata tadi 64% daripada rakyat telah membuang undi dan menunjukkan mereka menentang kerajaan dan mengundi PAS dan Barisan Alternatif.

Seorang Ahli: Melayu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Melayu. Apa yang hendak disebutkan di sini..

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Masa tidak mengizinkan. Ini kena tanya.

Beberapa Ahli: *[Bangun] [Menyampuk]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ramai yang berdiri Yang Berhormat. Hendak bagi. Ya hendak bagi yang mana Yang Berhormat? Ya Menteri,

[Dewan gamat seketika]

Dato' Haji Azmi bin Khalid: Saya hendak tanya, kalau ia benar 64% rakyat menyokong pembangkang, kenapa 27 kerusi sahaja dapat kepada PAS walhal daripada 193 kerusi kita lebih 2/3 menang. Tolong bagi justifikasi.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Tuan Pengerusi..

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak apa, tidak apa diam dulu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Nanti dulu. 64% sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri sendiri dalam ucapannya di Perlis itu adalah pengundi-pengundi bumiputera pengundi Melayu.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat. Ya, sila.

Dato' Haji Azmi bin Khalid: 70 kerusi di sini dimenangi oleh orang UMNO dan 27 kerusi dimenangi oleh PAS dalam Dewan ini. Jadi, 70 banding dengan 27 siapa banyak?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kita boleh main statistik benda ini. Macam mana misalnya penurunan jumlah undi yang diterima di Tanjong Karang misalnya daripada hampir 30,000 sekarang tinggal 2,000 sahaja.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Parit Sulong ya.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Di Gombak misalnya, majoriti yang lepas 37,000 begitu hanya tinggal 803 undi sahaja. Benda-benda macam ini...

Seorang Ahli: Shah Alam.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: ..Shah Alam misalnya, Shah Alam...*[Dewan riuh]* yang majoritinya 40,000 lebih sekarang tinggal hanya dalam 1,000 sahaja.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang....

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Begitu juga Parit Sulong, begitu juga Tanjong Karang yang hendak bangun ini. Tetapi apa yang saya hendak sebutkan...saya tidak bagi jalan. Cukuplah saya ada masa sedikit sahaja.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, masuk perkara khususlah Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya hendak menyebutkan tentang Hal Ehw al Khas ini.

Datuk Ruhanie bin Ahmad: *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Duduk, duduk, duduk.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila. Dia tidak bagi Yang Berhormat. Duduk.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Allah, saya sudah sebut Melayu. Melayu. Berapa pengurangan di Parit Sulong sendiri berapa peratus pengurangan jika dibandingkan dengan tahun 1995.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk, duduk, duduk Parit Sulong.

Tuan Mohamad bin Sabu: Bagi saya tanya.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini saya tidak tahu hendak bagi siapa Yang Berhormat. Dua orang berdiri ini. Bagi Kuala Kedah, sila.

Tuan Mohamad bin Sabu: Tanjong Karang sedar atau tidak mereka tidak faham antara bumiputera dengan bukan bumiputera. Misalnya di Kuala Kedah contohnya, kalau undi bumiputera saya majoriti 7,000 dicampur dengan bukan bumiputera maka majoriti tinggalah 900. Ertinya orang Melayu bumiputera memihak kepada BA 64%. Kajian semua universiti. Takkan Ahli Parlimen tidak faham. Itu sahaja yang hendak diterangkan tadi. Minta sedikit ulasan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: lalah. Tidak payah ulas tanya setuju tidak setuju Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingat kita pun yalah tentang hal mengenai statistik dan sebagainya, saya hendak menutup hanya menyebutkan, saya hendak ulang balik, di Gombak misalnya pada tahun 1995 majoriti 30,879, pada tahun 1999 majoriti 803 sahaja.

Seorang Ahli: Allah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kawasan pengundi Melayu.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Kawasan pengundi Melayu. Tuan Pengerusi, biar saya pergi kepada apa yang saya hendak bincangkan ini program Perkhidmatan Hal Ehwal Khas ini

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada empat minit lagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingin sangat mengetahui apa bidang kuasa sebenarnya. Bidang kuasanya tidak lain dan tidak bukan memastikan kerajaan yang memerintah terus menerima mandat dari rakyat. Sudah tentulah saya rasa programnya memang unsurnya adalah unsur politik, unsurnya ialah unsur untuk menentukan rakyat di Malaysia ini tidak akan mengundi selain daripada Barisan Nasional.

Nombor dua, saya hendak menanyakan juga tentang falsafah gerak kerjanya. Apa dia falsafah gerak kerjanya? Yang kita dengar daripada Setiausaha Parlimen dulu jelas program-program yang dihasilkan oleh Hal Ehwal Khas ini jelas. Programnya tidak lain dan tidak bukan adalah corong-corong daripada pimpinan tertinggi UMNO untuk mengeksploitasi bahan-bahan yang ada di kalangan mereka untuk menentukan bahawa rakyat terus menyokong mereka dan rakyat tidak memandang lagi Barisan Alternatif. Tetapi saya hendak menyebutkan.. saya hendak menyebutkan..

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat. Yang Berhormat Shah Alam. Hendak bagi jalan atau tidak bagi?

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Bagi, bagilah *chance* saya habiskan. Sikit lagi. Saya tinggal dua minit lagi. Saya tinggal dua minit lagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila duduk ya. Saya tidak kira *world class* kah, *local class* kah, saya tidak kira. *[Ketawa]* Kalau dia bagi cakap dia cakap.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya nak pergi tentang natijah yang diharapkan. Sebab natijah yang diharapkan itu sangat penting. Program-program TV ini sangat-sangat berkesan untuk membina minda rakyat, sebab itu natijahnya juah, bukan sahaja jangka pendek tetapi natijah jangka panjang. Apa yang kita hendak saya yakin rakyat Malaysia ini hampir keseluruhannya mempunyai fikiran luas, pendedahan luas, masyarakat bermaklumat, mereka akan reject apa yang dipersembahkan kepada mereka. Tanyalah di mana-mana pun saya yakin orang yang berada di belakang ini, dengan cameraman dan sebagainya, yang terkenal jabatan kerajaan 80% penyokong PAS dan alternatif [*Disorak*]... saya yakin mereka pun terasa mual dengan apa yang dipersembahkan melalui rancangan Hal Ehwal Khas itu.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Mohamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, nak bagi. Dia berdiri ini,....

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Sebelum itu Tuan Pengerusi....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dengar saya cakap dululah. Tidak bagi cakap tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: ... Tidak bagi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha dia tidak bagi, sila duduk. Dia tidak bagi sila duduk Yang Berhormat. Dia tidak bagi.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Sebab itu Tuan Pengerusi, kita berharap, kita berharap sangat, kita berharap sangat kalau dapat ada sedikit ketelusan tentang bahagian khas ini sebab RM30 juta dibelanjakan daripada RM900 juta, RM30 juta khusus tentang bahagian khas ini. Padahal FELDA macam-macam seolah-olah ada bahagian khas, FELCRA ada bahagian khas, RISDA ada bahagian khas, Kementerian Pertanian ada bahagian khas, sama ada menggunakan perkataan "bahagian khas" ataupun semacam-macam bahagian khas. Ertinya unit-unit propaganda ini ada di seluruh jentera kerajaan daripada Jabatan Perdana Menteri, dengan Biro Tatanegara, dengan unit khas di sana-sini, sampailah kepada peringkat mukim, sampailah kepada peringkat JKK, seluruhnya sudah ada rangkaian unit-unit khas ini.

Soalnya, rangkaian-rangkaian unit khas ini, memang menggunakan rakyat, memang menggunakan perbelanjaan rakyat akhirnya kita dapat bayangkan berapa bilion sebenarnya yang dibelanjakan semata-mata untuk memberikan perubahan kepada pemikiran rakyat daripada mer eka

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri lagi Yang Berhormat, dua orang hendak bagi Yang Berhormat? Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Saya tidak mengizinkan. Cukuplah saya kata saya tidak mengizinkan.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat, tidak usah tawar-menawar, Yang Berhormat, kalau dia tidak bagi, tidak bagilah Yang Berhormat. Sila duduk, sila duduk, sila duduk ya.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Saya mengharap, Tuan Pengerusi.....

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada seminit lagi Yang Berhormat, ada seminit lagi.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Dua minit lagi

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Satu lagi.....[*Disampuk oleh beberapa Ahli Yang Berhormat*]

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: Saya mengharap Tuan Pengerusi supaya kalau dapat pihak kementerian dan kerajaan khususnya dapat memikirkan kembali. Kita bedil pembangkang daripada berbagai sudut, daripada kiri, kanan, atas dan bawah tetapi yang pasitnya rakyat di Malaysia ini saya katakan bukan macam rakyat di Indonesia, rakyat di Malaysia bukan macam rakyat di Filipina agaknya dari segi *political consciousness* tetapi kita terlalu yakin rakyat akan bersama-sama dengan PAS dan Barisan Alternatif dan teman-teman yang ada dalam Barisan Alternatif [*Disorak*][*Tepuk*] Walaupun, bayangkan Tuan Pengerusi saya dapat membayangkan

dalam keadaan mereka yang mempunyai unit-unit khas, dalam keadaan mereka mempunyai jentera-jentera untuk memperkecil, untuk menidakkan parti pembangkang.....[Disampuk][Diganggu]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat. Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali: ...Dalam keadaan itu pun, Terengganu kita tawan, Kelantan kita teruskan dan jaluran penawaran akan pergi kepada Kedah, akan pergi kepada Perlis dan insyaAllah di Selangor juga.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Parit Buntar, masa sudah habis....

Dato' Dr. Hassan bin Haji Mohamed Ali : Jadi Tuan Pengerusi maka dengan itu saya hanya hendak memintalah kepada Timbalan-timbalan Menteri kalau boleh, kalau dapat diluluskan satu stesen sahaja buat Barisan Alternatif, satu stesen radio sahaja sudah cukup.....[Disampuk] Saya yakin kita akan sapu bersih. Kalau tidak ada stesen pun kita akan sapu bersih tapi ada satu stesen di Kelantan atau Terengganu untuk terus memberikan kita di depan, untuk kita memenangi pilihan raya akan datang.

Terima kasih.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ahli Yang Berhormat, Majlis bersidang semula

Majlis Mesyuarat Bersidang Semula

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18(3)

Lambakan 300,000 Tan Metrik Padi Di seluruh Negara

4.30 ptg.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, usul ini yang berkaitan dengan isu lambakan lebih daripada 300,000 ribu tan padi yang tersadai di lebih daripada 40 buah kilang-kilang bumiputera di negara kita ini.

Isu lambakan padi ini Tuan Yang di-Pertua merupakan pengulangan kepada apa yang telah berlaku kepada tahun yang lalu, seperti mana yang saya sebut dalam teks usul saya. Lambakan padi di kilang-kilang ini antara punca yang menyebabkan berlakunya lambakan padi ini ialah salah satu daripadanya ialah kerana harga beras yang ditawarkan oleh ataupun, maksud saya maknanya, satu permainan harga beras yang dimainkan oleh BERNAS dalam memastikan supaya BERNAS dan anak-anak syarikat BERNAS ini akan dapat memperoleh keuntungan yang lebih.

Saya membawa satu contoh di sini bagaimana BERNAS telah memberikan ataupun menjual beras-beras tempatan kepada ini kepada anak-anak syarikatnya seperti Yeoh, Heng Leong, Jasmine Rice Trading, Serba Wangi dan sebagainya, dengan harga yang lebih rendah daripada harga yang diminta oleh pemborong-pemborong biasa. Saya telah dimaklumkan oleh pengilang-pengilang, inilah antara punca menyebabkan satu lambakan beras dan padi itu sendiri berlaku dalam negara kita. Walaupun asasnya BERNAS boleh menjual beras itu kepada sesiapa tetapi keutamaan BERNAS ialah ia akan diberi kepada anak-anak syarikatnya. Apabila anak-anak syarikat ini memperoleh dengan harga yang lebih murah dengan harga yang sebenarnya maka anak-anak syarikat ini akan melambakkan beras-beras ini di zon-zon tertentu yang telah dikenal pasti oleh Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna iaitu di Zon E.

Zon E iaitu di negeri Johor dengan harga yang lebih murah iaitu pada kadar 1 tan metrik sebanyak RM1,300. Sedangkan pada harga pasaran biasa yang berlaku sebelum ini harganya ialah RM1,400 sehingga RM1,450. Tetapi apabila anak-anak syarikat ini melambakkan beras di Zon E iaitu di zon Johor Bahru, menyebabkan kilang-

kilang di sebelah utara termasuk di negeri Selangor tidak berkeupayaan untuk memindahkan beras daripada kilang-kilang mereka untuk dipasarkan di Zon E dan juga di Zon B iaitu di Zon D juga dalam harga yang sama RM1,250 dan RM1,300 di Zon D iaitu di Zon Kuantan, Kuala Lumpur dan juga Negeri Sembilan. Ini yang berlaku yang menyebabkan beras-beras di kilang-kilang bumiputera ini, padi-padi yang ada ini tidak boleh diproses untuk menjadi beras sebab pemborong-pemborong hanya menawarkan kepada pengilang-pengilang ini pada kadar RM1,150 kerana mereka bersandarkan bahawa kalau pengilang-pengilang ini tidak menjual dengan harga RM1,150 mereka boleh mendapatkan pada harga yang lebih murah kerana pada waktu itu maka berlakulah lambakan beras daripada luar iaitu beras-beras import sendiri.

Ini adalah antara punca apabila BERNAS memaikan harga ini untuk membolehkan supaya beras-beras, padi-padi yang ada di kilang-kilang tempatan ini, beras-beras tempatan di kilang-kilang bumiputera ini tidak boleh diproses. Bila tidak boleh diproses, bermakna bahawa beras tempatan berada di pasaran dengan *volume* yang sangat sedikit dan ini merupakan peluang untuk BERNAS yang menjadi pengimport utama kepada beras-beras luar ini untuk mendapatkan keuntungan yang lebih pada harga yang dijual malah harga yang dijual oleh BERNAS sama ada harga beras tempatan, mahupun harga beras import ini di bawah daripada harga kawalan yang ditentukan oleh kerajaan sendiri kerana harga kawalannya saya difahamkan oleh pihak tertentu harga kawalan, kalau di sebelah Zon E dan Dnya, RM1.80 atau 85 sen untuk satu kilo. Di sebelah zon utara, RM1.60 ataupun RM1.65 sen untuk satu kilogram.

Jadi mereka telah menjual pada harga yang lebih rendah. Apabila mereka menjual pada harga yang lebih rendah, maka inilah yang menyulitkan bagi pihak pemborong untuk mendapatkan bekalan beras daripada padi yang diproseskan di kilang-kilang tempatan ataupun kilang-kilang bumiputera yang terdapat dalam negara kita ini.

Jadi oleh sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa ini merupakan antara punca yang menyebabkan berlakunya lambakan ini iaitu apabila kilang-kilang ini tidak mampu untuk menjual pada harga yang ditawarkan oleh pemborong-pemborong ini pada harga RM1,150. Ini disebabkan kerana, bagi kilang-kilang ini kos membeli padi sendiri pun pada kadar harga RM650 satu tan dan kemudian untuk diproses daripada padi itu untuk dijadikan beras ia memakan kos bagi satu tan metrik, kos untuk proses termasuk beli padi dan proses padi menjadi beras ialah 1 tan metrik ialah RM1,200.

Bagaimana mereka boleh menjual dengan harga yang ditawarkan oleh pemborong ini pada kadar RM1,150 sedangkan kos pengeluaran beras di kilang-kilang bumiputera ini memakan belanja sehingga RM1,000 ke RM1,200. Jadi oleh sebab itu apabila pemborong *offer* dengan harga yang rendah, mereka tidak mampu. Bila mereka tidak mampu bermakna padi berlambak dalam kilang-kilang bumiputera itu sendiri termasuk kilang-kilang dalam kawasan saya di Pokok Sena dan juga di Kuala Kedah dan sebagainya. Ini yang menjadikan masalah kepada industri padi dan beras dalam negara kita. Seperti yang saya katakan tadi bahawa tindakan yang dilakukan oleh BERNAS ini pada tanggapan saya bahawa boleh menyebabkan industri padi dan beras ini khususnya dikendalikan oleh bumiputera ataupun beras tempatan daripada petani-petani kita ini akan mati menyebabkan pemonopolian BERNAS untuk menentukan kadar harga ataupun memastikan beras berada di pasaran akan ditentukan oleh BERNAS sendiri walaupun harga kawalannya ditentukan oleh pihak kerajaan, itu saya faham tetapi

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Sulong berdiri, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya tidak bagi, saya ada masa hanya sedikit sahaja sebab ada rakan-rakan saya akan sambung, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak bagi Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bekas Pengerusi BERNAS, saya tahu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Sila, sila.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Jadi oleh sebab itu bagi saya bahawa inilah antara punca yang menyebabkan berlakunya dan tujuan atau kesan daripada tindakan BERNAS ini menyebabkan industri padi dan beras kita akan terus dimonopoli oleh BERNAS sendiri dan pengilang-pengilang bumiputera akan gulung tikar dan sebagainya. Bila beras dan padi tempatan tidak boleh dijual, bermakna BERNAS akan menjualkan beras-beras import untuk mendapat untung dengan keadaan harga yang lebih rendah daripada harga di pasaran walaupun dari sudut, beras import ini mereka akan memperoleh dengan harga yang lebih rendah sekarang, *market world*, pasaran antarabangnya memang harga import daripada Thailand, Myanmar dan Vietnam ini harga itu agak murah. Tetapi bila mereka jual di pasaran dengan kadar harga di pasaran yang ada dalam negara kita ini, BERNAS akan dapat memberi keuntungan yang lebih besar di dalam penjualan beras ini.

Jadi oleh sebab itu Tuan Yang di-Pertua, ianya ditambahkan lagi masalah lambakan ini dicampurkan lagi dengan masalah penyeludupan. Penyeludupan ini juga berlaku apabila harga beras import yang dibawa oleh BERNAS itu sendiri dan sekali gus penyeludupan yang dibuat oleh pihak-pihak lain juga berlaku dalam negara kita kerana masing-masing berlumba untuk mendapatkan keuntungan daripada pasaran beras import dalam negara kita. Apa yang berlaku pada hari ini ialah khususnya pemborong-pemborong daripada yang bukan anak syarikat kepada BERNAS, bila mereka tidak dilayan oleh BERNAS umpamanya, mereka akan mencari ruang pasaran harga barang-barang import daripada agensi-agensi yang lain, selain daripada BERNAS

Sebab itu kita lihat bahawa masalah lambakan beras import ini juga berkaitan dengan soal bagaimana kegagalan penguatkuasaan yang dibuat oleh sama ada Kementerian Pertanian atau Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna sendiri dalam kes pengeluaran permit untuk memindahkan beras-beras dari satu tempat ke satu tempat. Semua kita sedia maklum, saya percaya Yang Berhormat Menteri sedia maklum bahawa masalah penyeludupan beras ini berlaku secara berleluasa di sempadan Malaysia dengan Thailand di sebelah Kelantan. Ini berlaku secara berleluasa. Mereka ini akan menyeludup beras untuk ditransit di tempat-tempat tertentu di Kelantan, di kilang-kilang tertentu, kemudiannya pemborong-pemborong akan mendapatkan permit untuk memindahkan beras itu daripada negeri Kelantan untuk pergi ke tempat-tempat yang lain, sedangkan dalam penguatkuasaan ini pihak berkuasa tidak pernah meminta daripada mereka yang hendak memindahkan beras ini dari sudut invois daripada mana kilang yang dia dapat menyebabkan tindakan terhadap beras-beras yang diseludup daripada luar tidak diambil tindakan.

Sebab itu saya sangat mempersoalkan, bagaimana pengeluaran atau lebihan beras di negeri Kelantan umpamanya. Saya hendak tunjuk di sini lebihan beras antara beras yang dikisar dengan beras yang dipindahkan daripada permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian dan juga Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Hasil kisanan dan pemindahan beras ke luar Kelantan tahun 2001 daripada Januari sehingga September 15, baru-baru ini, hasil kisanan beras di Kelantan - hasil kisanan bermakna bahawa padi daripada padi tempatan yang dikisar di Kelantan berjumlah 64,400 tan metrik. Kemudian pemindahan beras daripada Kelantan melalui permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertanian berjumlah 19,000 tan. Saya kira ada kemunasabahannya kerana dia tidak melebihi daripada 64,000 beras yang dikisar di negeri Kelantan. Tetapi pemindahan beras melalui permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini berjumlah 97,600 tan. Campur kedua-duanya iaitu pemindahan beras yang dibuat melalui permit di bawah Kementerian Pertanian dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ini menjadikan jumlah pemindahan itu ialah sebanyak 116,600 tan metrik beras yang dipindahkan melalui permit. Sedangkan beras yang dikisar di negeri Kelantan hanya 64,400 tan metrik.

Ini bermakna bahawa ada lebihan beras yang dilambakan sebanyak 52,200 tan metrik. Kita hendak tanya bahawa bagaimana keadaan ini boleh berlaku. Bagi saya, lebihan sebanyak 52,200 tan metrik ini satu jumlah yang sangat besar kalau hendak dikira kalau Orang Kedah kata, "Dalam guni *jaloq* hijau ini", 52,200 tan metrik ini, 522,000 guni jalur hijau. Guni jalur hijau ini guni besar. 52,000 mungkin Yang Berhormat bagi Arau tahu. 522,000 guni jalur hijau. Daripada 52,200 tan metrik lebihan beras yang dipindahkan daripada Kelantan. Jadi inilah antara yang menyebabkan punca-punca kepada menyebabkan berlaku lambakan beras daripada

luar yang berleluasa yang menyebabkan beras yang sepatutnya dihasilkan daripada padi-padi tempatan ini tidak dapat dihasilkan.

Jadi oleh sebab itu, saya minta BPR untuk menyiasat, bagaimana pengeluaran permit. Saya percaya bahawa ini berpunca daripada pengeluaran permit yang tidak dikawal. Apatah lagi apabila penguatkuasaan tidak meminta invoice daripada pemborong yang hendak memindahkan beras daripada satu tempat ke satu tempat lain untuk mengenal pasti daripada kilang mana yang dia dapat. Barulah kita akan tahu sama ada beras itu beras tempatan ataupun beras yang diseludup. Sebab itu saya minta supaya kerajaan melalui BPR untuk menyiasat tentang pengeluaran permit baik daripada Kementerian Pertanian ataupun daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna khususnya kerana pengeluaran permit ini khususnya di Kelantan telah melebihi daripada kisanan beras yang dikeluarkan dan dihasilkan di negeri Kelantan itu sendiri.

Kemudian Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin meminta kerajaan dalam hendak mengatasi masalah ini, mesti diatasi dengan segera kerana kesannya nanti amat buruk kepada industri padi dan beras kita khususnya kepada para petani. Apatah lagi bagi petani-petani di utara, bulan Disember ini musim menuai. Kalau padi ini tidak dikeluarkan daripada kilang dan diproses menjadi beras bermakna bahawa masalah-masalah petani akan teruk kerana pengilang-pengilang sudah pun mengambil kata sepakat dalam mesyuarat mereka di Kedah baru-baru ini untuk membeli harga padi pada musim akan datang, kalau ini tidak diselesaikan dengan harga siling yang ditentukan oleh kerajaan, tidak ada lagi harga insentif. Bermakna kalau ini dilaksanakan petani telah kehilangan RM50 untuk satu tan metrik kerana insentif yang diberikan pada musim lalu RM5. Kalau ini tidak diberi bermakna petani akan kerugian sebanyak RM50 satu tan metrik. Sebab itu penyelesaian perlu dibuat.

Antaranya yang saya minta ialah penyelesaian jangka panjang ini khususnya pemindahan segera dari sudut penguatkuasaan padi dan beras ini kepada satu kementerian khususnya bagi saya ialah diletakkan di bawah Kementerian Pertanian itu sendiri supaya penyelarasan boleh untuk menentukan kepentingan petani, pengilang, pemborong, pengimport dan sebagainya.

Yang kedua saya minta di sini supaya import beras daripada luar ini jangan lagi diberikan kepada BERNAS tetapi mesti diambil oleh kerajaan sendiri. Kerajaan sendiri yang mesti bertanggungjawab untuk mengimport beras supaya memastikan dari sudut kawalan pengedaran berada di pasaran oleh kerajaan kerana bagi saya bahawa kerajaan juga sepatutnya menentukan *stock pile* maka apabila *stock pile* ditentukan oleh kerajaan maka bila beras kurang maka dia boleh keluar beras dari *stockpile*. Bila beras lambakan lebih, dia boleh ambil masuk ke dalam *stockpile*. Ini yang saya katakan bahawa penting untuk kerajaan sendiri mengambil alih semula kuasa untuk import beras bukan diberikan kepada BERNAS yang akhirnya menimbulkan masalah kepada petani-petani itu sendiri dan saya juga meminta kepada pihak kerajaan supaya dapat menyegerakan tindakan-tindakan untuk jangka pendek ini khususnya untuk mengatasi masalah-masalah lambakan padi yang tidak boleh diproses akibat daripada masalah-masalah yang saya sebut tadi.

Saya rasa itulah sahaja walaupun ada lebih panjang lagi kerana ada rakan-rakan saya yang akan menyambung khususnya Yang Berhormat bagi Parit Buntar.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Jangan angguk-angguk Kepong. Yang Berhormat bagi Kepong hendak cakap? Ha, cakaplah Kepong. Jangan angguk-angguk. Kepong.

4.45 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Diam sahajalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Semua makan beras.

Beberapa Ahli: Ya. Betul, betul. [Tepuk] [Dewan gamat seketika]

Dr. Tan Seng Giaw: Ada orang yang tidak makan beras tadi. [Dewan gamat seketika]

Seorang Ahli: Kepong tidak ada padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kepong sila.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adalah perlu bagi kerajaan untuk melaksanakan Dasar Pertanian Ketiga dengan lebih berkesan termasuk cara-cara untuk mengatasi lambakan padi dan beras dari negara-negara jiran. Lambakan ini telah seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena, menjejaskan industri padi dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, pertama, sekali lagi lambakan padi negara saya kira telah menjejaskan lebih 40 buah kilang dan kira-kira lebih 160 orang petani di negara ini terutamanya di Perlis dan Kedah. Walaupun Arau tidak begitu berminat tetapi itulah hakikatnya yang menjejaskan Perlis juga.

Yang kedua, negara kita mengeluarkan kira-kira 2.2 juta tan beras setahun. Ini di bawah Dasar Pertanian Ketiga, pekebun-pekebun kecil mestilah berkumpul menjadi estet di dalam dasar ini tetapi saya tidak nampak kejayaannya di dalam segi ini dan bertambahnya penggunaan mesin-mesin, *mechanization* dengan izin, tetapi *post cost* pengeluaran, itulah yang penting, adalah terlalu tinggi berbanding dengan jiran kita. Keadaan ini menyaksikan lambakan dan penyeludupan daripada negara jiran kita.

Dan ketiga, peranan yang dimainkan oleh syarikat-syarikat seperti BERNAS yang tidak bernas langsung di sini. Adakah BERNAS mengikut Dasar Pertanian Ketiga? Adakah syarikat itu sanggup membantu para petani untuk mencegah penyeludupan? Ini, memang satu perkara yang penting.

Yang keempat, pada tahun 2003 dan 2004, barang-barang kita termasuk padi dan beras mestilah mengikut CEPT iaitu *Common Effective Preferential Tariff* sebagai langkah ke arah AFTA iaitu *ASEAN Free Trade Area*. Jika kerajaan tidak dapat mengatasi masalah tarif termasuk beras dan padi, maka ia mestilah membayar pampasan pada jiran kita itu. Itu satu perkara yang penting. Saya pun tidak tahulah, apakah yang dibuat oleh pihak menteri untuk mengatasi masalah ini. Tambahan pula masalah lambakan dan penyeludupan masih berleluasa dan akan terus menjadi satu hakikat dan kenyataan selagi kos pengeluaran tidak begitu efektif dan tidak begitu kompetitifnya.

Yang kelima, penguatkuasaan di dalam industri padi dan beras mestilah dipertingkatkan termasuk usaha untuk mencegah lambakan dan penyeludupan.

Dan yang keenam, walaupun penanaman dan pengeluaran padi kita adalah satu perkara yang faktor, yang terlibat dengan satu sebab strategi kerana ada masalah yang tertentu di dalam negara ini, kita mesti terus ada keluaran beras secara strategik. Walau bagaimanapun, kita mestilah mempertingkatkan usaha untuk mengurangkan kos pengeluaran dan dasar untuk menangani masalah subsidi dan sebagainya.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya bagi Tanah Merah.

4.50 ptg.

Tuan Saupi bin Daud [Tanah Merah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam soal lambakan beras ini juga, kita lihat dari segi penguasaan yang penting, yang diperkatakan oleh pihak kerajaan sendiri di mana kalau kita lihat, pengawalan padi adalah terletak pada Kementerian Pertanian manakala kawalan beras terletak pada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna. Selain daripada itu, kedudukan padi juga dari segi mutu kalau dibandingkan padi tempatan ataupun beras tempatan adalah lebih jauh kualitinya kalau dibandingkan dengan beras yang diimport daripada Thailand.

Di sini juga berlakunya penyeludupan yang kita lihat begitu ketara yang menyebabkan tersadainya 300,000 tan padi yang berlaku baru-baru ini. Daripada akibat ini juga, kita lihat kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri dan juga Timbalan Perdana Menteri bahawa kualiti beras dan juga harga beras yang begitu mahal di Malaysia ini kalau dibandingkan dengan di Thailand dengan harga 60 sen hingga 70 sen se kilo ataupun di Vietnam dengan harga 70 sen hingga 80 sen se kilo adalah jauh lebih murah daripada beras tempatan yang berharga mungkin RM1.60 sen se kilo.

Di sini, dari segi penguasaan, kita lihat masalah yang dihadapi ialah penguasaan di mana pengilang-pengilang sendiri telah membawa masuk beras daripada Thailand dengan menggunakan jenama tempatan dan mereka seolah-olah menukar plastik sahaja, menukar beg sahaja. Di sinilah, pihak pengilang telah mendapat juga subsidi harga padi daripada pihak kerajaan.

Yang kedua, kita lihat bahawa dari segi penyeludupan, ini berlaku, di mana dianggapkan bahawa negeri Kelantan adalah di antara negeri-negeri yang terlibat dengan penyeludupan ini dan kita tahu bahawa pintu masuk beras-beras ini sama ada daripada Pengkalan Kubor ataupun daripada Rantau Panjang. Yang anehnya ialah penguatkuasaan yang dibuat oleh pihak-pihak berkenaan adalah tidak memuaskan. Mereka mengadakan sekatan jalan raya dan kita tahu kalau siapa sahaja yang pergi berkunjung ke Kelantan, melawat kawasan Pengkalan Kubor atau Rantau Panjang, bas-bas ekspres yang membawa pelancong-pelancong yang ada dua kampil beras, satu kampil beras yang dirampas. Begitu juga dengan motosikal yang membawa dua kampil beras ataupun kereta orang-orang awam yang mempunyai lebih daripada dua kampil beras yang akan dirampas....

Tuan Mohamad bin Sabu: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Kuala Kedah berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan? Sila, ya.

Tuan Mohamad bin Sabu: Adakah lambakan beras ini berlaku kerana orang pergi Rantau Panjang atau sebelah sana beli se kilo, dua kilo itu ataupun kerana permit kepada BERNAS ini dan permit ini, kepada individu import beras ini, mereka beri ini kepada siapa? Adakah kepada orang-orang UMNO? Minta diperjelas [Dewan gama]

Tuan Saupi bin Daud: Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Kedah. Lambakan saya rasa, Yang Berhormat bagi Pokok Sena sudah menjelaskan tadi. Lambakan ini adalah hasil daripada tindakan BERNAS dan tidak timbul soal orang-orang awam yang telah membawa, cuma semata-mata untuk menikmati beras Siam apabila pergi ke negeri-negeri sempadan untuk menikmati harga beras yang murah dan juga kualiti beras yang baik. Jadi, ini tidak betul. Kalau kerajaan merampas dua kampil beras daripada orang awam, sedangkan berlori-lori yang dibawa masuk secara penyeludupan ini dibiarkan dan kita tahu bahawa pihak yang dimaksudkan tadi, pihak-pihak tertentu telah pun diberi kebenaran untuk membuat perkara-perkara ini, membawa beras ini secara berleluasa dan inilah akibat daripadanya.

Saya juga ingin menyentuh sedikit lagi iaitu apabila disebut kualiti beras di negara Siam, mengapa kualitinya lebih baik sedangkan kita tahu bahawa kerajaan Malaysia sendiri telah mengeluarkan baja cap *Dacing* kepada petani-petani ataupun penanam-penanam padi tetapi, yang saya tahu, yang baja cap *Dacing* ini telah diberi kuasa kepada PPM untuk diberi kepada orang-orang UMNO sahaja dalam bab ini. [Ketawa]. Baja ini juga diseludup ke negara Thai.

Beberapa Ahli: Betul.

Tuan Saupi bin Daud: Dijual ke negara Thai. Adakah kualiti beras di Thai itu baik ataupun harganya baik kerana mendapat perkhidmatan daripada baja cap *Dacing* yang dibawa ke sana? Saya..... [Disorak]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, ya, jangan kacau Yang Berhormat.

Tuan Saupi bin Daud: Tuan Yang di-Pertua, benda ini saya cabarlah pihak-pihak tertentu, benda ini telah menjadi kes polis dan masih lagi di dalam penyiasatan di mana seseorang PPM yang terlibat membawa beras, bukan sahaja membawa baja cap *Dacing* ini ke Seberang Thailand tetapi sampai beribu-ribu kampil. Ini yang kita ingin tahu. Masalahnya dihadapi oleh petani-petani yang terlibat. Jadi, saya..... [Disampuk]

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, seorang lagi. Masa ada empat minit lagi. Parit Buntar.

4.55 ptg.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali [Parit Buntar]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi dan Yang Berhormat bagi Tanah Merah, saya rasa ini adalah di antara

perkaraperkara yang menyebabkan berlakunya pelambakan. Tidak lain dan tidak bukan ialah kerana ada institusi namanya BERNAS, tidak lain dan tidak bukan kerana *inefficiency* nya BERNAS, tidak lain dan tidak bukan kerana *ineffectiveness* nya BERNAS, tidak lain dan tidak bukan kerana sistem *machinery*, jentera yang kononnya ingin membantu petani-petani yang namanya pesawah-pesawah, tidak mampu menangani masalah tahunan sebenarnya yang menimpa petani-petani ini.

Sebagai yang mewakili petani-petani di Kerian ini, kira-kira 130,000 orang pesawah-pesawah padi yang ada di Malaysia ini mereka berkehendakkan sebenarnya pembelaan daripada pihak kerajaan, pembelaan daripada pihak Kementerian Pertanian tetapi setelah mereka menunggu hampir 44 tahun merdeka ini masih mereka dapati tidak ada lagi nampaknya pembinaan-pembinaan, pembangunan-pembangunan yang boleh dapat menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Dia begitulah. Dia kalau cacing kepanasan dia memang begitu. [*Tepuk*] Saya tidak bagi, saya tidak bagi. *Come on* lah, kita tinggal dua minit lagi. Allah. Gunakan *common sense* lah. Tinggal dua minit lagi, *how could I give you*.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Yang Berhormat Menteri jawab nanti. Bagi Yang Berhormat Menteri jawab dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya harap hati yang panas, sabar-sabarlah.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya ingin menyebutkan Tuan Yang di-Pertua, kalau kita bandingkan *performance* prestasi di antara Malaysia dengan negara jiran yang paling hampir, Thailand, dalam beberapa hal kita tertinggal jauh di belakang jika dibandingkan dengan Thailand. [*Ketawa*] Apa yang kita hendak katakan ialah tentang komitmen kepada dasar, komitmen kepada kita menyelamatkan, komitmen kita kena membantu petani-petani yang namanya pesawah-pesawah ini, kita nampak bahawa komitmen itu makin hari, makin hari, makin hari makin berkurangan sebab tanah-tanah padi sedang diusahakan untuk dijadikan tanah-tanah industri, tanah-tanah untuk dijadikan *mixed-development* di kawasan itu. Akhirnya tanah-tanah untuk pertanian – sawah padi makin lama makin kecil, makin lama makin kecil, makin lama makin kecil.

Selain daripada itu saya hendak menanyakan pihak kementerian, kalau kita lihat tentang R&D, misalnya yang dilakukan di Thailand dengan yang dilakukan di Malaysia. Kita difahamkan MARDI adalah di antara agensi yang telah diberikan, paling tidaknya, tugas utama untuk melakukan R&D – *research and development*, untuk memajukan hasil pertanian yang dikeluarkan oleh pesawah-pesawah. Saya hendak tahu berapa orang sebenarnya penyelidik-penyelidik di MARDI yang dikhususkan untuk menyelidik hal mengenai padi dan beras – padi terutamanya, berapa orang yang ada *Ph.D*, berapa orang yang ada *Master's degree*, berapa orang yang dilabelkan betul-betul sebagai *a full-fledged researchers*.

Saya hendak kalau dapat dibandingkan, sudah tentu kementerian ada butir-butir untuk dibandingkan dengan Thailand, untuk dibandingkan dengan Filipina, untuk dibandingkan dengan negara-negara lain. Dan sebab itu akibat daripada R&D yang lemah ini, kalau begitu kita lihat pengeluaran padi di Malaysia ini, kita hanya menyamai pengeluaran padi dengan Bangladesh. Bangladesh - 2.9 tan bagi satu hektar; Malaysia – 2.9 tan bagi satu hektar sementara Vietnam – 4.1 tan bagi satu hektar; kemudian Jepun – 6.4 tan bagi satu hektar; dan kalau kita tengok di Australia – 10.1 tan bagi satu hektar.

Kalau dibandingkan negara yang lebih mundur daripada kita pun pengeluaran mereka lebih baik daripada Malaysia; membayangkan komitmen kerajaan, komitmen kementerian, komitmen kita tentang khasnya pengeluaran padi dan beras ini jika dibandingkan dengan negara-negara lain, khususnya negara Thailand, kita tertinggal di belakang. Saya hendak mengaitkan ini ialah oleh kerana Thailand maju di depan, kita import, oleh kerana Thailand maju di depan, ada orang menyeludup sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena tadi. Inilah yang berlaku.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat sila berhenti. Masa sudah cukup Yang Berhormat. Masa sudah cukup Yang Berhormat.

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: Saya nampak dengan pelambakan beras ini kita dapati ada kemungkinan besar Malaysia masih boleh untuk mencapai status *self-sufficiency* yang sangat diperlukan bagi negara mengeluarkan padinya sendiri dengan kadar yang mencukupi untuk keperluan negara dan pengeluaran rakyat, dan khususnya pada masa-masa *emergency* yang akan datang ini perlu sangat mewujudkan *stockpile* yang benar-benar mencukupi untuk keperluan negara.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Arau.

5.00 ptg.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin [Arau]: Kita tahu bahawa komoditi padi adalah komoditi yang sentiasa dilindungi oleh kerajaan daripada dahulu, kini dan selamanya. Kerajaan memang dalam usaha-usaha untuk menjaga petani-petani di kawasan padi telah pun membela nasib petani sejak daripada tahun 70-an lagi. Agensi-agensi kerajaan dibuat untuk menjaga pembangunan dan juga teknologi dari segi tanaman padi, begitu juga dari segi R&D kita ada MARDI, dari segi pinjaman ada Bank Pertanian dan juga pemasaran oleh LPN. Ini adalah komoditi yang dijaga oleh kerajaan dengan *complete circle*, dengan izin, di mana perusahaan ini dilindungi oleh kerajaan sepenuhnya

Tuan Yang di-Pertua, tadi saya mendengar beberapa Yang Berhormat daripada pembangkang mempersoalkan soal lambakan yang berlaku di negara kita. Saya hendak mengingatkan kepada mereka – kalau mereka tidak mempunyai maklumat yang tepat jangan bercakap – bimbang mereka diperalatkan oleh orang-orang yang berkepentingan [*Tepuk*] kerana dalam soal belian padi dan juga dalam soal perniagaan beras, ini adalah soal perniagaan yang ada pihak yang ingin mendapat keuntungan dan ada pihak yang ingin mendapatkan kuota yang lebih di dalam perniagaan ini. Jangan kita sebagai Ahli Parlimen diperalatkan untuk kepentingan dan juga untuk tujuan kepentingan perniagaan mereka.

Tuan Mohamad bin Sabu: [Menyampuk]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, tadi disebutkan bahawa anak syarikat BERNAS diberikan oleh BERNAS dengan harga yang murah, bekalan beras dengan harga yang murah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Terasa panas Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sebenarnya sebagai sebuah badan perniagaan, saya rasa adalah wajar bagi BERNAS untuk memberikan harga yang agak murah kepada anak syarikat dan kita juga perlu tahu bahawa dalam perniagaan beras di negara kita BERNAS tidak menguasai 100% - cuma dalam 30%, ya Yang Berhormat Parit Sulong; 28% sahaja dikuasai oleh BERNAS. Maknanya masih ada lagi 72% dikuasai oleh peniaga-peniaga luar. Jadi jangan kita diperalatkan oleh pihak luar dalam kita membahaskan soal ini [*Tepuk*]

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, tadi disebutkan BERNAS mengimport beras dan juga BERNAS menjual dengan harga yang murah. Ini tidak tepat sama sekali kerana BERNAS memang diberi kepercayaan oleh kerajaan untuk mengimport beras kerana selama ini sebelum BERNAS – LPN, adalah satu agensi kerajaan yang telah pun bekerja dan menentukan supaya komoditi padi ini mendapat pasaran yang baik dan petani-petani terbela. BERNAS adalah *the last resort* untuk petani-petani menjual hasil mereka walaupun hasil mereka tidak begitu baik, walaupun padi mereka terendam, rosak dan sebagainya BERNAS akan terus membeli.

Hari ini walaupun BERNAS telah diwujudkan sebagai sebuah badan swasta tetapi BERNAS masih berperanan untuk membela petani-petani. Ini kita semua harus maklum dan saya sedih kerana bagaimana pemimpin-pemimpin daripada parti pembangkang melihat BERNAS ini sebagai kambing hitam. Sebenarnya BERNASlah yang membela petani-petani kita selama ini. [*Tepuk*] BERNAS tidak menjual beras dengan harga yang lebih murah. BERNAS menjual beras import dengan harga

RM1,600 satu metrik tan. Pada hal penyeludup-penyeludup hari ini menjual beras dengan harga separuh daripada harga itu – RM650 hingga RM700.

Yang menjadi masalah pada kita ialah penyeludupan. Penyeludupan berlaku bukan sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat bagi Parit Buntar tadi mengatakan bahawa oleh kerana kita tidak mengeluarkan sepenuhnya beras maka berlaku penyeludupan. Tetapi kita harus sedar bahawa polisi kita, kita cuma menyediakan makanan negara kita 70%, 30% diimport. Dan untuk mengimport ni kerajaan memberikan kuasa ataupun memberikan kebenaran kepada BERNAS sahaja untuk mengimport dengan kawalan kerajaan.

Jadi tidak benar kalau mengatakan bahawa BERNAS menjual dengan harga yang murah dan juga tidak benar sama sekali kalau menyebut BERNAS menyeludup kerana keuntungan BERNAS yang saya tahu adalah daripada beras import – BERNAS tidak untung daripada beras tempatan. Bagaimana BERNAS hendak menyeludup beras daripada luar negara ke dalam negara? Ini adalah fakta-fakta yang amat malang bagi pemimpin-pemimpin yang berada di dalam Dewan ini dapat fakta yang tidak tepat

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi persoalannya – persoalan penyeludupan. Saya daripada Perlis, Pokok Sena daripada Kedah, Kuala Kedah daripada Kedah; kita ini daripada sana. Maknanya kalau penyeludupan datang daripada Bukit Kayu Hitam, daripada Padang Besar akan menjejaskan kita.

Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Rompin berdiri, Yang Berhormat.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Persoalannya sekarang ini penyeludupan berlaku daripada Kelantan. Minta maaf. Tidak ada masa. *[Ketawa]* Penyeludupan daripada Kelantan. Saya dalam persidangan yang lalu membangkitkan persoalan ini. Kenapa hari ini penyeludupan begitu banyak masuk melalui Negeri Kelantan? Saya hendak tanya kepada parti pembangkang. Sekarang Kelantan diperintah oleh pembangkang *[Tepuk]* pada hal kenapa penyeludupan tidak berlaku di negeri Perlis dan juga negeri Kedah? Kenapa dalam angka yang disebutkan tadi angkanya begitu besar di Kelantan? Apakah tanggungjawab Kerajaan Negeri Kelantan dalam menentukan supaya nasib peladang terbela?

Tuan Mohamad bin Sabu: *[Bangun]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Bangun]*

Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed: *[Bangun]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Duduk, Yang Berhormat. Bagaimana Kerajaan Negeri Kelantan hendak menentukan bahawa petani-petani, penanam-penanam padi yang juga ramai di Kelantan terbela? *[Dewan riuh]*

Seorang Ahli: Fakta tidak betul ini!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Itu fakta yang betul. Penyeludupan banyak di Kelantan. Saya hendak persoalkan Kerajaan Negeri Kelantan. Apa peranan Kerajaan Negeri Kelantan untuk pastikan supaya penyeludupan tidak berlaku di Kelantan. Kita Kerajaan Negeri Perlis kita pastikan; kita bekerjasama. *[Dewan riuh]*

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kerajaan Kelantan baru betul. *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Sebagai sebuah kerajaan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: ...ini tidak boleh pakailah. ini bukan standard Dewanlah ... *[Bercakap tanpa pembesar suara]* *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat bagi Pokok Sena, duduklah. Ini bukan pasar, Yang Berhormat bagi Pokok Sena, duduklah! Kalau Yang Berhormat tidak menghormati Dewan, siapa lagi?

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah jadi kerajaan tetapi tidak tahu kuasa yang ada, tidak tahu untuk mentadbir, tidak tahu untuk memerintah, serah balik kepada Kerajaan Barisan Nasional. *[Tepuk]*

Tuan Mohamad bin Sabu: Annuar Musa!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kuala Kedah!

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, tidak banyak Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Kalau panas pun diam-diam Yang Berhormat, jangan menjerit begitu.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak beri satu lagi pandangan dalam soal ini.

Beberapa Ahli: [*Riuh*]

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Berkenaan dengan pengilang-pengilang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk.

Puan Hajah Mastika Junaidah binti Husin: Saya memang mengakui bahawa pengilang-pengilang memainkan peranan dan juga mereka memang dalam soal industri padi ini, pengilang-pengilang adalah merupakan pihak-pihak yang penting. Tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat harus tahu, Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP ini bukan daripada kawasan komuniti padi. Pengilang-pengilang adalah peniaga-peniaga, mereka hendakkan bekalan dalam musim ini di mana musim ini adalah bekalan yang terbaik, di musim kering dan mereka juga kalau boleh hendakkan dapatkan bekalan dalam harga yang begitu rendah.

Inilah sekarang ini kemelut yang berlaku dan saya minta kementerian turun ke bawah berjumpa dengan persatuan-persatuan peladang, dengan rakyat terangkan apa sebenarnya perkara yang berlaku jika tidak ada pihak yang akan mengambil kesempatan untuk membeli padi yang akan dituai nanti dengan harga yang rendah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, saya beri Beluran dahulu.

Beberapa Ahli: [*Menyampuk*]

5.07 ptg.

Tuan Ronald Kiandee [Beluran]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Diamlah. [*Disampuk*]Tuan Yang di-Pertua, Usul ini mempunyai satu niat yang tersirat ...

Seorang Ahli: Ayam pun makan beras!

Tuan Ronald Kiandee:iaitu untuk meraih *political mileage*, seolah-olah merekalah pejuang kepada petani-petani Melayu seramai 160,000 orang di Semenanjung ini. Seolah-olah mereka sahaja yang memperjuangkan tentang masalah beras dan padi di negara kita. Usul ini membayangkan seolah-olah isu padi dan beras tidak ditangani oleh kerajaan, tidak ditangani, tidak dibantu oleh kerajaan

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Peraturan Mesyuarat berapa Yang Berhormat? Peraturan Mesyuarat berapa?

Tuan Ronald Kiandee: Sedangkan hakikatnya kerajaan memberi pemberian subsidi sebanyak lebih daripada RM600 juta setahun untuk membantu petani dan juga penanam-penanam padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah! Sebab pihak Yang Berhormat bercakap tadi pun begitu juga, banyak keluar. Duduklah Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat yang ke berapa?

Tuan Ronald Kiandee: Perkara lain tidak ada, negara lain tidak ada memberi subsidi yang begini kepada penanam-penanam padi. [*Disampuk*] Usul ini seolah-olah kerajaan tidak membela nasib petani, Usul ini membayangkan seolah-oleh kerajaan tidak menilai penghargaan, tidak menghargai sumbangan yang diberi oleh petani.

Tuan Yang di-Pertua, Usul ini seolah-olah membayangkan bahawa Bernas tidak melakukan tanggungjawab sosial mereka. Kenyataan bahawa sebanyak RM40 juta akan dibelanjakan oleh Bernas untuk membantu petani-petani ini tidak diindahkan oleh Usul ini. Seolah-olah Bernas tidak memberi bantuan sebanyak RM200 hingga RM250 setan metrik kepada petani-petani dan penanam-penanam padi.

Tuan Yang di-Pertua, hakikatnya, punca utama lambakan beras ini adalah disebabkan oleh penyeludupan

Tuan Husam bin Haji Musa: Peraturan Mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat Yang Berhormat. Ya, sila duduk. Ya, apa

Tuan Husam bin Haji Musa: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat yang sedang bercakap

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanya saya, Peraturan Mesyuarat, tidak kena mengena dengan orang yang bercakap.

Tuan Husam bin Haji Musa: 35(6), saya hendak terangkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, Peraturan Mesyuarat hak saya.

Tuan Husam bin Haji Musa: Ya, biar saya terangkan sekarang. 35(6), saya sudah cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Apa dia Peraturan Mesyuarat itu?

Tuan Husam bin Haji Musa: Berkenaan dengan kepentingan. Beliau adalah ahli lembaga pengarah Bernas, adakah benar ataupun tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila duduk. Ya, kalau begitu isytiharkan tidak ada berkaitan. Ya. Itu sahajalah. Tidak ada kepentingan Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Saya cuma menjadi ahli pengarah kepada salah satu anak syarikat Bernas, tiada kepentingan Tuan Yang di-Pertua. *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, sila, sila. Duduklah Yang Berhormat. Duduklah, saya sudah beri keputusan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Kepentingan, kalau tuduh kami ada kepentingan yang pengilang-pengilang

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, duduk.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua,

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena duduk. Jangan cakap macam ini Pokok Sena.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Pokok Sena.

Tuan Ronald Kiandee: Tidak ada kena mengena. Kita cakap yang betul. Kelantan merupakan negeri yang banyak smuggling dilakukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Dianggarkan lebih kurang 300,860 metrik tan diseludup di negeri Kelantan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, jangan bercakap macam itulah.

Tuan Ronald Kiandee: Apa yang mengganggu ini, tadi you ada masa tadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Yang Berhormat ya.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, Kelantan merupakan negeri yang paling banyak menyeludup beras.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat sudah isytihar tidak ada kepentingan? Cuba isytihar Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Saya sudah isytihar dah, ahli lembaga pengarah salah satu anak syarikat Bernas yang kecil, tidak ada kena mengena dengan isu ini.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya sebut anak syarikat

Tuan Ronald Kiandee: Tidak ada kepentingan peribadi. Saya tidak ada kepentingan peribadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia tidak ada kepentingan Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Bercakap untuk kepentingan Bernas sedangkan Bernas adalah penghisap darah rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah Yang Berhormat. Ia hanya membuat penjelasan. Duduk, duduk Yang Berhormat.

Tuan Ronald Kiandee: Saya tidak ada saham, tidak ada kepentingan peribadi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduk Yang Berhormat. Boleh Yang Berhormat, ia mesti mengisytiharkan dia tidak ada kepentingan.

Seorang Ahli: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak ada kepentingan wang sebagai ahli lembaga pengarah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tidak ada Yang Berhormat, ini dia membahaskan Usul mengenai dengan lambakan beras. Ya, sila duduk Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Tidak ada Yang Berhormat, kecuali kalau dia mengatakan mengenai syarikat-syarikat yang tertentu yang dapat untung.

Seorang Ahli: Membuang masa ini.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tidak ada bukti.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ini keputusan saya Yang Berhormat. Jangan berhujah begitu Yang Berhormat, saya sudah buat keputusan.

Tuan Ronald Kiandee: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin teruskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Duduklah! Duduk Yang Berhormat. Duduklah, tidak macam mana saya hendak buat keputusan. Tidaklah saya macam mana hendak buat keputusan kalau awak tidak hendak duduk. Duduklah. Duduk! Duduk Yang Berhormat sebelum saya membuat sesuatu, sila duduk Yang Berhormat. Ha, sila Beluran. Sudah habiskah Beluran? Baiklah, sila Parit Sulong.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Itu hak dia Yang Berhormat, hak sayalah. Ya, sila.

5.13 ptg.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad [Parit Sulong]: Tuan Yang di-Pertua, saya harap di hari baik, bulan baik ini, kita cari kejernihan. Jangan kita cuba keruhkan hakikat yang sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Teruskan Parit Sulong.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, hakikat yang sebenarnya, saya pernah berkhidmat sebagai Pengerusi Bernas yang pertama, setelah Bernas dikorporasikan. Bernas bukan diwujudkan untuk menambah ketidakcekapan sebagaimana yang dituduh oleh Parit Buntar. Itu tuduhan melulu. Bernas diwujudkan untuk menambahkan *efficiency* soal management pembelian padi dan pengedaran beras di seluruh negara. Itu hakikatnya Bernas.

Bernas menguasai pasaran jualan beras hanya 28% dan 72% lagi masih lagi dikuasai oleh individu-individu syarikat-syarikat swasta. Jadi, kalau ada manipulasi harga, adakah yang 28% yang menguasai manipulasi ataupun yang 72% yang menggunakan manipulasi. Ini persoalannya! Kalau yang 72% itulah yang memanipulasikan, maka sebab itu di Kelantan jumlah beras besar yang diseludup adalah lebih besar dari seluruh negeri lain, ini hakikatnya Jangan...*[Disampuk]* Dato' Pengerusi kalau kita hendak mencari kejernihan demi nama petani yang dikatakan sedang menghadapi kesusahan, kita terima hakikat, janganlah Pokok Sena cuba memanipulasikan keadaan. Saya tahu orang rumah Yang Berhormat bekerja dengan Bernas, pun ada kepentingan *[Dewan riuh]*

Beberapa Ahli: Ada kepentingan!

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Nanti Yang Berhormat hendak bagi jalan tak, nantilah dahulu takkan hendak menjawab macam itu terus.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tetapi dalam hal ini ...

Tuan Mahfuz Haji Omar : Dia dah berhenti dengan Bernaslah....

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Minta maaf dah berhenti tak apalah, dah berhenti ok, dah berhenti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Okey, okey... .

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Bekas pekerja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Dia dah beritahu, dia dah berhenti bekerja.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Tak ada kepentingan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, dia sudah tahu. Sila duduk Pokok Sena.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tak tahulah. Jadi itu hakikatnya, seharusnya kita berterima kasih dengan apa yang hendak dilaksanakan oleh Bernas. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tanjung Karang berdiri Yang Berhormat, bagi jalan? Dia tak bagi jalan.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Kita harus berterima kasih oleh kerana pada pasaran yang dikuasai oleh Bernas hanya 15%, sekarang meningkat kepada 28% dan insya Allah akan meningkat lebih besar. Apabila pasaran itu boleh dikuasai maka manipulasi harga boleh dikawal dan pihak kerajaan akan bergantung kepada Bernas. Itu hakikatnya Jalan kita cuba menimbulkan keadaan kekeliruan mengatakan Bernas tidak betul, sedangkan banyak swasta yang hari bermain dengan padi dan beras mereka itulah yang memainkan peranan memanipulasi harga. Jadi, harap orang seperti Yang Berhormat bagi Parit Buntar jangan kita kelirukan hakikat. Saya sebut sekali lagi, Yang Berhormat menyebut perkara itu pada hari baik dan bulan baik. Saya harap tarik balik sekiranya tidak betul. Ini hakikatnya sebagai pengerusi yang pertama, saya tahu apa hakikatnya...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ada yang berdiri Yang Berhormat, hendak bagi jalan, ya sila..

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Ya, terima kasih Yang Berhormat, saya hendak minta pendapatan Yang Berhormat, selain daripada penyeludupan adakah Yang Berhormat bersetuju yang disebabkan lambakan padi ini ialah padi ini masak

serentak. Di Selangor pun masak, di Perak pun masak, di Kedah pun masak dan di Tanjung Karang, Yang Berhormat Parit Buntar dia tidak tahu sebab dia jarang balik kawasan. Di Tanjung Karang, saya sebagai Wakil Rakyat Tanjung Karang ingin mengucapkan terima kasih kepada Bernas kerana di Tanjung Karang apabila masalah lambakan padi ini berlaku maka Bernas sahaja yang tampil ke depan sanggup membeli dengan RM600 per metrik tan. Di mana pihak swasta, Yang Berhormat Parit Buntar dulu merupakan seorang jaguh mempertahankan swasta sampai sanggup berkumpul dengan masyarakat Cina di Sekinchan, w aktu pihak swasta ...

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat ...

Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali: [Bangun]

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Bagilah saya cakap saya tahu undang-undang. Duduklah!

Tuan Haji Mahfuz Haji Omar: Dia panas...dia panas....panas

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya hendak tanya pendapat sekarang ini apabila keadaan ini berlaku di mana pergi pihak swasta. Di Tanjung Karang Yang Berhormat, pihak swasta sudah tak mampu hendak membeli beras. [Disampuk] Jadi, sebab itu bila keadaan masalah berlaku swasta melarikan diri, Bernaslah yang tampil ke depan membela nasib petani. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Bernas.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih Pengerusi, hakikatnya adalah, dalam keadaan hari ini Dato' Pengerusi Bernas memang bayar *last resort*. Contohnya sehingga bulan Oktober 2001, Bernas membeli sejumlah 499,258 metrik tan beras, Bernas sahaja, sedangkan swasta hanya membeli 713,690 mereka menguasai 72% pasaran, kenapa membeli sedikit kalau tidak menyeludup, kenapa dia menguasai pasaran 72% tetapi beli beras tempatan cuma 713,690 tan. Bernas menguasai 28% membeli beras 499,258 tan tidak termasuk Syarikat SPB 219,852 tan. Jadi hakikatnya pihak swasta yang membeli kurang dari syarikat tempatan inilah yang terlibat dengan penyeludupan dan inilah sebabnya beras tempatan tidak bergerak. Itulah sebabnya lambakan, jangan kita menuduh melulu. Saya minta Pokok Sena jangan tuduh melulu dan saya minta Parit Buntar jangan tuduh melulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya Yang Berhormat ..

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Sekali lagi....saya tak bagi jalan.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Saya pun ada bukti.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Saya tak bagi jalan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, dia tak bagi jalan Yang Berhormat, sila duduk, Pokok Sena sila duduk.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, pada hakikatnya....

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Dia buat tuduhan melulu, saya ada bukti ..

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Tak apalah dia buat tuduhan, jawab ketika yang lain Yang Berhormat.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Tak tahu adatkah.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Di zaman Parit Sulong jadi Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Parit Sulong sudah habis, saya hendak minta Menteri menjawab. Tak cukup masa.

Dato' Dr. Jamaluddin bin Mohd Jarjis: Tuan Pengerusi, saya hendak minta pandangan Parit Sulong macam ada tokoh-tokoh yang tertentu membela penyeludup-penyeludup ini, siapa mereka hendak tanya.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tak mahu mengatakan tetapi mengapakah tiba-tiba mereka menjadikan soal beras ini sebagai satu soal politik, adakah mereka sudah kehausan isu politik ataupun mereka sengaja mahu menutup soal penyeludupan yang dilakukan oleh orang-orang mereka. Dato' Pengerusi itulah hakikatnya dan saya menyokong dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Saya minta menjawab.

Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar: Terima kasih. Dia sokong usul saya. [Dewan riuh]

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: Saya tak sokong, minta maaf.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Dia tidak sokong Yang Berhormat, tak apa.... Ya, Menteri sila jawab. [Ketawa] [Dewan riuh]

5.25 ptg.

Menteri Pertanian [Datuk Effendi Norwawi]: Tuan Yang di-Pertua, Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih atas semua pandangan yang telah dikemukakan. Pandangan yang baik-baik saya akan bawa ke Kementerian, kita akan kaji dan kita akan susuli. [Tepuk]

Untuk makluman Dewan yang mulia ini sukacita dimaklumkan pada lazimnya stok padi di kemuncak musim menuai di seluruh negara adalah kira-kira 600,000 tan metrik. Bagi makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat, musim menuai di Selangor dan Perak telah mula sejak bulan November yang lalu manakala penuaian padi di Kedah di jangka bermula pada pertengahan bulan Disember.

Sebagaimana Yang Berhormat-Yang Berhormat sedia maklum, stok padi seluruh negara pada masa kini adalah hanya 300,000 tan metrik yang mana kira-kira 160,000 tan metrik tan terdapat di kilang-kilang di Negeri Kedah. Jadi, jika dibanding dengan jumlah 120,000 tan metrik pada bulan November yang lalu, stok padi di peringkat kilang di Kedah adalah lebih tinggi pada masa ini iaitu perbezaan sebanyak 30%. Walau pun demikian, saya ingin menyatakan di sini yang isu lambakan padi sebenarnya tidak berlaku di peringkat negara kerana keadaan demikian sebenarnya adalah fenomena biasa dan saya akan terangkan.

Berkaitan dengan stok beras di peringkat kilang dan pemborong pula ianya adalah serupa dengan stok pada bulan yang sama tahun 2000. Bagi Negeri Kedah yang merupakan jelapang padi utama negara, stoknya adalah tinggi pada bulan November ini berbanding dengan tahun yang lalu. Ini adalah disebabkan penjualan beras daripada kilang adalah agak perlahan disamping pemborong memang betul, enggan membeli beras pada harga RM1,250 hingga ke RM1,300 setan memandangkan mereka boleh mendapatkan beras seludup yang lebih bermutu dengan harga yang lebih murah.

Masalah ini lebih meruncing disebabkan harga beras antarabangsa masa kini adalah yang terendah bagi tempoh lima tahun kebelakangan dan pemborong boleh memperolehi bekalan beras seludup pada harga RM1,100 hingga RM1,250 setan metrik. Selain dari itu, BERNAS yang terpaksa membeli lebih banyak padi di Selangor dan Perak pada musim ini telah memindahkan bekalan padinya ke Negeri Kedah disebabkan kilangnya di negeri-negeri tersebut hampir penuh.

Kerajaan amat prihatin dengan keresahan yang dihadapi oleh petani dan semua pihak yang terlibat dalam industri padi dan beras serta memahami stok di kilang pada masa ini adalah tinggi. Kilang-kilang sukar untuk memasarkan beras tempatan kerana perlu bersaing dengan beras seludup yang lebih murah dan bermutu. Oleh yang demikian, usaha-usaha berikut bagi mengatasi masalah tersebut sedang diambil melalui peningkatan penguatkuasaan untuk membanteras kemasukan dan pengedaran beras seludup:

- membekukan pengeluaran lesen borong beras yang baru
- mengetatkan pengeluaran permit pemindahan beras antara negeri terutamanya dari negeri-negeri yang bersempadan dengan Thailand; dan
- mengawal pengeluaran permit import bahan-bahan sampingan beras.

Di samping itu, Kementerian Pertanian telah mengambil alih pengeluaran dan pembaharuan semua lesen dan permit padi/beras dan bahan-bahan sampingan beras. Selain itu, kerajaan akan bertindak dengan lebih tegas terhadap pihak-pihak yang

terlibat dengan penyeludupan melalui tindakan undang-undang sedia ada serta menawarkan ganjaran kepada pembekal-pembekal maklumat.

Datuk Effendi Norwawi: Di samping itu, pemborong-pemborong juga disyaratkan untuk mengemukakan laporan berkala berkaitan dengan aktiviti jual beli beras kepada Kementerian sebagaimana yang dikenakan kepada pengilang-pengilang pada masa ini. Bagi penjualan padi pula, kerajaan akan memastikan BERNAS sebagai pembeli terakhir akan membeli padi pesawah-pesawah sekiranya pengilang-pengilang yang lain enggan berbuat demikian. Walau bagaimanapun, pada masa ini krisis lambakan padi belum sampai ke peringkat yang kritikal yang mana memerlukan BERNAS membeli semua padi daripada pesawah. Sekiranya langkah-langkah tersebut yang saya sebutkan di atas dilaksanakan dengan lancar, Kementerian kami percaya masalah ini akan dapat diatasi dalam tempoh terdekat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, hendak bertanya atau penjelasan? Ya, sila, sila. Ya, boleh Menteri, satu pertanyaan?

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar: Ini bukan Sarawak sama Sarawak. Ia tidak ada jelapang padi.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Menteri, Ya.

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Saya hendak bertanya ini kerana beberapa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Satu, tentang cadangan supaya kerajaan mengambil alih BERNAS kerana kononnya BERNAS ini tidak begitu berkesan.

Sebenarnya, kalau mereka melihat perkara ini dengan pemikiran yang terbuka dia tidak berkata demikian. Oleh kerana BERNAS kalau kita lihat merupakan satu badan penswastan LPN dulu – Lembaga Padi dan Beras Negara. Apabila BERNAS mengambil alih Lembaga Padi dan Beras Negara, didapati tidak begitu berkesan pada masa itu. Ianya menanggung begitu banyak liabiliti termasuklah.....

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Soalnya Yang Berhormat, soalnya ya.

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Lepas itu saya hendak tanya. Jadi saya hendak tanya, biar saya tanya, adakah Yang Berhormat Menteri sedar? Kalau sedar, adakah ini boleh digunakan sebagai jawapan, penjelasan kepada mereka yang bertanya? Iaitu 32 kilang yang mengandungi para pekerja lebih kurang 4,000. Staff BERNAS sekarang 4,000. Dan juga BERNAS apabila diberi monopoli untuk

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, saya minta maaf Yang Berhormat. Persoalannya, Yang Berhormat, hendak minta penjelasan apa, Yang Berhormat? Ini sudah ucapan, Yang Berhormat.

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Bukan, saya hendak memberi penerangan dan penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Okay, jadi satu daripadanya ialah soal *stock piles* yang menjadi liabiliti BERNAS sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Yang Berhormat, ya.....

Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud: Adakah Yang Berhormat Menteri sedar?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya. Hanya sedikit sahaja Menteri, kalau hendak jawab.

Datuk Effendi Norwawi: Sebentar sahaja sudahlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya.

Beberapa Ahli: [Sampuk]

Datuk Effendi Norwawi: Kita ada dasar. Kita ada Dasar Stockpile Negara di mana BERNAS diberi tanggungjawab untuk menentukan kita cukup stok beras. Dan kita pastikan supaya negara kita tidak

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Berhenti, Yang Berhormat! Masa sudah habis, Yang Berhormat.

Datuk Effendi Norwawi: ...menghadapi masalah *security* daripada kekurangan beras di negara kita. Jadi saya tidak tahu, kalau itulah jawapannya.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, masa sudah cukup Yang Berhormat! Masa sudah cukup, Yang Berhormat!

Seorang Ahli: Saya hendak minta penjelasan, di mana *stockpiles* itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Masa sudah cukup, Yang Berhormat!

Datuk Effendi Norwawi: Okay.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Minta maaf, masa sudah cukup! Semua duduk! Ya, Ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup!

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Mengenai apa Yang Berhormat? [*Ketawa*]. Benda sudah habis, masa sudah habis, Yang Berhormat. Kenyataan rasmi mengenai apa, Yang Berhormat?

Tuan Lim Hock Seng: Bukan, berkenaan hal yang lain. Sudah beres, hal itu. Sekarang saya tanya, bangkitkan peraturan 10(2) berkenaan dengan *Penyata Rasmi*. Jikalau tidak silap saya kami tidak menerima *Penyata Rasmi* sepanjang minggu. Isnin yang lepas, *Penyata Rasmi* masih belum diterima.

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Oh, sila duduk Yang Berhormat, Ya. Ahli Yang Berhormat, perbincangan kita sudah habis. Sebelum Jawatankuasa bersidang semula, *Penyata Rasmi* kita sudah beritahu dahulu, oleh kerana bulan Puasa, ada kelewatan. Kalau tidak salah ingatan saya, ada telah diumumkan dalam Dewan. Itu sahaja jawapan yang saya mampu bagilah.

Seorang Ahli: [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ha, itu saya kena semak Yang Berhormat. Tetapi ada diberitahu, kemungkinan beberapa *Penyata Rasmi* lewat kerana pekerja-pekerja tidak dapat bekerja malam sebab bulan Puasa. Itu kalau tidak salah ingatan saya. Jadi saya akan semak.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat kita dalam Jawatankuasa.

Majlis bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah] **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Tuan Pengerusi [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, B.44 dan P.44 – Kementerian Penerangan dibuka semula untuk dibahas. Ya, Tambun.

5.40 ptg.

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah [Tambun]: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya mengambil masa pendek sahaja untuk menyentuh beberapa perkara di bawah Kementerian Penerangan. Pertama, mengenai dengan Program Perkhidmatan Penyiaran yang mana antara tujuannya adalah untuk menyebarkan dasar-dasar kerajaan selaras dengan cita-cita untuk pembangunan sosioekonomi masyarakat di negara kita.

Saya ingin menyatakan bahawa adalah penting dasar-dasar kerajaan ini difahami dengan jelas oleh semua rakyat. Kita faham bahawa kunci kejayaan kepada sebuah negara adalah pertama, perpaduan negara, dan kedua, sikap proaktif semua pihak terutama dalam keadaan menghadapi krisis, kedua-dua perkara ini amat penting.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] **mempengerusikan Jawatankuasa]**

Kita dapat lihat dengan jelas walaupun tidak semua yang berlaku di negara lain itu kita terima dengan baik, tetapi dalam konteks pilihan raya di Amerika Syarikat, kita tahu bahawa dari segi pengund, terdapat perpecahan kepada hampir 50% - 50%. Tetapi apabila berhadapan dengan krisis 11 September, seluruh pemimpin dan rakyat negara tersebut bersatu dan menyokong kerajaan. Jadi, perkara ini ingin kita lihat terutama dalam kita berhadapan dengan krisis politik dan ekonomi antarabangsa.

Berkaitan dengan memahami rakyat tentang dasar kerajaan, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah peranan Menteri dalam soal untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan? Saya lihat di dalam kaca televisyen, tidak banyak menteri-menteri yang terlibat baik dalam program-program "Malaysia Hari ini", "Forum", "Bicara Petang" dan sebagainya. Saya berpendapat bahawa adalah penting Menteri sendiri terlibat untuk menerangkan dasar-dasar kerajaan atas beberapa sebab.

Pertama, sebagai pemimpin. Kedua, sebagai pembuat dasar. Adalah baik satu penjelasan mengenai dengan dasar datang daripada mulut pemimpin sendiri dan daripada pembuat dasar. Dan ketiga, tentulah oleh kerana pihak Menteri terlibat dalam membuat dasar, mereka mempunyai *legitimacy* serta *locus standi* untuk mempertahankan dasar-dasar yang telah dibuat oleh mereka.

Saya percaya dengan cara itu, dasar-dasar ini akan lebih mendapat sokongan daripada rakyat. Di samping itu, membolehkan rakyat atau penonton berinteraksi dengan Menteri dan ini akan mewujudkan keadaan hubungan yang lebih erat di antara Menteri-menteri dengan rakyat. Dan saya percaya, sekiranya ini dilakukan kita akan dapat kesan *multiplier* ke atas keinginan kita supaya dasar-dasar kerajaan difahami dengan jelas oleh rakyat.

Kedua, di bawah program perkhidmatan penerangan iaitu mengenai dengan aktiviti penerbitan yang menghasilkan bahan-bahan bercetak mengenai dasar-dasar kerajaan di dalam bentuk buku, majalah, risalah, poster dan sebagainya. Ada beberapa persoalan yang ingin saya bangkitkan:

Pertama, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian, siapakah yang sebenarnya yang mengumpul, menyusun serta menyediakan lay out untuk sesuatu percetakan tersebut? Ini melibatkan soal kualiti. Apabila kita melihat kepada buku-buku serta risalah dan majalah yang dibekalkan oleh Jabatan Penerangan, sebenarnya kita tidak begitu datang minat untuk membaca.

Saya percaya ini adalah kesan daripada bahan-bahan yang *dihighlightkan* serta cara *presentation* bahan-bahan tersebut. Saya berpendapat bahawa mereka yang terlibat dalam bidang percetakan secara profesional mempunyai kebolehan yang lebih untuk menghasilkan bahan-bahan cetakan untuk dibaca oleh rakyat.

Ini penting kita lihat dari konteks kualiti kerana ia memberi kesan kepada sejauh mana penerbitan kita dapat dinikmati serta mendatangkan kesan positif kepada negara kita berasaskan keadaan matlamat dan cita-cita kementerian tersebut.

Kedua, dari sistem penyebaran atau pun pengagihan dengan izin *'distribution'* bahan-bahan cetak tersebut, siapakah yang menyebarkannya, bagaimanakah proses serta sistem penyebaran atau pun pengagihan tersebut dan sasaran pada penyebaran dan pengagihan bahan-bahan cetak tersebut.

Pernah kita dapati bahawa buku-buku, majalah serta risalah yang disediakan masih terdapat di jabatan. Saya menganggap bahawa pengagihan atau pun peny ebaran buku, majalah dan risalah ini perlu mengikut *'timing'* tertentu. Umpamanya satu dasar diperkenalkan pada bulan Februari, pengagihan tersebut perlu dilakukan segera dan tidak disimpan di jabatan. Sekiranya disimpan lama, mahu bahan tersebut sudah menjadi lama dan tidak lagi dipandang sebagai satu yang memberi perhatian serta kepentingan kepada rakyat.

Kita dapati banyak ucapan-ucapan pemimpin-pemimpin sudah bertahun-tahun masih lagi diedarkan oleh Jabatan Penerangan seolah-olah menggambarkan kepada kita bahawa sistem pengagihan serta pengedaran bahan cetak tersebut tidak kepada peringkat yang diharapkan.

Di samping itu kita berharap pihak kementerian melakukan audit dan pemantauan ke atas sistem tersebut supaya kita dapat memastikan yang bahan-bahan cetak tersebut dapat sampai kepada rakyat berasaskan timing yang diharapkan.

Kita juga berharap bahawa selain daripada cetakan berbentuk buku, majalah, risalah dan poster pihak kementerian dapat melihat daripada sudut untuk menghasilkan dalam bentuk VCD.

Kita sedar sekarang terdapat ramai juga di kalangan rakyat kita yang mempunyai alat-alat ICT dan rakyat sudah gemar untuk memahami sesuatu bahan berasaskan kepada visual.

Perkara terakhir Dato' Pengerusi, mengenai dengan Program Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Saya ingin mendapatkan penjelasan. Melihat dari segi aktiviti antaranya adalah untuk menjalankan aktiviti ceramah, perbincangan, seminar, forum, gerak kerja dengan masyarakat dan pelajar-pelajar di IPT.

Saya melihat masalah program perkhidmatan hal ehwal khas ini daripada sudut seperti berikut Dato' Pengerusi, tadi kita mendengar ucapan daripada pembangkang yang menghentam jabatan ini sebagai satu agen untuk mempertahankan kerajaan yang ada supaya dapat mandat daripada rakyat.

Di satu pihak pula dari pandangan saya sebagai Ahli Parlimen, saya tidak nampak sebenarnya Bahagian Hal Ehwal Khas ini menjalankan peranan secara aktif dan juga secara efektif, sekurang-kurangnya di kawasan tempat saya dan di kawasan berhampiran.

Jika ini menjadi hakikat, di satu pihak, kita dihentam. Di satu pihak pula kita tidak dapat keuntungan daripada program tersebut dan akhirnya kedua-dua belah pihak kita tidak dapat apa-apa dan ini tentulah merugikan.

Jadi sehubungan dengan itu, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Pertama, siapakah yang menentukan tempat-tempat program ini hendak diadakan? Kedua, menentukan isu-isu untuk dibincangkan. Ketiga, dari segi mereka yang terlibat dari segi kepakaran mereka kerana dari apa yang saya lihat ialah individu-individu yang terlibat memberi ceramah biasanya melibatkan individu yang tidak ditukar-tukar.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Masa dah cukup.

Tuan Lim Hock Seng: [Bangun]

Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah: Kalau di negeri Perak itu ada seorang itu. Di mana-mana pun dia juga pergi dan setelah beberapa tahun dia menjalankan tugas tersebut, orang sudah menjadi bosan dan jemu dengan beliau.

Saya mohon menyokong.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Bagan dan selepas Yang Berhormat Bagan, Timbalan Menteri boleh menjawab. Sila Yang Berhormat Bagan.

Tuan Lim Hock Seng: Terima kasih Dato' Pengerusi. Butiran 010000 – Khidmat Sokongan.

Dato' Pengerusi, saya ada mengemukakan satu pertanyaan lisan mengenai tugas Menteri. Soalan saya ialah menyelesaikan apakah peranan beliau dalam jawatan kerajaan memandangkan beliau menghabiskan masa beliau dalam urusan parti UMNO atau Barisan Nasional khususnya.

Contohnya dalam pilihan raya umum dan pilihan raya kecil dan sekarang pilihan raya negeri Sarawak - pada masa itu saya mengemukakan soalan saya = bagaimana beliau dapat membezakan kerja kerajaan dan kerja parti? Adakah beliau menuntut perbelanjaan tugas rasmi menjalankan kerja-kerja parti?

Saya dapat satu jawapan yang cukup ringkas sekali menjawab bahawa beliau menjalankan tugas Menteri sebagai kerja rasmi dan beliau ada hak pergi ke mana-mana tempat dan soal menuntut perbelanjaan tidak berbangkit.

Dato' Pengerusi, sila kita lihat dalam Dewan yang mulia ini, Menteri di kementerian yang lain sanggup mengambil usaha untuk datang menjawab. Tetapi Menteri Penerangan di mana dia beliau? Tetapi di mana-mana pilihan raya kecil khususnya, beliau ada bertapak di sana di sepanjang kempen pilihan raya kecil itu. Dan

kerja beliau bukan untuk menerangkan apa-apa soalan berkenaan cara-cara pilihan raya atau mengajak ramai-ramai keluar mengundi. Kerja beliau adalah untuk memancing undi dan menghentam pihak yang menentanginya.

Jadi saya dalam hati saya, saya memanglah selalu hendak menanyananyakan adakah menteri-menteri, khasnya Menteri Penerangan ini beliau dilantik dagangan perbelanjaan kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja sebagai seorang Setiausaha Agung parti UMNO dan itu perlu dijelaskan dengan memuaskan, Dato' Pengerusi.

020000 – Perkhidmatan Penyiaran. Saya pernah membangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat Jempol pun ada pernah menjawab soalan saya berkenaan dengan subtitle Cina di filem Mandarin atau di filem Kantonis di mana subtitle dipadam atau ditutup dengan satu slip hitam atau diganti dengan subtitle Bahasa yang lain. Yang Berhormat pernah jawab soalan saya dalam Dewan yang mulia ini bahawa beliau akan menyemak perkara ini dan sekiranya terdapat kebenaran, beliau akan menentukan. Tetapi sehingga hari ini belum ada pembetulan dilakukan.

Dato' Pengerusi, saya bangkitkan perkara ini sebab bukan semua orang Cina memahami dialek-dialek yang ditayangkan. Kadang-kadang mereka tak dapat tangkap erti percakapan itu, mereka perlu melihat subtitle itu dan sekiranya subtitle itu dipadam dan digantikan dengan subtitle yang lain apa perasaan penonton itu? Adakah itu diskriminasi terhadap satu-satu itu?

Perkara 050000 – Perkhidmatan Hal Ehwal Khas. Dato' Pengerusi, tadi Yang Berhormat dari Serdang ada membangkitkan bahawa bayaran atau elaun untuk Pembantu Luar Khas sangatlah rendah. Beliau meminta supaya elaun untuk Pembantu Luar Khas ini boleh dinaikkan.

Dato' Pengerusi, Pembantu Luar Khas, kebanyakan mereka ini dilantik oleh parti masing-masing-masing, Parti-parti pemerintah macam parti MCA, Gerakan. Sebenarnya perkhidmatan Pembantu Luar Khas ini, tugas mereka apa itu? Terdapat di kawasan saya di mana parti MCA ada melantik Pembantu Luar Khas dan beliau bekerja juga di dalam pejabat parti MCA dan kerja beliau tak lain tak bukan ialah hanya untuk mengaturkan upacara-upacara atau mengaturkan kegiatan-kegiatan untuk parti beliau sendiri sahaja.

Seorang Ahli: Mana ada? Mana ada?

Tuan Lim Hock Seng: Kalau tidak nanti ada Menteri akan menjawab. Jadi, saya hendak menanya di sini apakah terma-terma ganjaran atau syarat-syarat yang membolehkan seseorang pembantu luar khas itu menjalankan tugasnya atau jawatan beliau itu adakah sementara atau selama-lamanya atau kekal.

Tuan Pengerusi, saya ingin membangkitkan satu masalah iaitu 020000 - Perkhidmatan Penyiaran. Walaupun perkara ini mungkin di bawah Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia tetapi juga saya ingat ini ada hubung kait dengan Kementerian Penerangan iaitu masalah parabola. Pada satu masa yang dahulu apabila ASTRO belum diperkenalkan di negara kita ini saya pernah membawa perkara parabola di dalam Dewan yang mulia ini. Pada masa itu jawapannya ialah kita tidak boleh menerima siaran negara asing, takut-takut mereka akan mempengaruhi fikiran rakyat kita dalam negara ini.

Tetapi dengan adanya ASTRO sekarang kita boleh mendapat dan menonton siaran dari Hong Kong, Taiwan dari CNN, dari yang lain-lain juga banyak kita telah boleh menonton. Tetapi ASTRO ini perbelanjaannya sangat mahal iaitu RM89.95 sen satu bulan. Jikalau dikira dengan satu tahun ia lebih kurang RM1,000 untuk menonton ASTRO dan sekiranya kerajaan boleh membenarkan parabola dipasang dan kita hanya memasang sekali gus sahaja perbelanjaan parabola, iaitu lebih kurang RM1,000 lebih atau RM1,500 hingga RM2,000 tertakluk kepada jenis parabola yang dipasangkan. Pada pendapat saya parabola ini jikalau kita menerima siaran TV daripada negara asing pun seperti Singapura, negeri Chinakah, negeri Taiwankah, Hong Kongkah, mereka masing-masing juga mengawal siaran mereka. Bukan semua siaran lucah, siaran yang boleh mengotorkan atau membawa padah kepada fikiran rakyat, mereka tidak menyiarkannya.

Jadi, saya membangkitkan perkara ini untuk meminta kementerian menimbang semula pada masa sekarang ini sebab kalau kita hendak membina satu

masyarakat yang bermaklumat dan kita meminta supaya kerajaan boleh menimbangkan pemasangan parabola di mana setiap keluarga dapat..

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, masa cukup.

Tuan Lim Hock Seng: .. sudah habis?dan boleh menerima siaran TV dari negarane-negara asing demi untuk mendapatkan lebih pilihan dalam hiburan dan pengetahuan. Sekian, sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat Timbalan Menteri. Sila.

5.50 ptg.

Timbalan Menteri Penerangan [Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus]: Tuan Pengerusi, bagi pihak Yang Berhormat Menteri, saya suka terlebih dahulu merakamkan berbilang terima kasih dan penghargaan kepada semua enam orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam perbincangan belanjawan kementerian di peringkat Jawatankuasa ini. Semuanya yang didatangkan daripada ahli-ahli Barisan Nasional saya tengok baik belaka, yang datang daripada parti pembangkang pun ada yang baik tetapi banyak yang tidak baik. Itu fasal dia tidak berani tunggu ini. Memang tentu kena di muka mereka sekarang.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, tidak banyak hanya tiga orang sahaja.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Tidak ada, tidak payah. Saya terus pergi menjawab, pergi penjelasan biasa sahajalah. Jadi, Yang Berhormat yang pertama sekali Yang Berhormat bagi Parit Sulong pun tidak ada. Beliau telah membangkitkan soal pendapatan daripada iklan. Pertama sekali untuk TV dan juga radio. Jadi, memang benarlah sejak negara kita ini dilanda masalah ekonomi ataupun kegawatan ekonomi memang hasil daripada iklan khususnya untuk TV dan radio telah merosot dan kalau diperhatikan kemerosotan itu mula nyata daripada tahun 1997 sampai hari ini.

Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad: *[Masuk ke Dewan]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ada balik ya. Yang Berhormat bagi Parit Sulong sudah datang balik untuk rekod. *[Ketawa]* Kita perhatikan hasil iklan TV1, TV2 dan radio bagi tahun 2000 setakat ini berjumlah RM147.8 juta. Ini merupakan kemerosotan sebanyak RM139 juta ataupun lebih kurang 8.6% berbanding tahun sebelumnya. Hasil iklan tahun 2000 ini didapati punca utamanya seperti yang saya katakan ialah disebabkan oleh kegawatan ekonomi yang melanda negara kita. Pada pandangan kita, andaian kita kajian kita, hasil iklan bagi sepuluh bulan pertama tahun ini 2001 bernilai RM100.5 juta dan dijangka akan berjumlah sebanyak RM130 juta sehingga akhir tahun ini. Ini pun masih merupakan kemerosotan lebih kurang sejumlah RM17.8 juta ataupun 12% berbanding tahun sebelumnya. Berasaskan senario ini adalah dijangka prestasi hasil iklan bagi tahun 2000 tidak akan mengalami perubahan. Maknanya, tidak akan naiklah.

Selain daripada itu Yang Berhormat membangkitkan tentang susah dan mudah untuk mendapatkan iklan jenis-jenis program yang dapat mudah atau payah ini. Jadi, memang benar kita perhatikan bahawa program hiburan ini ia lebih mudah untuk mendapatkan iklan ataupun penaja kalau hendak dibandingkan dengan program-program yang ada elemen-elemen pendidikan ini.

Tetapi pula Yang Berhormat keadaan ini bukan baru, sejak dahulu begitulah gambarannya. So, kita kena mencari jalan untuk *educate*, dengan izin membimbing, mendidik masyarakat kita terutama sekali tentang menghargai nilai-nilai yang baik dan memberikan nilai ekonomi yang setimpal terhadap nilai-nilai yang mempunyai unsur-unsur ilmu dan keilmuan itu.

Selain daripada itu, soal sikap ejen pengiklan yang merancang perbelanjaan pengiklanan ini. Saya suka jelaskan sedikit dari segi kita RTM, kita perhatikan pecahan hasil iklan TV1 dan TV2 bagi tahun ini iaitu tahun 2001 mengikut nisbah 30% kepada TV1 dan 7% kepada TV2. Ini bermakna sekali lagi para pengiklan lebih meminati program-program TV2 yang kumpulan sasarannya ialah masyarakat bandar berbanding dengan TV1 yang kumpulan sasarannya masyarakat Melayu di luar bandar.

Oleh yang demikian tanggapan Yang Berhormat bagi Parit Sulong bahawa ejen pengiklan merancang perbelanjaan berdasarkan ataupun mengandungi unsur-unsur prasangka bahawa masyarakat Melayu mempunyai, dengan izin, *purchasing power* yang rendah memanglah benar dan ada kebenarannya.

Tuan Pengerusi, saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Kota Melaka. Yang Berhormat Kota Melaka, ini soal istilah-istilah dan negara Islam serta buku yang dibangkitkan ini. Saya suka hendak jelaskan sedikit tentang istilah-istilah ataupun perkataan-perkataan ini adalah merujuk kepada pendapat alim ulamak zaman silam. Istilah ini tidak digunakan lagi dalam pemerintahan Malaysia di zaman ini.

Penerapan nilai Islam adalah nilai *universal*, sudah diterima oleh semua kaum dan soal nilai ini bukan soal hukum - satu. Yang keduanya, soal buku ini yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi. Buku ini sebenarnya dikeluarkan tiga bulan sebelum peristiwa 11 September di New York. Dan, Yang Berhormat merujuk kepada buku yang ada kapal terbang, ya. Jadi, buku itu memanglah kita sudah tarik balik, kita sudah tidak keluarkan lagi.

Buku ini sebenarnya dibuat untuk penjelasan kepada umum terutama kepada orang Islam dengan mengambil kira juga pandangan rakan-rakan kita yang bukan Islam. Biasanya kita di kementerian ini, ada benda-benda yang – banyak yang sebenarnya benda-benda yang kita tidak payah pergi Kabinet itu. Jadi, benda-benda yang melibatkan dasar-dasar besar, itu kita pergi Kabinetlah. Ini kerja harian dan memanglah bukan kata buku itu sahaja tetapi banyak lagi penerbitan-penerbitan kita yang tidak payah kita hantar ke Kabinet.

Bukan Kabinet tidak tahu, dia tahu, dia pun baca, kita bagi tetapi soalnya hendak dapat kelulusan Kabinet itu – dia berbeza Yang Berhormat di antara yang pergi ke Kabinet itu yang melibatkan dasar-dasar besar. Ini kerja normal rutin, Tuan Pengerusi yang banyak juga beribu tajuk kita buat. Jadi, kalau Kementerian Penerangan hendak rujuk semua itu kepada Kabinet, Kabinet tidak ada kerja lainlah hendak membaca seribu buah buku ini pula. Kita mengakulah memang tidak payah pergi kepada Kabinet.

Tuan Kerk Kim Hock: [Bangun]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ini berapa minit? *Half an hour* sahaja.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ya.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Okay.

Tuan Kerk Kim Hock: Tuan Pengerusi, ini sebenarnya merupakan satu polisi yang mustahak sekali. Jadi, saya hairan mengapakah kelulusan Kabinet tidak diperolehi. Yang kedua, tadi Yang Berhormat kata bahawabuku ini akan ditarik balik. Ada ya, betul ya?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Sudah tarik.

Tuan Kerk Kim Hock: Sudah tarik balik. Saya hendak tahu sama ada keputusan untuk menarik balik itu adalah kerana *somebody said the wrong things or somebody said something at a wrong time*.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ya, terima kasihlah Yang Berhormat. Jadi, bila kita baca buku, setiap daripada kita, pemikiran kita tidak sama antara saya fikir dengan Yang Berhormat fikir tidak sama kan? Tidak ada dua orang yang boleh fikir sama sahaja, *then we become robots*. Ha, kan? Jadi, itu terpulang kepada cara Yang Berhormat. Maksud saya cakap itu, cara Yang Berhormat nilai, tafsir, ya. Dan,

Tuan Kerk Kim Hock: ... sebab ini satu kesilapan politik atau ada saya kata, *wrong timing* mana satu yang betul. Ini mustahak. Kalau *wrong timing* masalah.....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *I'm still standing*, Yang Berhormat. [Ketawa]

Tuan Kerk Kim Hock: [Menyampuk]

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Jadi, bila kita dapati ada perkara-perkara yang menimbulkan mudarat, kita tidak ada masalah hendak tarik balik. *What is the problem?* Itu sahaja.

Puan Teresa Kok Suh Sim: Ayo....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *Do you understand 'mudarat' or not? What 'ayo'? Do you understand 'mudarat' ha? [Ketawa]* Pasal dia tidak ada apa, 'ayo', 'ayo', apa 'ayo'? Apa sakit? *[Disampuk]* Itu belakang seorang lagi, tu.

Seorang Ahli: Kartun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Ha, tolong tarik balik perkataan 'kartun', Yang Berhormat. Tolong tarik, kalau tidak aku tampar engkau karang. *[Ketawa]* Okay itu macamlah, awak pun macam kartun juga.

Tuan Kerk Kim Hock: *[Bangun]*

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Yang Berhormat, Kota Melaka bangun.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Yang Berhormat *half an hour only*. Saya puasa tau. Tolong, tolong, tolong. *[Ketawa]*

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa dia ni?

Tuan Kerk Kim Hock: Bila keputusan dibuat untuk tarik balik?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Oh, yang buku ni tadi?

Tuan Kerk Kim Hock: Ha, buku ini.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Baru inilah.

Tuan Kerk Kim Hock: Baru ini, bila?

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Hendak tarikh, saya boleh bagi *datelah* Yang Berhormat. Bising sangatlah kamu!

Tuan Kerk Kim Hock: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *I can give you the date, what. I can give you the date. Yes, officially. I can write to you and inform you when it was 'tarik'.* Okay, dengan izin, Tuan Pengerusi. Puas hati semua, empat, lima orang. *[Ketawa]*

Tuan Kerk Kim Hock: Okay, terima kasih.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Apa lagi ni. Okay, kemudian saya beralih kepada Yang Berhormat bagi Serdang. Ini tentang soal kualiti filem China di TV2, gambar lama dan bahasa atau loghatnya pula Kantonis. Jadi, saya suka hendak jelaskan iaitu walaupun gambar lama tetapi filem-filem tersebut yang sebenarnya adalah filem-filem yang diminati ramai, dalam istilah Inggerisnya dapat *box office*, dan dibintangi oleh pelakon-pelakon terkenal dan ada juga membawa mesej-mesej yang berunsur kepada pendidikan.

Filem-filem ini kita perolehi dengan dua cara:

- (i) kita runding terus dengan pembekal-pembekal daripada luar negara;
- (ii) kita runding dengan pembekal-pembekal yang ada dalam negara kita.

Secara kebetulan filem-filem ini yang kebanyakannya diterbitkan di Hong Kong menggunakan loghat Kantonis. Filem-filem ini kita pilih berdasarkan faktor seperti tajuk, dia punya *rating*, dia punya *star value* dan sebagainya. Kita cuba juga tampung keperluan bahasa Mandarin ini melalui rancangan-rancangan swasta yang diterbitkan oleh pengusaha-pengusaha dalam negara kita.

Kemudian Yang Berhormat juga bertanya soal anggota ataupun tenaga bukan Melayu yang terdapat dalam jabatan ini. Saya suka hendak jelaskan kepada Yang Berhormat bahawa memang terdapat kakitangan yang bukan Melayu dalam jabatan ini,

malahan bukan sahaja dalam jabatan ini, dalam Jabatan Penerangan sendiri pun, kita cuba untuk menokok tambah bilangan ini supaya dapat kita memberikan penerangan dan penjelasan yang lebih baik, yang lebih berkesan kepada anggota masyarakat bukan Melayu kerana banyak sangat dakyah-dakyah yang ditabur oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab tentang pelbagai perkara yang boleh mengelirukan masyarakat kita.

Kita akan cuba ikhtiarkan supaya dapat ditambah dari satu masa ke satu masa dan segala kemudahan yang disediakan itu berdasarkan kepada aturan dan peraturan kerajaan tetapi semua mereka ini terdiri daripada pegawai-pegawai kontrak.

Yang Berhormat juga bertanya tentang IBC, apa tugas dan fungsinya. Jadi, sebenarnya IBC ini telah dibina pada tahun 1998 bagi menempatkan peralatan penyiaran dan juga menyediakan ruang untuk badan-badan penyiar luar negara semasa negara menjadi tuan rumah Sukan Komanwel tahun 1998 dan yang terbaru ini IBC kita gunakan lagi untuk Sukan SEA yang ke-21. Buat masa sekarang, IBC kita rencanakan untuk menempatkan tenaga kejuruteraan dan juga pejabat pentadbiran, selain daripada kita menempatkan juga bilik-bilik perhubungan radio di bangunan tersebut.

Yang Berhormat bagi hmmm, dia tidak ada, saya baca sahajalah. Kalau ada tadi, mungkin tidak baca ini. Yang Berhormat bagi Parit Buntar, saya suka hendak jelaskan dahulu bahawa Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) ditubuhkan, pertama untuk menjelaskan dasar-dasar kerajaan yang penting untuk pembangunan rakyat dan negara. Ini amat perlu kerana pengalaman kita selama 44 tahun ini kita berjaya kerana adanya kerjasama dan sokongan rakyat untuk memastikan pembangunan pelbagai bidang di tanah air kita ini.

Yang keduanya, untuk menangani isu-isu jahat, golongan yang tidak bertanggungjawab yang boleh merosakkan fikiran rakyat dengan pelbagai fitnah, permusuhan yang boleh memecahbelahkan rakyat dan membantutkan rancangan pembangunan rakyat. Selain daripada itu, jabatan ini juga merupakan sebuah jentera kerajaan yang bertanggungjawab mewakili rakyat yang inginkan kedamaian dan kemakmuran. Maka, unsur-unsur yang jahat wajib ditentang dan mengikut agama Islam, terutama sekali Allah mewajibkan kebaikan ditegakkan dan kejahatan dihapuskan.

Kementerian Penerangan, Tuan Pengerusi, berkewajipan menegakkan kebenaran dan menentang kebatilan termasuk dari pihak pembangkang dan falsafah Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) ialah menegakkan yang makruf dan menentang serta menghapuskan kejahatan dan kemungkaran termasuk kemungkaran politik pihak pembangkang.

Tuan Pengerusi, kalau sekiranya Yang Berhormat bagi Parit Buntar menyatakan bahawa beliau akan berusaha dan bekerja untuk memastikan parti dia berjaya dengan lebih besar daripada masa-masa yang lampau, saya cuma hendak kata dalam masa yang terhad ini, *we will fight you*. Kita akan lawan dia dan kita akan pastikan bukan sahaja kita menang tetapi kita akan rampas balik negeri Kelantan dan Terengganu. Jadi, kalau dia cakap, kita pun boleh cakap, tidak ada masalah.

Jadi, Tuan Pengerusi, kalau kita perhatikan dakwaan Yang Berhormat yang mengatakan kononnya rakyat menolak program-program, dia tidak khusus pula, saya ingat RTM lah maksud dia. Kononnya semua program TV RTM ini ditolak oleh rakyat. Jadi, saya perhatikan mengikut angka-angka yang ada pada saya, at anytime sesetengah program tidak kurang daripada lebih 2 juta rakyat yang mengikuti program-program yang diterbitkan oleh RTM terutama sekali dan kita tahu bilangan yang menonton TV tidak kurang daripada 10 juta tetapi mereka itu memilih-milih program yang mereka kehendaki.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Tambun dan terima kasih atas pandangan-pandangan baik yang telah diberikan. Kita akan cuba memperbaiki bahan-bahan dan kualiti penerbitan-penerbitan yang diterbitkan oleh Jabatan Penerangan termasuklah dengan menggunakan peralatan-peralatan yang terbaru sama ada melalui dengan cara menggunakan CD atau VCD. Tentang Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) yang ditimbulkan juga dan Yang Berhormat hendak tahu siapa yang merancang pelbagai aktiviti ini. Sejak bahagian khas ini dinaikkan tarafnya sebagai sebuah jabatan kerajaan kita telah buat banyak perubahan dan antaranya ialah mengambil tenaga-tenaga yang baru yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang khusus untuk

mengendalikan pelbagai aktiviti jabatan itu. Dan saya terima baik apa juga pandangan dan teguran daripada Yang Berhormat dan kita akan cuba atasi kelemahan-kelemahan yang ada baik dari segi perancangannya menentukan perkara-perkara yang hendak dibincang dan lain-lain lagi.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Bagan ada bangkitkan tiga perkara saya perhatikan. Yang pertama sekali tugas Yang Berhormat Menteri. Jadi, Yang Berhormat kita ini mengamalkan tanggungjawab bersama. Jadi, baik Yang Berhormat Menteri Penerangan atau Menteri-Menteri yang lain termasuk juga Menteri Besar-Menteri Besar dari Kelantan dan Terengganu tidak salah kalau sekiranya mereka itu dalam kapasiti masing-masing pergi ke mana-mana sahaja dalam negeri kita ini membuat kerja dan dalam masa yang sama mereka mempunyai kerja-kerja tugas-tugas yang lain, tugas-tugas politik saya fikir tidak ada salahnya.

Jadi, macam contoh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Kelantan dia pergi ke Bukit Pelandok berjumpa dengan penternak-penternak babi selepas malam itu dia pun pergi buat ceramah di kawasan saya. Jadi, tidak timbul soalan itu. Itu kerja dia sebagai seorang pemimpin sama ada dalam kerajaan ataupun dalam parti. Saya percaya juga rakan-rakan Yang Berhormat daripada DAP pun kalau ada peluang nanti jadi pentadbir akan buat kerja yang sama juga. Jadi, kita jangan soal sangatah hendak beza antara kerja kerajaan dengan kerja parti. Kita bezakan antara kerja kerajaan ada peraturan-peraturannya yang tertentu. Begitu juga parti ada cara-cara yang tertentu. Itu sahaja pada pandangan sayalah. Dan tidak benar saya maklum saya sebagai Timbalan Menteri kepada Menteri Penerangan bertanggungjawab untuk mengesahkan dalam Dewan yang mulia ini bahawa Yang Berhormat Menteri Penerangan selain daripada kerja-kerja parti yang beliau urustadbirkan beliau juga menunaikan tanggungjawabnya dari segi keperluan-keperluan dan kehendak-kehendak kerajaan di sepanjang masa. Kadangkala saya tengok dia lebih hebat daripada orang yang lebih muda daripada dia.

Jadi, selain daripada itu, ini soal *subtitle* ini yang sebenarnya saya sudah kenal pasti masalah ini. Masalah ini masalah kita hendak dapatkan bekalan filem ini kadang-kadang lambat. Jadi, banyak sampai *last minute*. Saya sudah cuba dera, gesa supaya filem-filem yang hendak kita siar ini bila sudah dipersetujui mestilah dibekalkan ikut waktu yang kita beri. Jadi, masalah ini sudah puas kita cuba ikhtiarkan tetapi kalau dia tidak boleh juga itu saya tidak dapat hendak kata apalah Yang Berhormat. Tetapi as I said, setakat yang kita boleh ikhtiarkan kita akan cuba ikhtiarkan dari satu masa ke satu masa.

Dan akhir sekali Tuan Pengerusi, soal elaun pembantu luar tadi sudah saya sebut terangkum dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Serdang. Jadi, setakat itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya sekali lagi bagi pihak Yang Berhormat Menteri

Tuan Lim Hock Seng: Parabola....

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Parabola bukan bawah kami. Jadi, saya bagi pihak Yang Berhormat Menteri sekali lagi suka merakamkan berbilang terima kasih kepada keenam-enam Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian. Setiap pandangan yang baik kita terima dengan baik dan kita akan cuba perbaiki apa juga kelemahan yang ada pada kita. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM770,650,200 untuk Maksud B.44 di bawah Kementerian Penerangan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM770,650,200 untuk Maksud B.44 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual.

Tuan Pengerusi [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM130,141,590 untuk Maksud P.44 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan bagi tahun 2002 hendaklah diluluskan.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak RM130,141,590 untuk Maksud P.44 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2002.

Majlis mesyuarat bersidang semula.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 10.00 pagi hari esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.20 petang.